



# LAPORAN TAHUNAN

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

# 2012



MENGARUS PERDANA

LATIHAN



KEMAHIRAN





# LAPORAN TAHUNAN

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

# 2012

MENGARUS PERDANA

LATIHAN

KEMAHIRAN



[www.dsd.gov.my](http://www.dsd.gov.my)

## LAPORAN TAHUNAN 2012 JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

Diterbitkan oleh:

Jabatan Pembangunan Kemahiran  
Aras 7-8, Blok D4,  
Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62530 Putrajaya, Malaysia.

Hak cipta © 2013 Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

Hak cipta terpelihara. Tiada kandungan di dalam penerbitan ini boleh disalin atau diedarkan di dalam apa-apa bentuk atau cara, elektronik atau mekanikal, termasuk salinan fotokopi, rakaman atau apa-apa sistem penyimpanan tanpa kebenaran dari pemegang hak cipta.

Rekabentuk dan Dicitak oleh:

Reka Cetak Sdn. Bhd.  
No. 14 Jalan Jemaju Empat 16/13D,  
Seksyen 16, 40200 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 603-5510 4254 / 4758  
Faks: 603-5510 4059

# Kandungan

---

## **PRAKATA**

**9**

---

## **BAB 1**

### **PIHAK BERKEPENTINGAN**

**11**

- 1.1 Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK)
  - 1.2 Majlis Penyelarasan Kemahiran Kebangsaan (MPKK2)
  - 1.3 Jawatankuasa Tetap Penyelarasan Antara Agensi Latihan (JTPAAL)
  - 1.4 Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK)
- 

## **BAB 2**

### **PENGENALAN KEPADA JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (JPK)**

**15**

- 2.1 Visi, Misi, Objektif & Fungsi
  - 2.2 Piagam Pelanggan
  - 2.3 Dasar Kualiti Jabatan
    - 2.3.1 Pelaksanaan Persijilan di Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
    - 2.3.2 MS ISO/IEC 17024 Bagi Skop: Ujian Tanpa Musna (NDT)
  - 2.4 Carta Organisasi JPK 2012
  - 2.5 Carta Fungsi JPK
- 

## **BAB 3**

### **PENINGKATAN PENGIKTIRAFAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM)**

**23**

- 3.1 Pentauliahan
    - 3.1.1 Pentauliahan Pusat Bertauliah
    - 3.1.2 Pentauliahan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)
  - 3.2 Pengeluaran Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)
  - 3.3 Kebolehpasaran Graduan SKM
    - 3.3.1 Pengiktirafan JPA
    - 3.3.2 Artikulasi Program Kemahiran dan Program Akademik
    - 3.3.3 Memorandum Persefahaman (MOU) Antara JPK Dengan Badan Persijilan Antarabangsa
  - 3.4 Program Antarabangsa
    - 3.4.1 Promosi Latihan Kemahiran Antarabangsa Melalui SkillsMalaysia INVITE
    - 3.4.2 Pentauliahan Pusat Bertauliah Antarabangsa dan Pendaftaran Pelajar Antarabangsa
  - 3.5 Pengiktirafan latihan kemahiran melalui Sistem Bank Kredit Kemahiran
-

---

**BAB 4****MENGHARMONI DAN MEMPERKUKUKKAN SISTEM PENYAMPAIAN  
LATIHAN VOKASIONAL DAN PENDIDIKAN TEKNIKAL (TEVT)****41**

- 4.1 Analisis Pekerjaan (Occupational Analysis (OA))
- 4.2 Pembangunan National Occupational Skills Standard (NOSS)
- 4.3 Pembangunan Kurikulum Latihan Kemahiran
  - 4.3.1 Pembangunan Kurikulum Program di Pusat Bertauliah
  - 4.3.2 Pembangunan Kurikulum SLDN (K-SLDN)
- 4.4 Bank Soalan Latihan Kemahiran
- 4.5 Kod Amalan Pentauliah Program Kemahiran (KAPPK)
- 4.6 Mengarusperdana Latihan Kemahiran Melalui Jenama Aktiviti SkillsMalaysia
  - 4.6.1 Pertandingan Kemahiran
    - 4.6.1.1 Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia 2012
    - 4.6.1.2 Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASEAN Skills Competition, ASC) 2012
    - 4.4.1.3 Pertandingan MySkills ke-6 Tahun 2012
    - 4.4.1.4 Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) 2012
  - 4.6.2 Perhimpunan Perdana Warga Kemahiran 2012
  - 4.6.3 Siri Jelajah SkillsMalaysia
- 4.7 Persidangan Pusat Bertauliah
- 4.8 National Blue Ocean Strategy (NBOS)
- 4.9 Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran
- 4.10 Penarafan Bintang (Star Rating) Pusat Bertauliah
  - 4.10.1 Penarafan Bintang Pusat Bertauliah 2012
  - 4.10.2 Majlis Anugerah Pusat Bertauliah (PB) Cemerlang
- 4.11 Penguatkuasaan
  - 4.11.1 Lantikan Inspektor dan Pegawai Penguatkuasa
  - 4.11.2 Kad Kuasa Inspektor dan Pegawai Penguatkuasa
  - 4.11.3 Pengurusan Aduan

---

**BAB 5****PENGUKUHAN HUBUNGAN STRATEGIK DENGAN INDUSTRI****87**

- 5.1 Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK)
  - 5.2 Industry Lead Body (ILB)
  - 5.3 Program SkillsMalaysia Partnership (SMP)
    - 5.3.1 Lawatan SMP
  - 5.4 Perjanjian Kerjasama Strategik
    - 5.4.1 Perjanjian Kerjasama Dengan Pihak Industri
    - 5.4.2 Kerjasama Dengan Jabatan Penjaran, Kementerian Dalam Negeri (KDN)
    - 5.4.3 Kerjasama Dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi pelaksanaan program SLDN Di Sekolah Menengah Vokasional dan Kolej Vokasional (KV) KPM
-

---

**BAB 6****PEMBANGUNAN DAN PEMANTAPAN TENAGA PENGAJAR DAN FASILITATOR****107**

- 6.1 Program Pembangunan Modal Insan
  - 6.2 Pelaksanaan Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra-Perkhidmatan)
  - 6.3 Pelaksanaan Latihan Kemahiran Dalam Perkhidmatan (In-Service)
    - 6.3.1 Program Jangka Pendek
    - 6.3.2 Program Vocational Training Officer (VTO), Vocational Training Executive (VTE) dan Vocational Training Manager (VTM) Secara Fast Track dan Single Tier
    - 6.3.3 Latihan Sangkutan Industri (LSI)
  - 6.4 Pengurusan Personel Lantikan
    - 6.4.1 Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliahan (PPKSPP)
    - 6.4.2 Daftar Pakar Industri Negara (DPIN)
    - 6.4.3 Pembangunan Dan Pemantapan PPL/PP-PPT dan PPL
  - 6.5 Pembangunan Fasilitator
    - 6.5.1 Kursus Asas CUDBAS
    - 6.5.2 Kursus Pembangunan WIM
    - 6.5.3 Kursus Pembangunan NOSS (DA CUM) dan Kursus Pembangunan dan Fasilitator NOSS (DESCUM)
      - 6.5.3.1 Latihan Sangkutan Industri (LSI) bagi Kursus Pembangunan Fasilitator NOSS (DESCUM)
  - 6.6 Pemantapan Personel Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)
  - 6.7 Program Antarabangsa
  - 6.8 Majlis Konvokesyen
  - 6.9 Kampus Satelit
-

---

**BAB 7****PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
DAN KEWANGAN****131**

- 7.1 Pengurusan Sumber Manusia
  - 7.1.1 Penjawatan Semasa
  - 7.1.2 Kenaikan Pangkat
  - 7.1.3 Pengisian Jawatan
  - 7.1.4 Human Resources Management Information System (HRMIS)
  - 7.1.5 Persaraan
- 7.2 Pengurniaan Pingat Kebesaran dan Anugerah Kepada Kakitangan JPK
  - 7.2.1. Pengurniaan Darjah Kebesaran Pingat Jasa Kebaktian (PJK)
  - 7.2.2. Pengurniaan Darjah Pangkuan Seri Melaka ( D.PS.M)
  - 7.2.3. Pengurniaan Darjah Kebesaran Johan Mangku Negara (J.M.N)
  - 7.2.4. Pengurniaan Darjah Kebesaran Ahli Mangku Negara (A.M.N)
  - 7.2.5. Pengurniaan Darjah Kebesaran Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
  - 7.2.6. Pengurniaan Darjah Kebesaran Pingat Pangkuan Negara (PPN)
  - 7.2.7 Anugerah Khidmat Cemerlang
- 7.3 Latihan
- 7.4 Pengurusan Kewangan
- 7.5 Pengurusan Pentadbiran (Pengurusan Aset Alih Harta Modal & Inventori)
  - 7.5.1 Pembelian Harta Modal dan Inventori Menggunakan Peruntukan Mengurus
  - 7.5.2 Pemeriksaan Harta Modal dan Inventori
  - 7.5.3 Inventori dan Stok
  - 7.5.4 Pelupusan Harta Modal dan Inventori

---

**BAB 8****KREATIVITI DAN INOVASI****145**

- 8.1 Perkongsian Maklumat ITEX 2012
- 8.2 Persijilan 5S
- 8.3 Sijil Naziran Bersih Tahun 2012
- 8.4 Majlis Pelancaran Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Di JPK Wilayah Utara Pada 21 Disember 2012

---

**BAB 9****AKTIVITI PERINGKAT WILAYAH****151**

- 9.1 JPK Wilayah Utara
  - 9.2 JPK Wilayah Selatan
  - 9.3 JPK Tengah
  - 9.4 JPK Timur
  - 9.5 JPK Wilayah Sabah
  - 9.6 JPK Wilayah Sarawak
-

---

**BAB 10****PENERBITAN BUKU, ARTIKEL DAN PENYIARAN****187**

- 10.1 Penerbitan Buku
- 10.2 Penerbitan Analisis Pekerjaan dan Kajian
  - 10.2.1 Analisis Pekerjaan yang telah dibangunkan pada tahun 2012
  - 10.2.2 Kajian Penggiatan SLDN
- 10.3 Program Promosi SkillsMalaysia
  - 10.3.1 Buletin
  - 10.3.2 Artikel dan Keratan Akhbar dan Media Elektronik
  - 10.3.3: Promosi Media Elektronik (Radio dan Televisyen)
  - 10.3.4: Media Sosial dan Laman Sesawang
  - 10.3.5: Pertandingan IMAGINOVASI
- 10.4 Artikel dan keratan Akhbar

---

**BAB 11****AKTIVITI SOSIAL DAN KEBAJIKAN****211**

- 11.1 Pertubuhan Kebajikan dan Sukan (PKS)
  - 11.2 Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) JPK
  - 11.3 Aktiviti Sukan dan Sosial JPK Wilayah
  - 11.4 Kelab Kakitangan CIAST (KKC)
-



DATUK DR. PANG CHAU LEONG

Ketua Pengarah  
Pembangunan Kemahiran

# Prakata

Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung atau tidak dalam menjayakan penerbitan Buku Laporan Tahunan JPK 2012 ini. Secara umumnya, pencapaian setiap aktiviti yang telah dirancang bagi tahun 2012 amatlah membanggakan dimana pelbagai usaha dan semangat kerjasama berpasukan telah menjamin kesinambungan kejayaan aktiviti tersebut.

JPK telah diberi amanah yang besar untuk membangunkan modal insan yang kompeten melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) selaras dengan agenda memperkasakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sebagai persijilan tunggal kebangsaan bagi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT). Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) telah meluluskan sebanyak 346 Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK/ NOSS) dengan menjadikan jumlah keseluruhan bilangan NOSS yang aktif sehingga tahun 2012 adalah sebanyak 1,439 NOSS. JPK juga telah menganugerahkan sebanyak 101,450 sijil yang merangkumi SKM, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) kepada individu yang telah disahkan terampil mengikut SPKM iaitu melalui Pusat bertauliah (PB), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), dan Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

---

Secara umumnya, pencapaian setiap aktiviti yang telah dirancang bagi tahun 2012 amatlah membanggakan dimana pelbagai usaha dan semangat kerjasama berpasukan telah menjamin kesinambungan kejayaan aktiviti tersebut.

---

Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 1,068 buah PB aktif melaksanakan program latihan kemahiran, manakala sebanyak 138 buah syarikat telah menyertai program SLDN biasa, 55 buah syarikat program SLDN berinsentif dan 56 buah syarikat menjalankan SLDN secara *in-house*. Usaha bersungguh-sungguh dalam memperkenalkan program SLDN sehingga mendapat pengiktirafan oleh '*Malaysia Book of Record*' bagi pendaftaran perantis terbanyak untuk program SLDN juga harus dilihat sebagai salah satu pemangkin kepada pengukuhan SPKM.

---

Selain itu, bagi memperkasakan latihan kemahiran agar sejajar dengan keperluan industri, JPK telah melantik 16 *Industry Lead Body (ILB)* sebagai badan peneraju yang mewakili sektor industri tertentu bagi memastikan latihan dan pembangunan kemahiran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui pendekatan *industry-driven* yang menyeluruh.

Sebagai langkah proaktif dalam mempromosi latihan kemahiran, pada tahun 2012, JPK telah memperkenalkan satu program khas yang dikenali sebagai program *Skills Malaysia Partnership (SMP)* bagi memberi perhatian yang khusus kepada aktiviti pembangunan sumber manusia mahir.

Sepanjang tahun 2012 juga telah menyaksikan penglibatan jabatan secara khusus dalam program *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* seperti Pusat Transformasi Luar Bandar (*Rural Transformation Centre - RTC*) dan Pusat Transformasi Bandar (*Urban Transformasi Bandar-UTC*) yang dapat meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat melalui kesepakatan antara pelbagai kementerian, jabatan atau agensi Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta.



# BAB 1

## PIHAK BERKEPENTINGAN

# Pihak Berkepentingan

## 1.1 Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK)

Suatu badan dengan nama Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) ditubuhkan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652).

Fungsi Majlis ini adalah untuk:

- Meluluskan Standard;
- Menasihati Menteri tentang perkara-perkara yang berhubungan dengan Akta ini;
- Menasihati Menteri tentang apa-apa perkara yang dirujuk kepada oleh Menteri; dan
- Melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang boleh ditetapkan dalam Akta ini.

## 1.2 Majlis Penyelarasan Kemahiran Kebangsaan (MPKK2)

Majlis Penyelarasan Kemahiran Kebangsaan (MPKK2) ditubuhkan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Modal Insan Bil. 2/2012 pada 17 Mei 2010. Majlis ini dipengerusikan oleh YB Menteri Sumber Manusia dan dianggotai oleh 19 orang ahli yang terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan, swasta dan badan-badan yang berkaitan dengan latihan kemahiran.

Majlis ini ditubuhkan bertujuan untuk:

- i. Membincangkan isu-isu penyelarasan perancangan dan pelaksanaan pembangunan latihan kemahiran dalam negara;
- ii. Merumuskan strategi dan tindakan bagi memperkemaskan penyampaian sistem pembangunan dan latihan kemahiran;
- iii. Memperakukan tindakan bagi mempertingkatkan dan mengharmonikan kualiti kurikulum pembangunan dan latihan kemahiran selaras dengan keperluan industri; dan
- iv. Memperakukan tindakan bagi menambah baik persepsi masyarakat terhadap latihan kemahiran dan menarik ramai pelajar dan pekerja untuk mengikuti latihan kemahiran.

Sepanjang tahun 2012, mesyuarat MPKK2 telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada 2 Februari 2012 dan 17 Julai 2012. Mesyuarat pertama membincangkan kepada perkara seperti berikut:

- i. Penelitian semula cadangan penubuhan oversight body dan penggabungan 'sektor kemahiran' dengan 'sektor teknikal dan vokasional' hasil dari kajian yang telah dilakukan oleh syarikat perunding iaitu Boston Consulting Group (BCG); dan
- ii. Cadangan pelaksanaan enam (6) strategi di bawah Transformasi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)

Manakala, mesyuarat kedua turut membentangkan dan membincangkan kepada perkara seperti berikut:

- i. Perkembangan pelaksanaan rasionalisasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT) oleh Unit Perancang Ekonomi;
- ii. Penerimaan universiti tempatan untuk artikulasi pelajar institusi latihan kemahiran oleh wakil MTUN; dan
- iii. Status pelaksanaan transformasi pendidikan vokasional oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

### **1.3 Jawatankuasa Tetap Penyelarasan Antara Agensi Latihan (JTPAAL)**

Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil institut latihan kemahiran awam yang dilantik oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran dan berperanan menyelaras aktiviti latihan kemahiran termasuklah penyelarasan dasar, garis panduan yang berkaitan latihan kemahiran di institusi latihan kemahiran.

### **1.4 Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK)**

JPPK merupakan sebuah jawatankuasa kerja yang ditubuhkan oleh JPK yang berperanan sebagai penasihat kepada jabatan dalam menentu dan mengesahkan kurikulum yang dibangunkan di samping memberi khidmat nasihat mengenai pembangunan teknologi terkini, bidang-bidang baru, transformasi proses dan prosedur baru serta keperluan sumber tenaga mahir di industri sama ada dari segi bidang atau tahap kekompetenan.

Ahli JPPK terdiri daripada kalangan pakar industri yang mempunyai pengalaman dan kelayakan dalam bidang berkaitan. JPPK juga dianggotai oleh wakil dari persatuan, badan professional, badan penyelidikan dan teknologi, institusi pendidikan tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysi (MQA). Sehingga 31 Disember 2012, keahlian JPPK adalah seramai 609 orang daripada 20 sektor yang telah ditubuhkan.





**BAB 2**  
**PENGENALAN JPK**

# Pengenalan JPK

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dahulunya dikenali sebagai Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) yang telah ditubuhkan pada 2 Mei 1989 melalui penyusunan semula Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK).

JPK memainkan peranan penting dalam usaha mengarusperdana dan memperluaskan akses kepada pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang berkualiti. Ini adalah selaras dengan tujuan penubuhan JPK iaitu merumus, menggalak dan menyelaraskan strategi serta program latihan kemahiran di institusi latihan kemahiran sejajar dengan keperluan serta perkembangan teknologi dan industri negara.

## 2.1 Visi, Misi, Objektif & Fungsi

**Visi:** Peneraju Dalam Pembangunan Sumber Manusia Mahir Bertaraf Dunia

**Mis:** Membangunkan Sumber Manusia Yang Berpengetahuan (K-Pekerja) Yang Berdaya Saing.

### Objektif

Objektif penubuhan JPK:

- i. Menyelaraskan dan mengawal pelaksanaan latihan kemahiran bagi melahirkan K-Pekerja untuk keperluan pekerjaan dan pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa; dan
- ii. Menyelidik dan membangun standard kekompetenan pekerjaan dan kepakaran bagi meningkatkan kualiti sumber manusia mahir berterusan ke arah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

### Fungsi

Fungsi penubuhan JPK adalah:

- i. Menilai keperluan latihan;
- ii. Melaksanakan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM);
- iii. Mempromosi sistem latihan kemahiran;
- iv. Membantu meningkatkan keupayaan kemahiran individu;
- v. Menjalankan kajian dan penyelidikan berkaitan latihan kemahiran; dan
- vi. Membangun, melulus dan menyemak Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK).

## 2.2 Piagam Pelanggan

### **JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BERJANJI AKAN:**

Membangunkan sumber manusia mahir dan berkualiti melalui pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap pembangunan NOSS dalam tempoh enam (6) bulan bagi setiap NOSS; dan

Melahirkan pekerja mahir bagi menampung keperluan industri negara melalui pentauliah program latihan kemahiran di pusat bertauliah dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap proses pentauliah dalam tempoh tiga (3) bulan bagi setiap permohonan.

## 2.3 Dasar Kualiti Jabatan

Berikut adalah dasar kualiti JPK:

- i. Kualiti adalah pegangan dan amalan JPK. Penghasilan output yang cemerlang, berlandaskan penambahbaikan berterusan, menjadikan teras budaya kerja ke arah pencapaian tahap MS ISO 9001:2008; dan
- ii. Melahirkan pekerja mahir yang berkualiti melalui program persijilan kemahiran Malaysia, mempromosi latihan kemahiran dan kerjaya, membantu dalam meningkatkan keupayaan kemahiran individu dan membimbing pembelajaran dan penyelidikan berkenaan latihan kemahiran untuk memenuhi kehendak-kehendak dan aspirasi matlamat JPK.

### **2.3.1 Pelaksanaan Persijilan ISO Di Jabatan Pembangunan Kemahiran(JPK)**

Sistem Pengurusan Kualiti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah dipersijilkan dengan sijil MS ISO 9001:2000 buat pertama kali pada 22 April 2005. Pada 12 November 2010, Sistem Pengurusan Kualiti JPK telah berjaya mendapatkan persijilan MS ISO 9001:2008 melalui audit oleh pihak Lloyd's Register. Pada 27 Februari 2012, Lawatan *Surveillance Audit* telah diadakan dengan jayanya oleh pihak Lloyd's Register.

Tarikh Asal Persijilan ISO 9001:2000	: 22 April 2005
Tarikh Pembaharuan Persijilan ISO 9001:2000	: 17 June 2008
Tarikh Persijilan ISO 9001:2008	: 12 November 2010
Tarikh Tamat Persijilan ISO 9001:2008	: 21 April 2014
Tarikh <i>Surveillance Audit</i> MS ISO 9001:2008	: 27 Februari 2012



### 2.3.2 MS ISO / IEC 17024 bagi Skop: Ujian Tanpa Musnah (NDT)

Pada 3 Oktober 2012, JPK telah mematuhi MS ISO / IEC 17024 dan diiktiraf sebagai Badan Pensijilan Personel (Skop: Ujian Tanpa Musnah (NDT)) yang diberikan oleh Standard Malaysia (Akreditasi Nombor: PERSONNEL 03102012 CB02) untuk tempoh tiga (3) tahun sehingga 2 Oktober 2015.

Akreditasi ini membawa JPK ke senarai teratas sebagai Badan Personel Pensijilan pertama di kalangan agensi kerajaan Malaysia dan berada dalam kedudukan ke-4 dalam Jawatankuasa Asia Pasifik Bukan dalam Ujian Musnah (APCINDT) bersama-sama dengan Australia, New Zealand dan Republik China.



# Carta Organisasi 2012

## Jabatan Pembangunan Kemahiran



**Datuk Dr. Pang Chau Leong**  
Ketua Pengarah  
Pembangunan Kemahiran



**Ghazlan B. Ghazali**  
Pusat Latihan Pengajar dan  
Kemahiran Lanjutan (CIAST)  
Pengarah



**Nidzam B. Kamarulzaman**  
Timbalan Ketua Pengarah



**Sapinah bt Yusoff**  
Bahagian Khidmat  
Pengurusan dan Sumber  
Manusia (KPSM)  
Pengarah



**Zuleah Bt Darsong**  
Bahagian Kelayakan  
Kemahiran Pekerjaan  
Malaysia (MOSQ)  
Pengarah



**Norizan bt Mohd Shahbaki**  
Bahagian Perancangan,  
Penyelidikan & Pembangunan  
(PPP)  
Pengarah



**Omar bin Jusoh**  
Bahagian Standard  
Kemahiran Pekerjaan  
Kebangsaan (NOSS)  
Pengarah



**Mohd Yusoff B. Abu Bakar**  
Bahagian Pembangunan  
Kepakaran (PK)  
Pengarah



**Mohamad B. Yaacob**  
Bahagian Sistem Latihan Dual  
Nasional (SLDN)  
Pengarah



**Dr. Mohamad B. Sualman**  
Bahagian Pejabat  
Pemantauan Projek (PMO)  
Pengarah



**Shamsudin B. Jamil**  
Pengarah Wilayah Tengah



**Uzin B. Ali**  
Pengarah Wilayah Selatan



**Meena A/P Ramalingam**  
Pengarah Wilayah Utara



**Wan Fadzilah bt Wan Dagang**  
Pengarah Wilayah Timur



**Syahrul Nizam B. Perdan**  
Pengarah Wilayah Sabah



**Muhd Azmi B. Pelah**  
Pengarah Wilayah Sarawak



**N. Jaya Nadarajah**  
Pejabat Penasihat  
Undang-Undang  
Penasihat Undang-Undang



**Kamaludin B. Tomiran**  
Urusetia Majlis Pembangunan  
Kemahiran Malaysia  
Setiasaha

# Carta Fungsi

## Jabatan Pembangunan Kemahiran

BAHAGIAN NOSS	BAHAGIAN MOSQ	BAHAGIAN PERANCANGAN, PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (P,P&P)	BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEPAKARAN (PKS)	BAHAGIAN SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)	BAHAGIAN PEJABAT PEMANTAUAN PROJEK (PMO)	BAHAGIAN PENGURUSAN & SUMBER MANUSIA (KPSM)	PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST)	PEJABAT-PEJABAT WILAYAH
<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurus dan membangun <i>National Occupational Skills Standard</i> (NOSS).</li> <li>Mengurus dan menyelaras pembangunan kurikulum, latihan kemahiran pusat bertauliah dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).</li> <li>Mengurus pembangunan soalan latihan kemahiran bagi pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).</li> <li>Memantau dan menilai kandungan latihan (<i>courseware</i>) untuk e-Training.</li> <li>Menyelaras penyediaan program latihan berasaskan NOSS dengan agensi lain.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mentaullahkan pusat latihan yang ingin menjalankan program latihan kemahiran berdasarkan NOSS.</li> <li>Menguruskan kawalan jaminan mutu sistem pertauliahan di pusat bertauliah.</li> <li>Mengurus dan mengendalikn ujian kemahiran kebangsaan bagi program Ujian Tanpa Musnah (<i>Non-Destructive Testing</i> - NDT).</li> <li>Mengiktiraf kompetensi pekerja mahir melalui Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).</li> <li>Menguruskan persijilan SPKM.</li> <li>Menjalankan usaha-usaha ke arah pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merancang keperluan dan strategi pelaksanaan program latihan kemahiran kebangsaan.</li> <li>Mengkaji dan menganalisis keperluan pekerjaan sektor ekonomi/ industri utama.</li> <li>Menyelaras MoU di antara jabatan dan agensi luar.</li> <li>Merancang dan menyelaras Business Plan Jabatan</li> <li>Menyiddik dan mengkaji keberkesanan SPKM.</li> <li>Mengurus dan menyediakan data berkaitan SPKM.</li> <li>Menganalpasti dan menyelaras tindak-tandah terhadap isu-isu dalam latihan kemahiran.</li> <li>Mengurus dan menganalpasti penambahbaikan Aka 652.</li> <li>Merancang dan menyelaras aktiviti pembangunan sumber manusia mahir bagi Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merancang dan menyelaras kerjasama strategik dengan agensi lain.</li> <li>Merancang dan menganalpasti pihak yang berpotensi untuk mewujudkan kerjasama dengan Jabatan.</li> <li>Merancang, menyelaras dan menyediakan laporan bagi lawatan ke industri, agensi, persatuan, dan institusi latihan.</li> <li>Menyelaras dengan bahagian lain bagi setiap kerjasama sehingga hasil kerjasama diperolehi.</li> <li>Mengurus dan menyelaras aktiviti di bawah Badan Pengeraju Industri (LIB).</li> <li>Menyelaras Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyelaras dan menguruskan pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).</li> <li>Mengawal selia jaminan kualiti SLDN.</li> <li>Mempromosikan SLDN di peringkat kebangsaan.</li> <li>Menyelaras dan menguruskan peribadi SLDN.</li> <li>Menguruskan aktiviti konvokesyen dan pelancaran program SLDN.</li> <li>Mengurus dan merancang urusan pengiktirafan in-house training di GLC dan MNC.</li> <li>Menyelaras pelaksanaan aktiviti pemetaan NOSS dan K-SLDN di penyedia latihan SLDN.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurus dan mempromosikan pertandingan kemahiran peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuk PKM, MySkills, ASC dan WSC.</li> <li>Mengurusetikan Majlis yang berkaitan dengan dasar latihan kemahiran (MPKK1 dan MPKK2).</li> <li>Menyelaras aktiviti NKEA Education (EPPS).</li> <li>Mengukuatkan Aka Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Aka 652).</li> <li>Menerima, menyelesaikan dan menyelesaikan aduan di bawah skop dan peraturan Aka 652</li> <li>Menyelaras dan melaksanakan pengauditan dan penarafan pusat bertauliah JPK.</li> <li>Mengantara bngsakan SPKM melalui SkillsMalaysia INWTE.</li> <li>Mengurusetikan Jawatankuasa Tetap Penyelidikan Antara Agensi Latihan (JTPAAL)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menguruskan hal ehwal sumber manusia jabatan.</li> <li>Mengurus sumber fizikal jabatan.</li> <li>Menguruskan Kewangan dan akaun jabatan.</li> <li>Menguruskan perhubungan keselamatan pejabat dan kesihatan pekerja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merancang, menyelaras dan melaksanakan kursus pembangunan fasilitator dan Kursus Induksi Persijilan Kemahiran Malaysia (KPKM).</li> <li>Menyelaras bahan latihan dan pengajaran.</li> <li>Menguruskan Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliah (PPKSPP).</li> <li>Merancang dan mengurus kursus modular, customised dan <i>crash program</i> di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.</li> <li>Merancang dan mengurus kursus pemantapan PLV.</li> <li>Merancang dan menguruskan program latihan pengajar kemahiran (<i>pre-service</i> dan <i>in-service</i>).</li> <li>Menganalpasti dan membangunkan pembelajaran secara multimedia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurus dan menyelaras pelaksanaan SPKM di peringkat negeri/ wilayah.</li> <li>Menjalankan aktiviti promosi/ pemarkasan bagi meningkatkan kefahaman orang ramai terhadap SPKM.</li> <li>Menjalankan kerjasama erat dengan industri dan agensi peringkat wilayah.</li> </ul>



# BAB 3

## PENINGKATAN PENGIKTIRAFAN SKM



# Peningkatan Pengiktirafan SKM

## 3.1 Pentauliah

Pentauliah Terbahagi Kepada Dua (2) iaitu:

- i. Pentauliah Pusat Bertauliah; dan
- ii. Pentauliah SLDN

### 3.1.1 Pentauliah Pusat Bertauliah


Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 1,068 buah Pusat Bertauliah (PB) aktif melaksanakan program latihan kemahiran yang ditauliahkan. Daripada bilangan tersebut, sebanyak 370 PB kerajaan manakala 698 PB swasta. Jadual 1 di bawah menunjukkan statistik bilangan PB mengikut negeri dan jenis PB.

**Jadual 1 :**

Statistik Pusat Bertauliah Mengikut Negeri Dan Jenis Pusat Sehingga 31 Disember 2012

NEGERI	KERAJAAN	SWASTA	JUMLAH
Johor	42	63	105
Kedah	33	25	58
Kelantan	20	13	33
Melaka	15	32	47
Negeri Sembilan	23	40	63
Pahang	27	22	49
Pulau Pinang	24	41	65
Perak	36	51	87
Perlis	7	0	7
Sabah	28	43	71
Sarawak	31	28	59
Selangor	43	184	227
Terengganu	27	42	69
Wilayah Persekutuan KL	12	112	124
Wilayah Persekutuan Labuan	2	2	4
<b>JUMLAH PUSAT BERTAULIAH</b>	<b>370</b>	<b>698</b>	<b>1,068</b>

Berdasarkan Carta 1, menunjukkan bilangan pusat bertauliah yang telah mendapat pentauliah dari tahun 2008 hingga 2012. Pada tahun 2012 didapati peningkatan sebanyak 6.2 % daripada tahun sebelumnya.



**Carta 1:**  
Bilangan Pusat Bertauliah Dari Tahun 2008 Hingga 31 Disember 2012

Sebanyak 7,258 program telah ditauliahkan kepada pusat bertauliah yang aktif sehingga Disember 2012. Bilangan program yang ditauliahkan merangkumi program bagi pusat bertauliah baru, penambahan program di pusat bertauliah sedia ada dan pentauliahkan semula program sedia ada. Jadual 2 di bawah menunjukkan jumlah program yang ditauliahkan mengikut negeri dan jenis pusat bertauliah.

**Jadual 2 :**

Program yang Ditauliahkan Mengikut Negeri dan Jenis PB.

NEGERI	KERAJAAN	SWASTA	JUMLAH
Johor	470	253	723
Kedah	245	153	398
Kelantan	178	50	228
Melaka	181	195	376
Negeri Sembilan	176	251	427
Pahang	215	88	303
Pulau Pinang	204	217	421
Perak	258	298	556
Perlis	83	0	83
Sabah	208	181	389
Sarawak	236	215	451
Selangor	774	1,118	1,892
Terengganu	167	241	408
Wilayah Persekutuan KL	108	448	556
Wilayah Persekutuan Labuan	43	4	47
<b>JUMLAH PROGRAM</b>	<b>3,546</b>	<b>3,712</b>	<b>7,258</b>

Dalam tempoh lima (5) tahun dari tahun 2008 hingga 2012, pentauliahkan program pada tahun 2012 adalah tertinggi berbanding tahun sebelumnya seperti

ditunjukkan dalam Carta 2. Pada tahun 2009, jumlah program yang ditauliahkan menurun daripada 5,715 pada tahun sebelumnya kepada 4,777 seperti yang di tunjukkan di dalam Carta 2. Ini mencatatkan penurunan sebanyak 16 % manakala pada tahun berikutnya menunjukkan peningkatan sebanyak 20 % pada tahun 2010 dan 13 % pada tahun 2011. Peningkatan bilangan yang ditauliah secara berterusan dapat dilihat dari tahun 2010 hingga 2012. Faktor yang menyumbang kepada peningkatan bilangan program yang ditauliah pada dua tahun terakhir ini adalah kerana terdapat perubahan terhadap NOSS yang telah dikaji semula.



**Carta 2:**  
Bilangan Program yang Ditauih dari 2008 hingga 31 Disember 2012

### 3.1.2: Pentauliah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)

Pelaksanaan SLDN terbahagi kepada SLDN Sedia ada, SLDN Khas, SLDN Insentif dan In-House Training. Di bawah SLDN Sedia Ada, seramai 1,661 perantis telah dilatih di 138 syarikat pada tahun 2012 berbanding 1,117 perantis di 91 syarikat pada tahun 2011. Ini melibatkan peningkatan sebanyak 33% bagi perantis dan 34% bagi syarikat.

Di bawah RMKe 10, kerajaan telah memperluaskan liputan pelaksanaan SLDN dengan memperkenalkan SLDN Khas bagi menyediakan latihan khusus kepada golongan pelajar tercicir. Insentif di bawah SLDN Khas adalah sebanyak RM300 kepada perantis, RM200 kepada Syarikat dan RM125 kepada Pusat Latihan SLDN yang diberikan secara bulanan.

Pada tahun 2012 juga, SLDN Insentif telah diperkenalkan di mana pelaksanaannya adalah sebagaimana SLDN Khas tetapi ianya terbuka kepada perantis yang mempunyai kriteria perantis SLDN Sedia Ada. Keutamaan program ini adalah kepada penyedia latihan yang telah melaksanakan program SLDN sebelum ini dengan cemerlang dan jayanya. Melalui program ini sebanyak 979 perantis telah terlibat di 55 buah syarikat.

Manakala bagi Program In-House Training yang telah bermula pada tahun 2011, sebanyak 3487 perantis telah dilatih di 56 syarikat. Ini melibatkan peningkatan sebanyak 84% masing-masing bagi perantis dan syarikat jika dibandingkan dengan tahun 2011 (574 perantis dan 9 syarikat). Pelaksanaan program ini dijalankan dengan mempersijilkan Sijil Kemahiran Kemahiran melalui kaedah SLDN kepada industri-industri sedia ada yang telah melaksanakan latihan secara in-house sebelum ini.


Jadual 3 dibawah menunjukkan jumlah penyertaan perantis dan syarikat SLDN sehingga akhir Disember 2012:

**Jadual 3 :**

Jumlah penyertaan perantis dan syarikat SLDN bagi tahun 2012

PENYERTAAN PERANTIS & SYARIKAT MENGIKUT PENCAPAIAN TAHUNAN																
TAHUN	SLDN BIASA				SLDN KHAS				IN-HOUSE TRAINING				SLDN INSENTIF			
	Jumlah Penyertaan		Jumlah Terkumpul		Jumlah Penyertaan		Jumlah Terkumpul		Jumlah Penyertaan		Jumlah Terkumpul		Jumlah Penyertaan		Jumlah Terkumpul	
	perantis	syarikat	perantis	syarikat												
2005	70	4	70	4												
2006	163	3	233	7												
2007	1878	36	2111	43												
2008	5912	297	8023	340												
2009	15705	642	23728	982												
2010	1293	46	25021	1028												
2011	1117	91	26138	1119	5256	253	5256	253	574	9	574	9				
2012	1661	138	27799	1257	0	0	5256	253	3487	56	4061	65	979	55	979	55

Pencapaian penyertaan perantis dan syarikat bagi program SLDN 2012 adalah melebihi unjuran RMKe-10 seperti Carta 3:



**Carta 3 :**  
Unjuran Penyertaan Perantis & Syarikat bagi Program SLDN

Penyertaan Penyedia Latihan SLDN mengikut kategori syarikat dan pusat latihan tahun 2012 seperti Jadual 4 di bawah:

PENTAULIAHAN PENYEDIA LATIHAN							
Syarikat SLDN	Bulan	Tahun	Keseluruhan	Pusat Latihan	Bulan	Tahun	Keseluruhan
	DIS	2012			DIS	2012	
GLC	8	11	33	AWAM	0	35	125
MNC	1	13	72	SWASTA	19	153	1,551
SME	30	415	1,829				
<b>JUMLAH</b>			<b>1,934</b>	<b>JUMLAH</b>			<b>1,676</b>

Pengeluaran SKM melalui kaedah SLDN pada tahun 2012 adalah sebanyak 6,180. Secara keseluruhan, sebanyak 16,631 sijil telah dikeluarkan semenjak tahun 2005 seperti Jadual 5 di bawah:

**Jadual 5:**  
Status pengeluaran sijil melalui kaedah SLDN

STATUS PENGELUARAN SLDN		
Perkara	Tahun	Keseluruhan
	2012	
Penilaian / Lawatan PPL	8,251	19,646
Terima SKM / PC	6,180	16,631

### 3.2 Persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)


Penganugerahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dilaksanakan melalui empat (4) kaedah utama iaitu melalui Pusat Bertauliah (PB), Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan Ujian Tanpa Musnah *Non Destructive Test* (NDT).

Bagi tahun 2012, sebanyak 101,450 sijil yang merangkumi SKM, DKM dan DLKM serta 585 Penyata Pencapaian (PC) telah dikeluarkan melalui PB, SLDN, PPT dan NDT seperti Jadual 6.

**Jadual 6 :**

Statistik pengeluaran sijil mengikut tahap dan kaedah persijilan

PENGELUARAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA 2012										
Tahap	Kaedah								Jumlah Pengeluaran Sijil Tahun 2012	
	Pentauliahn Pusat Bertauliah		Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)		Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)		Non Desructive Testing (NDT)			
	SKM	PC	SKM	PC	SKM	PC	SKM	PC	SKM	PC
1	35,986	94	1,871	16	1,780	0	116	0	39,753	110
2	33,454	2	2,043	23	3,966	1	19	0	39,482	26
3	12,348	423	4,739	26	380	0	0	0	17,467	449
4	3,453	0	516	0	54	0	0	0	4,023	0
5	456	0	269	0	0	0	0	0	725	0
Jumlah	85,697	519	9,438	65	6,180	1	135	0	101,450	585
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>86,216</b>		<b>9,503</b>		<b>6,181</b>		<b>135</b>		<b>102,035</b>	



**Carta 4 :**

Pengeluaran Sijil Kemahiran Malaysia Mengikut Dari Tahun 2008 Hingga 31 Disember 2012

Berdasarkan perbandingan dari tahun 2008 hingga 2012 didapati peningkatan ketara sebanyak 25% terhadap pengeluaran sijil berlaku pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 yang mengalami penurunan 11% daripada tahun sebelumnya. Manakala pada tahun 2011 sekali lagi mengalami penurunan sebanyak 27% menjadikan bilangan pengeluaran sijil sebanyak 90,580. Pada tahun 2012 terdapat peningkatan sebanyak 13% atau 102,035 sijil telah berjaya di keluarkan berbanding tahun 2011.

### 3.3 Kebolehpasaran graduan SKM

#### 3.3.1 Pengiktirafan JPA

Pihak Jabatan telah mengambil beberapa tindakan dalam usaha ke arah pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) bagi tujuan kemasukan ke perkhidmatan awam.

Usaha pengiktirafan tersebut telah bermula pada tahun 1999 di mana JPK (yang ketika itu dikenali sebagai MLVK) telah mengemukakan "Kertas Memorandum Mengenai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1, 2, 3, 4 dan 5" kepada JPA. Hasil daripada beberapa sesi mesyuarat yang telah diadakan dengan pihak JPA, SKM Tahap 2 telah diterima sebagai salah satu syarat lantikan bagi skim **Tukang K1, Tukang K2 dan Tukang K3** melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan skim **Tukang Masak Gred N17, N22 dan N26** melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2009.

Bagi memperluaskan syarat kemasukan ke dalam Perkhidmatan Awam menggunakan kelayakan SKM, sebanyak 55 skim perkhidmatan yang bersesuaian telah dikenalpasti dan dicadangkan kepada JPA pada 10 Ogos 2009. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011, SKM Tahap 2 dan 3 telah diterima sebagai salah satu syarat lantikan ke **13 skim perkhidmatan** awam berikut;

1. Pemeriksa Kereta Motor Gred A17;
2. Ahli Muzik Gred B17;
3. Ahli Fotografi Gred B17;
4. Jurusolek Gred B17;
5. Pengajar Kraf Gred E17;
6. Pembantu Pegawai Latihan Gred E17;
7. Juruteknik Komputer Gred FT17;
8. Pembantu Perikanan Gred G17;
9. Penyelia Rancangan Tanah Gred G17;

10. Pelukis Pelan Gred J17;
11. Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred J17;
12. Penyelia Jurupakaian Ged N17; dan
13. Juruaudio Visual Gred N17.

Secara keseluruhan terdapat **17 skim perkhidmatan** yang telah memperuntukkan SKM sebagai salah satu syarat lantikan ke perkhidmatan awam.

Walau bagaimanapun, kelayakan masuk ke skim perkhidmatan awam menggunakan DKM dan DLKM yang melibatkan 27 skim perkhidmatan masih di peringkat pertimbangan JPA.


### **3.3.2 Artikulasi Program Kemahiran Dan Program Akademik-**

Selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 23 Oktober 2010 untuk mengiktiraf Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 4 agar setaraf dengan aliran akademik, satu garis panduan artikulasi telah dibangunkan bagi membolehkan lulusan DKM/DLKM mengikuti program Ijazah di IPTA. Sebanyak lapan (8) buah universiti yang bersetuju menawarkan tempat bagi lulusan DKM/DLKM untuk menyambung pelajaran ke peringkat Ijazah iaitu:

1. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
2. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
3. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
4. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
5. Universiti Teknologi Mara (UiTM)
6. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
7. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
8. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)


Sehubungan itu, permohonan melalui UPU bagi kemasukan program Ijazah ke IPTA telah dibuka kepada lulusan DKM dan DLKM bagi sesi pengajian 2011/2012.

Merujuk kepada data Kementerian Pengajian Tinggi, seramai 46 orang lulusan DKM/DLKM telah berjaya mendapat tempat di IPTA bagi program Ijazah pada sesi 2011/2012. Daripada jumlah tersebut, 30 pemegang DKM/DLKM diterima masuk ke program Kejuruteraan manakala 16 lagi ke program Sains.




**Carta 5 :**

Menunjukkan pecahan lepasan DKM/DLKM (kategori diploma/setaraf) yang berjaya mendapat tempat di IPTA bagi sesi akademik 2011/2012



**Carta 6 :**

Lepasan DKM/DLKM dalam bidang Sains dan Kejuruteraan yang berjaya mendapat tempat di IPTA mengikut agensi



**Carta 7 :**  
Lepasan DKM/DLKM yang berjaya mendapat tempat di IPTA mengikut agensi

**3.3.3 Memorandum Persefahaman (MOU) Antara JPK Dengan Badan Persijilan Antarabangsa**

Perjanjian persefahaman merupakan satu aktiviti utama Jabatan dalam menjalinkan kerjasama dengan badan persijilan antarabangsa, badan kerajaan dan pemain industri, dalam memperkukuhkan lagi kedudukan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia serta untuk memartabatkan latihan kemahiran negara diperingkat Antarabangsa. Sepanjang tahun 2012, Jabatan telah mengadakan beberapa perjumpaan dan perbincangan dengan badan persijilan antarabangsa untuk menjalinkan hubungan kerjasama dalam meningkat kebolehpasaran dan aliran kerjaya bagi pemegang Persijilan Kemahiran Malaysia seperti di Jadual 7.

**Jadual 7 :**  
Senarai Badan Persijilan Antarabangsa yang terlibat dalam MoU dengan JPK

KATEGORI AGENSI	NAMA AGENSI	SKOP
<b>BADAN PERSIJILAN ANTARABANGSA</b>	LCCI International Qualifications (LCCI)	<ul style="list-style-type: none"> <li>pengiktirafan SPKM melalui pelaksanaan Persijilan Berkembar (Dual Certification) bagi pusat latihan yang berdaftar di bawah JPK dan LCCI</li> <li>meningkatkan kebolehpasaran graduan SKM di seluruh dunia</li> <li>meningkatkan penyertaan lebih ramai pelajar antarabangsa menyertai SPKM</li> </ul>
	The Computing Technology Industry Association (CompTIA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>pelaksanaan Persijilan tenaga pengajar dan Persijilan Berkembar (Dual Certification) bagi pusat latihan yang berdaftar di bawah JPK</li> <li>meningkatkan kebolehpasaran graduan SKM di seluruh dunia</li> <li>meningkatkan penyertaan lebih ramai pelajar antarabangsa menyertai SPKM</li> </ul>
	The Technological Association of Malaysia (TAM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>pengiktirafan graduan SPKM dalam dan luar Negara</li> <li>meningkatkan mobiliti dan kebolehpasaran mereka diperingkat global</li> </ul>



*Majlis Menandatangani JPK bersama LCCI, TAM dan Comptia pada 14 Februari 2012*

### 3.4 Program Antarabangsa

#### 3.4.1 Promosi Latihan Kemahiran Antarabangsa Melalui SkillsMalaysia INVITE

Pada tahun 2012, JPK telah mempergiatkan usaha untuk mempromosikan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia di peringkat antarabangsa di bawah jenama SkillsMalaysia INVITE. Program SkillsMalaysia INVITE adalah bertujuan untuk mempromosikan program kemahiran yang ditawarkan oleh pusat bertauliah antarabangsa bagi membawa masuk pelajar asing menjalani latihan di negara ini.

Sebanyak tujuh (7) aktiviti promosi SkillsMalaysia INVITE di luar negara telah diadakan sepanjang tahun 2012. Antara promosi yang telah dijalankan adalah seperti di Jadual 8:

**Jadual 8 :**

Aktiviti promosi SkillsMalaysia INVITE sepanjang tahun 2012

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Seminar 1: SkillsMalaysia INVITE untuk International Accredited Centre (IAC)	13 April 2012	Kuala Lumpur, Malaysia
2.	Seminar 2: SkillsMalaysia INVITE untuk International Accredited Centre (IAC)	6 Ogos 2012	
3.	<i>Pre-event</i> (Seminar dan Sidang Media)	19-20 Oktober 2012	Colombo, Sri Lanka
4.	'Touch Your Future: Competition On Skills, Innovations & Education Exhibition 2012'	6-9 November 2012	
5.	Pre-Event (TV/Radio Interview dan Schools Visit)	1-3 November 2012	Surabaya, Indonesia
6.	Pameran 'Surabaya International Education & Training Expo 2012	13-15 November 2012	
7.	Seminar SkillsMalaysia INVITE	19 November 2012	Jakarta, Indonesia



Promosi SkillsMalaysia INVITE pada ekspo *Touch Your Future: Competition on Skills, Innovations & Educational Exhibition 2012* di Colombo, Sri Lanka pada 6 – 9 November 2012 adalah julung kali diadakan sebagai pilot projek dalam usaha kerajaan memasarkan program latihan kemahiran (*Technical Education and Vocational Training – TEVT*) Malaysia ke peringkat antarabangsa.




*Pameran SkillsMalaysia INVITE di Surabaya, Indonesia telah disempurnakan pada "Pendidikan Antarabangsa Surabaya & Pameran Latihan 2012" dari 13 hingga 15 November 2012.*



*Sidang Akhbar dan seminar di Jabatan Pelajaran Wilayah Jawa Timur pada 2 November 2012*

### 3.4.2 Pentauliahian Pusat Bertauliah Antarabangsa dan Pendaftaran Pelajar Antarabangsa

Bagi tahun 2012, pendaftaran Pusat Bertauliah Antarabangsa telah bertambah dari 55 PB Antarabangsa pada tahun 2011 kepada 73 PB Antarabangsa. JPK telah menggalakkan PB tempatan untuk berdaftar sebagai PB Antarabangsa bagi memperluaskan pasaran latihan kemahiran ke peringkat antarabangsa. Carta 8 menunjukkan statistik PB antarabangsa bagi tahun 2012.




**Carta 8 :**  
Statistik PB antarabangsa bagi tahun 2012

JPK telah mentauliahkan sebuah PB Antarabangsa buat pertama kali di luar negara bagi menjalankan program SKM iaitu SMK Negeri 33 di Jakarta, Indonesia.



*Lawatan ke SMK Negeri 33 di Jakarta pada 13 – 15 September 2012 yang telah dilawati oleh 3 orang pegawai JPK bagi menjalankan aktiviti verifikasi pentauliahian program dan mengadakan kursus induksi untuk pengajar-pengajar di sekolah tersebut.*

Seramai 703 pelajar asing telah mendaftar sebagai pelajar asing dalam bidang kemahiran sepanjang tahun 2012 seperti yang ditunjukkan dalam Carta 9. Kerajaan mensasarkan jumlah ini terus meningkat kepada 7,000 pelajar setahun menjelang 2015 dan seterusnya mencapai 16,000 pelajar setahun menjelang tahun 2020.



**Carta 9 :**  
Statistik pelajar antarabangsa bagi tahun 2012

### 3.5: Pengiktirafan Latihan Kemahiran Melalui Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM)

Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM) merupakan sistem aplikasi yang dibangunkan pada 1 April 2012 dan dijangka siap pada tahun 2013. Sistem ini dibangunkan untuk mempertingkatkan pengurusan dan penyampaian Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) berasaskan sistem kredit kemahiran dengan lebih cekap dan komprehensif seiring dengan perkembangan teknologi dan boleh diakses secara atas talian.

Dengan adanya sistem ini, ia dapat meluaskan akses setiap lapisan masyarakat dalam mendapatkan latihan kemahiran serta pengiktirafan. Kumpulan sasaran bagi SKKM adalah penyedia latihan kemahiran, majikan, pekerja dan pengamal industri serta individu yang berminat untuk mendapatkan pengiktirafan atau persijilan serta yang ingin meningkatkan kelayakan kemahiran.

Sepanjang tahun 2012, di samping pembangunan SKKM, taklimat mengenai perubahan sistem penyampaian dan pengurusan pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) telah diadakan di 15 lokasi seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak bermula 17 November 2012 sehingga 14 Disember 2012. Objektif taklimat ini adalah untuk memaklumkan kepada personel Pusat Bertauliah dan syarikat Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) berkaitan:

- i. perubahan pelaksanaan SPKM berasaskan kredit kemahiran;
- ii. menerangkan pelaksanaan sistem kredit kemahiran dalam pelaksanaan latihan kemahiran; dan
- iii. memberi pendedahan mengenai sistem aplikasi SKKM.

Seramai 674 orang peserta daripada 810 jemputan iaitu 83.2% telah menghadiri sesi taklimat tersebut. Mereka terdiri daripada personel PB dan Syarikat SLDN. Lokasi, tarikh dan kehadiran peserta pada sesi taklimat adalah seperti di Jadual 9.

**Jadual 9 :**

Lokasi, tarikh dan kehadiran bagi siri taklimat SKKM

Zon	Tarikh	Lokasi	Kehadiran				Jumlah
			Pusat Bertauliah		SLDN		
			Awam	Swasta	Pusat Latihan	Syarikat/ In-house	
Timur	17 – 19/11/2012	Hotel Renaissance, Kota Bharu, Kelantan	23	6	1	22	52
	20 – 22/11/2012	Permai Inn, Kuala Terengganu	24	17	4	6	51
	2 – 4/12/2012	Gambang Resort, Kuantan, Pahang	26	13	3	3	45
Tengah	18 – 20/11/2012	Hotel Citrus, Kuala Lumpur	15	11	0	18	44
	25 – 27/11/2012	Hotel Tower Regency, Ipoh Perak	10	20	0	25	55
	21 – 23/11/2012	Hotel Grand BlueWave, Shah Alam, Selangor	6	26	4	17	53
Utara	2 – 4/12/2012	Swiss Inn, Sungai Petani, Kedah	32	13	3	5	53
	5 – 7/12/2012	Hotel Ixora, Seberang Perai, Pulau Pinang	17	24	7	7	55
Selatan	28 – 30/11/2012	Avilion Resort, Port Dickson Negeri Sembilan	10	27	2	3	40
	2 – 4/12/2012	Naza Talyya, Melaka	11	25	7	5	37
	5 – 7/12/2012	Hotel Selesa, Johor Bahru	16	35	9	4	52
Sabah	25 – 27/12/2012	Swiss Inn, Sandakan	16	3	2	1	22
	28 – 30/12/2012	Hotel Sabah Oriental, Kota Kinabalu	2	9	8	30	49
Sarawak	9 – 11/12/2012	Hotel Harbour View, Kuching	9	17	4	13	43
	12 – 14/12/2012	Hotel Parkcity Everlyn, Miri	12	5	0	6	23



*Siri taklimat SKKM yang telah diadakan sepanjang tahun 2012 bagi mempromosikan SKKM 15 dilokasi seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak bermula 17 November 2012 sehingga 14 Disember 2012*



# BAB 4

**MENGHARMONI DAN MEMPERKUKUHKAN  
SISTEM PENYAMPAIAN LATIHAN  
VOKASIONAL DAN PENDIDIKAN TEKNIKAL  
(TEVT)**

# Mengharmonisi dan Memperkukuhkan Sistem Penyampaian Latihan Vokasional dan Pendidikan Teknikal (TEVT)

## 4.1 Analisis Pekerjaan (Occupational Analysis (OA))

Analisis Pekerjaan (*Occupational Analysis - OA*) merupakan satu proses yang digunakan untuk mengenal pasti tajuk pekerjaan dan tahap bagi pekerja mahir yang diperlukan dalam sektor industri. Ia adalah peringkat awal bagi pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS). Pada tahun 2012, JPK telah membangunkan empat (4) sektor/sub sektor industri iaitu *Cleaning Industry*, *Automotive Industry*, *Printing Industry* dan *Medical & Pharmaceutical Healthcare Industry* seperti Carta 10. Sejumlah 522 tajuk pekerjaan telah dikenalpasti. Di antara jumlah tajuk pekerjaan tersebut, 314 dikenalpasti sebagai tajuk pekerjaan kritikal yang tidak termasuk OA bagi bidang *Medical & Pharmaceutical Healthcare*.



### Carta 10 :

Analisis Pekerjaan yang telah dibangunkan pada tahun 2012

## 4.2 Pembangunan National Occupational Skills Standard (NOSS)

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) ataupun lebih dikenali sebagai *National Occupational Skills Standard* (NOSS) adalah elemen penting untuk mempersiapkan tenaga mahir di Malaysia dan seterusnya memastikan hasrat untuk memiliki sekurang-kurangnya 33% tenaga kerja mahir menjelang tahun 2015 tercapai.


Pada tahun 2012, Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK/ NOSS) telah dibangunkan melalui empat kaedah, iaitu:

- i. Secara Dalaman
- ii. Secara Sebutharga
- iii. Secara *Fast Track*
- iv. Oleh *Industry Lead Body* (ILB)

Pada tahun 2012, sebanyak 346 Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK/ NOSS) yang dibangunkan telah diperakukan dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK), yang telah diadakan sebanyak empat (4) kali seperti berikut:


- i. MPKK Bil.1/2011 pada 5 April 2012
- ii. MPKK Bil.2/2011 pada 17 Julai 2012
- iii. MPKK Bil.3/2011 pada 23 Oktober 2012
- iv. MPKK Bil.4/2011 pada 18 Disember 2012

Daripada jumlah tersebut, 243 merupakan NOSS baru dan 103 adalah NOSS kajisemula. 82.4% daripada jumlah NOSS yang diluluskan pada tahun 2012 dibangunkan menggunakan NOSS Format Baharu sementara 17.6% daripada jumlah tersebut merupakan NOSS Format Lama. Statistik NOSS yang dibangunkan dan diluluskan pada tahun 2012 adalah seperti berikut:



**Carta 11 :**  
Statistik pembangunan NOSS pada tahun 2012

Jumlah ini menyumbang kepada bilangan NOSS yang aktif sehingga tahun 2012 adalah sebanyak 1,439 NOSS yang terdiri daripada 1,393 NOSS, 16 *National Competency Standard* (NCS) dan 30 Kurikulum SLDN (K-SLDN) yang diluluskan sebagai NOSS. Carta 12 di bawah menunjukkan statistik pembangunan NOSS dari tahun 1990 sehingga 2012.



**Carta 12 :**

Statistik pembangunan NOSS dari tahun 1990 hingga 2012


## 4.3 Pembangunan Kurikulum Latihan Kemahiran

### 4.3.1 Pembangunan Kurikulum Program di Pusat Bertauliah

Kurikulum Latihan Kemahiran dibangunkan bertujuan untuk memudahkan dan menyeragamkan pelaksanaan latihan kemahiran di pusat bertauliah di Malaysia.


Pada tahun 2012, sebanyak 12 Course Of Study (CoS), 20 Written Instructional Material (WIM) telah dibangunkan secara dalaman dan melalui agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Belia & Sukan (KBS) dan Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC). Statistik pembangunan kurikulum latihan kemahiran yang telah dibangunkan dari tahun 2006 adalah seperti Carta 13 bagi 2012. Daripada 20 WIM yang telah dibangunkan, 6 WIM dibangunkan berasaskan NOSS Format Baharu untuk digunakan sebagai panduan membangunkan WIM berasaskan NOSS Format Baharu.

**Pembangunan kurikulum Latihan Kemahiran 2006-2012**



**Carta 13 :**  
Statistik Pembangunan kurikulum latihan kemahiran dari tahun 2006 sehingga 2012

Jumlah keseluruhan kurikulum latihan kemahiran yang telah dibangunkan adalah sebanyak 213 program merangkumi *Course of Study (CoS)*, *Written Instruction Material (WIM)*, *Learning Guide (LG)*, *Manual Internship I-031-3* dan *Manual Latihan Industri DKM/DLKM* seperti di Carta 14 di bawah.




**Carta 14 :**  
Kurikulum latihan kemahiran mengikut jenis

**4.3.2 Pembangunan Kurikulum SLDN (K-SLDN)**

Unit Kurikulum SLDN diwujudkan pada tahun 2006 bertujuan merancang, menyelaraskan dan membangunkan Kurikulum SLDN (K-SLDN) bagi kegunaan PB JPK dan industri yang menjalankan Sistem Pentauliahan secara SLDN. Pada tahun 2012, unit K-SLDN telah menjalankan pembangunan K-SLDN melalui kaedah dalaman dan juga luaran. Sebanyak 10 bidang dibangunkan secara dalaman dan 12 bidang secara luaran.

Jumlah keseluruhan pembangunan K-SLDN dari tahun 2006 hingga 2012 ditunjukkan di Carta 15 seperti di bawah:-




**Carta 15 :**  
Statistik pembangunan K-SLDN dari tahun 2006-2012

#### 4.4 Bank Soalan Latihan Kemahiran


Selaras dengan keperluan untuk memperkenalkan penilaian akhir secara berpusat, pembangunan soalan latihan kemahiran telah giat dilaksanakan untuk dikumpulkan di dalam bank soalan. Pendekatan ini diambil bagi memastikan soalan latihan kemahiran yang digunakan untuk penilaian akhir adalah memenuhi keperluan NOSS di samping memastikan keseragaman soalan yang digunakan di semua PB.

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 5,463 soalan penilaian pengetahuan berbentuk objektif dan 199 soalan penilaian prestasi telah diluluskan bagi tujuan pelaksanaan peperiksaan akhir di PB yang merangkumi 28 program latihan kemahiran berasaskan NOSS. Carta 16 menunjukkan bilangan soalan yang diluluskan mengikut tahap kemahiran.



**Carta 16 :**  
Bilangan Soalan Yang Diluluskan Bagi Pelaksanaan Peperiksaan Akhir

Pelaksanaan SKKM juga turut mengubah arah tuju pendekatan pembangunan soalan latihan kemahiran daripada berkonsepkan peperiksaan akhir mengikut program kepada penilaian akhir berdasarkan Modul/CU. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 3,861 soalan penilaian pengetahuan berbentuk objektif dan 127 soalan penilaian prestasi telah diluluskan yang merangkumi 57 Modul/CU. Pembangunan soalan berdasarkan Modul/CU ini adalah merujuk kepada NOSS format baharu. Carta 17 menunjukkan bilangan soalan berdasarkan Modul/CU yang diluluskan mengikut tahap kemahiran.



**Carta 17 :**

Bilangan Soalan Yang Diluluskan Bagi Pelaksanaan Penilaian Akhir Berdasarkan Modul/CU

#### 4.5 Kod Amalan Pentauliahan Program Kemahiran (KAPPK)

KAPPK merupakan panduan bagi perancangan dan pelaksanaan latihan kemahiran kepada penyedia latihan kemahiran, pegawai JPK, pembuat dasar, badan profesional dan pemegang kepentingan lain yang terlibat dalam latihan kemahiran. KAPPK disediakan bagi menerangkan amalan jaminan kualiti oleh penyedia latihan kemahiran untuk memastikan kesesuaian mereka, kebolehpercayaan, kemampuan adaptasi dan keberkesanan untuk mengatasi persekitaran yang terus berubah. Ianya juga dibangunkan supaya selaras dengan *Code of Practice for Program Accreditation* (COPPA) yang digunakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk tujuan akreditasi program akademik.

Pelaksanaan KAPPK telah berkuatkuasa mulai Julai 2011. Sebelum tarikh penguatkuasaan tersebut, sebanyak 11 taklimat pelaksanaan KAPPK telah diadakan kepada semua wakil Pusat Bertauliah (PB) dan Pegawai Pengesah Luaran (PPL) di seluruh negara. Taklimat tersebut telah dijalankan bermula 8 Mac 2011 sehingga 28 Mac 2011, melibatkan 1476 orang peserta.

Taklimat kepada wakil Pusat Bertauliah (PB) atau Penyedia Latihan Kemahiran (PLK) yang telah dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan tentang perubahan dan perkara yang perlu diberi perhatian selaras dengan pelaksanaan KAPPK. Ini juga bertujuan membantu PB supaya dapat menawarkan program latihan yang berkualiti mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Taklimat kepada Pegawai Pengesah Luaran (PPL) pula adalah bertujuan untuk memberi maklumat, penerangan dan informasi terkini dalam pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Sebagai personel yang ditugaskan untuk memastikan sistem jaminan mutu di PB adalah sentiasa ditahap terbaik, PPL perlu dikemaskini dengan perubahan dasar dan pelaksanaan yang berkaitan SPKM.

Dengan wujudnya KAPPK ini, beberapa penambahbaikan telah diperkenalkan dalam SPKM antara lainnya ialah:

- i. Penglibatan panel pakar industri dan pengajar dalam penilaian pentauliahan program termasuk sesi lawatan verifikasi.
- ii. Penubuhan Jawatankuasa Pentauliahan Program Kemahiran yang khusus untuk meluluskan pentauliahan program kemahiran.
- iii. Keanggotaan Jawatankuasa Pentauliahan ini adalah juga terdiri daripada wakil Dasar Sumber Manusia, KSM, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) sebagai ahli tetap. Ahli jemputan pula adalah terdiri daripada wakil persatuan majikan, persatuan industri dan persatuan pekerja. Penglibatan agensi ini adalah bagi meningkatkan ketelusan dan integriti proses pentauliahan program kemahiran.

Taklimat Pengukuhan Pelaksanaan KAPPK adalah bagi memastikan PPPPK memahami perubahan yang dibuat selaras dengan pelaksanaan KAPPK dan seterusnya dapat melaksanakan tugas dengan cekap dan berkualiti.

Pelaksanaan taklimat pengukuhan ini juga adalah bagi memastikan pelaksanaan SPKM berasaskan KAPPK dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik, lancar dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan serta menyampaikan maklumat dan pekeliling terkini kepada pihak yang terlibat selaras dengan penguatkuasaan KAPPK. Program taklimat ini diadakan selama setengah hari dan dilaksanakan pada bulan Jun – Julai 2012. Taklimat ini melibatkan pecahan 6 zon iaitu Utara, Selatan, Timur, Tengah, Sabah dan Sarawak.

Jadual 10 adalah maklumat lengkap tentang tentatif tarikh dan tempat taklimat pengukuhan dijalankan.

**Jadual 10 :**

Tentatif tarikh dan tempat taklimat pengukuhan pelaksanaan kappk kepada panel penilai pentauliah program kemahiran

SIRI	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
01/2012	05 Jun 2012	Hotel grand Blue Wave, Shah Alam	300 orang
02/2012	06 Jun 2012	Hotel grand Blue Wave, Shah Alam	300 orang
03/2012	07 Jun 2012	Hotel grand Blue Wave, Shah Alam	300 orang
04/2012	12 Jun 2012	A'Famosa Resort, Melaka	210 orang
05/2012	13 Jun 2012	A'Famosa Resort, Melaka	220 orang
08/2012	14 Jun 2012	Felda Residence, Terengganu	302 orang
06/2012	19 Jun 2012	Holiday Villa City Centre	310 orang
06/2012	20 Jun 2012	Holiday Villa City Centre	310 orang
09/2012	03 Julai 2012	Sabah Oriental Hotel	141 orang
10/2012	03 Julai 2012	Hotel Merdeka Palace, Sarawak	87 orang

#### 4.6 Mengarusperdana Latihan Kemahiran Melalui Jenama Aktiviti SkillsMalaysia

Selaras dengan keperluan RMKe-10, kerajaan telah memperkenalkan Entry Point Projects (EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Salah satu inisiatif yang terkandung dalam EPP tersebut ialah Kempen Kesedaran SkillsMalaysia. Jenama SkillsMalaysia telah diperkenalkan bagi mempromosikan latihan kemahiran di Malaysia dalam usaha kerajaan meningkatkan tenaga pekerja mahir sehingga 50% menjelang tahun 2020.

Sejajar dengan matlamat tersebut, jenama SkillsMalaysia telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 11 Januari 2011 dan seterusnya dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 5 Mei 2011.

Aktiviti SkillsMalaysia yang dijalankan sepanjang 2012 adalah:

- Siri Jelajah SkillsMalaysia
- Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) 2012
- Pertandingan MySkills ke-6 Tahun 2012
- Pertandingan Kemahiran Asean Skills Competition ASC 2012
- Perhimpunan Perdana Warga Kemahiran

#### 4.6.1 Pertandingan Kemahiran

Pertandingan kemahiran melibatkan PKM, MySkills, ASC dan WSC. Walaubagaimanapun, WSC tidak dipertandingkan pada tahun 2012.

##### 4.6.1.1 Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia 2012

Perancangan dan pembangunan belia Malaysia samada di PKM, MySkills, ASC dan WSC diusul dan dibentangkan di dalam mesyuarat Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM) yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia dan keahlian terdiri daripada 28 orang ahli tetap dari pelbagai kementerian, jabatan awam dan swasta juga Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) dalam tujuh (7) bidang kemahiran iaitu *automobile technology*, tekstil dan pakaian, pembinaan, ICT, kejuruteraan dan kejenteraan, elektrik dan elektronik dan perhotelan.



MPKM diadakan empat (4) kali setahun yang membincangkan pelbagai isu, cadangan dan penambahbaikan di dalam penganjuran dan pengurusetiaan negara di pertandingan kemahiran samada peringkat kebangsaan dan antarabangsa dapat dirancang dan direalisasikan agar Malaysia bukan sahaja berjaya melahirkan belia yang mahir dan berkemahiran di PKM malah di ASC dan WSC. MPKM bagi tahun 2012 telah dilaksanakan pada 13 Februari, 28 Mei, 4 September, 26 Disember 2012.

##### 4.6.1.2 Pertandingan Kemahiran ASEAN (ASEAN Skills Competition ASC) 2012

Penyertaan Malaysia di pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa seperti ASC adalah bagi membuka minda umum bahawa pencapaian belia negara dalam kemahiran dan teknologi juga seiring dengan pencapaian belia dari negara maju seperti Singapura, Jerman, Korea dan Finland. Ianya juga memberikan gambaran terhadap pelaksanaan sistem latihan di Malaysia.

Penyertaan Malaysia di ASC bermula pada tahun 1995. Pada tahun 2012, Malaysia telah menyertai 22 bidang kemahiran yang dipertandingkan dan Malaysia telah diwakili oleh 44 orang belia di bawah umur 22 tahun dari pelbagai institusi latihan awam dan swasta.

Percaturan Malaysia di ASC 2012 membuahkan hasil yang boleh dibanggakan oleh warga Malaysia yang mana sebanyak tiga (3) pingat emas, empat (4) pingat perak, empat (4) pingat gangsa dan 14 sijil kecemerlangan telah berjaya dimenangi di pertandingan ini. Amran bin Naim yang merupakan pemenang pingat emas dalam bidang *Plumbing and Heating* juga merupakan pemenang *Best of Nation* dari Malaysia dengan pencapaian markah sebanyak 539.

Pencapaian Malaysia dalam ASC 2012 adalah seperti di dalam Jadual 11. Manakala pencapaian keseluruhan dari tahun 1995 sehingga 2012 adalah seperti Jadual 12 .

#### Jadual 11 :

Peserta negara yang bertanding dan pencapaian mereka dalam bidang masing-masing

Bil	Nama	Bidang	Markah	Pencapaian
1	Muhamad Hazik Zulkarnain bin Md Lukman	Mechatronics	493	Sijil Penyertaan
2	Muhamad Nazrul Naim bin Azhar			
3	<b>Mohamad Faizal bin Abdul Malik</b>	<b>Mechanical Engineering Design</b>	<b>536</b>	<b>Perak</b>
4	Woo Ruey Yuen		513	Medallion For Excellence
5	Izrul Akmal bin Abu Hassan	IT Software Solutions for Business	477	Sijil Penyertaan
6	Lai Mom Hang		476	Sijil Penyertaan
7	<b>Abdul Latif bin Ibrahim</b>	<b>Welding</b>	<b>530</b>	<b>Gangsa</b>
8	<b>Mohd Syazwan bin Hashim</b>		<b>530</b>	<b>Gangsa</b>
9	<b>Lewi Steven</b>	<b>Wall &amp; Floor Tiling</b>	<b>516</b>	<b>Perak</b>
10	Mohamad Shukri bin Sintang		435	Sijil Penyertaan
11	<b>Amran bin Naim (Best of Nation)</b>	<b>Plumbing and Heating</b>	<b>539</b>	<b>Emas</b>
12	Edward Enggong Anak Ripin		495	Sijil Penyertaan
13	Izzaddin Rusyaimil Ahmad Mubarak	Electronics	501	Medallion For Excellence
14	Mohamad Farhan bin Kasri			
15	Yuni Fardzuan bin Othman	Web Design	498	Sijil Penyertaan
16	Radzi Amin bin Ramleh			

Bil	Nama	Bidang	Markah	Pencapaian
17	<b>Nik Mohd Fakhrol Razi bin Nik Ahmad Kamil</b>	<b>Electrical Installations</b>	<b>533</b>	<b>Emas</b>
18	Mohd Shahrul Nizam bin Latif		528	Medallion For Excellence
19	Mohamad Haziq bin Mohd Naim	Industrial Automation	481	Sijil Penyertaan
20	Erwinns bin Sindu			
21	Mohd Norazwan bin Rosli	Bricklaying	512	Medallion For Excellence
22	Khairul Hakim bin Abd Rashid		506	
23	<b>Muhammad Zulkarnain bin Sudin</b>	<b>Cabinet Making</b>	<b>516</b>	<b>Gangsa</b>
24	Taqiuddin bin Bahrul		509	Sijil Penyertaan
25	Sankkar a/l Rajan	Joinery	500	Medallion For Excellence
26	Marcillos Chung Chin Loong		477	Sijil Penyertaan
27	Nurul Hidayah binti Mohd Sabri	Ladies'/Men's Hairdressing	505	Medallion For Excellence
28	Chang Wai Ken		513	
29	Siti Nor Fatimah binti Loh	Beauty Therapy	508	Medallion For Excellence
30	Ainun Basyirah binti Arifin		492	Sijil Penyertaan
31	Ruquiyah binti Azahar	Fashion Technology	518	Gangsa
32	Nur Amalina binti Ismail		448	Sijil Penyertaan
33	Mohamad Hilmi bin Abdul Razak	Automobile Technology	498	Sijil Penyertaan
34	Muhamad Rasyid bin Kosni		498	Sijil Penyertaan
35	<b>Chen Kim Leun</b>	<b>Cooking</b>	<b>525</b>	<b>Emas</b>
36	Nurul Khamisah binti Alias		504	Medallion For Excellence
37	<b>Ooi Jian Chian</b>	<b>Restaurant Service</b>	<b>526</b>	<b>Perak</b>
38	Muhammad Saffian bin Ahmad Sabri		484	Sijil Penyertaan
39	<b>Muhammad Aizat bin Saari</b>	<b>Refrigeration and Air Conditioning</b>	<b>524</b>	<b>Perak</b>
40	Suzyde Kimin		514	Medallion For Excellence
41	Mohd Zarul bin Azali	IT Network System Administration	515	Medallion For Excellence
42	Zawawi bin Embong		511	Medallion For Excellence
43	Muhammad Ali Zulfaqqar bin Shafie	Graphic Design Technology	489	Sijil Penyertaan
44	Muhammad Fauzi bin Zainal Arifan		487	Sijil Penyertaan

**Jadual 12 :**

Pencapaian Malaysia di ASC dari 1995 hingga 2012

Tahun	Tuan Rumah	Bilangan Penyertaan dalam ASC mengikut Negara	Bilangan Bidang Kemahiran Yang Dipertandingkan	Pencapaian Malaysia di ASC			
				Emas	Perak	Gangsa	Medallion For Excellence
1995	Malaysia	4	6	2	2	3	NA
1996	Filipina	4	10	4	-	3	NA
2001	Thailand	7	12	3	-	3	NA
2002	Indonesia	8	12	1	2	1	NA
2004	Vietnam	8	14	-	1	2	NA
2006	Brunei	9	12	3	-	5	NA
2008	Malaysia	10	19	6	7	5	7
2010	Thailand	10	21	1	2	5	7
2012	Indonesia	9	23	3	4	4	14



Majlis Pelepasan Kontinjen Malaysia ke ASEAN Skills Competition (ASC) 2012, KLIA, 13/11/12

**Gambar-gambar sekitar ASC 2012**





Majlis Penutup ASC 2012, Jakarta Convention Centre, Indonesia, 19/11/12



Peserta dari Malaysia yang memenangi pingat emas di ASC, Jakarta 2012





*Peserta dari Malaysia yang memenangi pingat perak di ASC, Jakarta 2012*



*Peserta dari Malaysia yang memenangi pingat gangsa di ASC, Jakarta 2012*

**Menyambut kepulangan Kontinjen Negara dari ASC 2012 pada 20 November 2012**



*YAB Perdana Menteri Telah Menerima Kunjungan Hormat Dari Kontinjen Malaysia Ke ASC 2012, Lapangan Terbang Subang, 20/11/12*




*Majlis Resepsi Bersama Kontinjen ASC 2012, Hotel Marriot Putrajaya, 21/11/12*

#### 4.6.1.3 Pertandingan MySkills ke-6 Tahun 2012


Pertandingan MySkills adalah satu pertandingan kemahiran untuk meningkatkan kekompetenan dan daya saing di kalangan pengajar institut latihan kemahiran awam, swasta dan *coach industry*. Dengan adanya pertandingan ini, pengajar dapat bersaing secara sihat untuk menunjukkan kemahiran yang terbaik di samping mendapat pengiktirafan dan ganjaran yang ditawarkan. Pengajar juga mendapat pendedahan dari segi teknologi dan kurikulum yang terkini seiring dengan negara-negara maju.

Seramai 280 orang telah memohon untuk menyertai Pertandingan MySkills 2012 yang mana 35 penyertaan dari institusi swasta dan bilangan penyertaan mengikut bidang adalah seperti di Carta 18. Melalui graf ini didapati bahawa peserta dalam bidang yang paling ramai adalah dalam bidang *electrical installation* iaitu 38% (105 orang) dan bilangan peserta dalam bidang yang paling rendah adalah bidang *beauty therapy* iaitu hanya 3% (7 orang) sahaja.



**Carta 18 :**  
Jumlah Penyertaan Pertandingan MySkills mengikut bidang


Daripada jumlah 280 orang yang memohon, seramai 171 orang telah bertanding di peringkat pra-kelayakan di mana 47 orang berjaya ke peringkat akhir yang diadakan dari 6 hingga 8 Julai 2012 di CIAST, Shah Alam, Akademi Binaan Malaysia Wilayah Selatan, WISDEC Olak Lempit, Banting dan Universiti Putra Malaysia, Serdang. Agihan peserta peringkat akhir mengikut agensi adalah seperti Carta 19.



**Carta 19:**  
Bilangan peserta yang berjaya ke peringkat akhir mengikut agensi

Pecahan pingat dan sijil yang telah dimenangi oleh 47 orang peserta akhir pertandingan kemahiran adalah seperti berikut:

- 1 pingat platinum,
- 2 pingat emas,
- 6 pingat perak
- 4 pingat gangsa,
- 24 sijil kecemerlangan dan
- 10 sijil penyertaan



**Carta 20:**  
Pencapaian pingat dan sijil berdasarkan bidang kemahiran

### Gambar Sekitar Pertandingan MySkills 2012




#### 4.6.1.4 Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) 2012

Pertandingan Kemahiran Malaysia merupakan pertandingan kemahiran yang dianjurkan setiap tahun bertujuan memilih dan mengiktiraf belia dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran yang unggul dan berpeluang untuk mewakili Malaysia ke Asean Skill Competition (ASC) setelah melalui proses saringan dan penilaian yang telah ditetapkan.

##### a) Pencapaian PKM ke- 21 Tahun 2012


Pada tahun 2012, sebanyak 21 bidang kemahiran dipertandingkan di PKM 2012 yang mana sembilan (9) bidang diurusetikan oleh Kementerian Kerja Raya manakala selebihnya dianjurkan dan diurusetikan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia (KSM). Sebanyak 1,537 orang telah memohon untuk menyertai PKM 2012 yang mana 297 penyertaan dari institusi swasta seperti Carta 21. Hanya 1,475 berjaya melepasi tapisan ke PKM peringkat pra-kelayakan.



**Carta 21 :**

Nisbah penyertaan PKM mengikut agensi kemahiran


Seramai 164 orang telah menempatkan diri untuk bertanding ke peringkat akhir yang diadakan dari 2 hingga 4 Julai 2012. Pecahan dan peratusan bilangan peserta peringkat akhir adalah seperti di Carta 22.



**Carta 22 :**

Bilangan peserta dan peratusan penyertaan Peringkat Akhir dalam PKM 2012

Sebanyak 63 pingat yang dipertandingkan dan hanya **36 pingat** yang berjaya diraih oleh peserta peringkat akhir iaitu 11 pingat untuk emas, 12 pingat perak dan 13 pingat gangsa seperti di Carta 23.




**Carta 23 :**  
Jumlah pungen pingat PKM 2012

Terdapat empat (4) bidang yang mana peserta tidak mendapat markah yang melayakkan untuk mendapat pingat iaitu *IT software solution for business, decorating painting, mechanical engineering drawing, plumbing & heating* dan *refrigeration & air conditioning*. Jadual 13 adalah menunjukkan jumlah pungen pingat mengikut bidang kemahiran yang dipertandingkan dan Carta 24 adalah menunjukkan nisbah pungen pingat mengikut kementerian/agensi kemahiran.

**Jadual 13 :**  
Jumlah pungen pingat mengikut bidang kemahiran

Bil	Bidang Kemahiran	Pungen Pingat			Jumlah
		Emas	Perak	Gangsa	
1	Automobile Technology	1	1	1	3
2	Beauty Therapy	1	1	1	3
3	Cabinetmaking	1	1	1	3
4	Cooking	1	1	1	3
5	Electronics	1	-	-	1
6	Fashion Technology	1	1	1	3
7	Graphic Design Tech.	-	1	1	2
8	IT Network System Administration	-	1	1	2
9	IT Software Solution For Business	Tiada Pemenang Pingat			0
10	Mechatronics	-	1	1	2
11	Restaurant Service	1	1	1	3
12	Web Design	-	-	1	1
13	Bricklaying	1	1	-	2
14	Decorating Painting	Tiada Pemenang Pingat			0

Bil	Bidang Kemahiran	Pungutan Pingat			Jumlah
		Emas	Perak	Gangsa	
15	Electrical Installation	1	1	1	3
16	Joinery	1	1	1	3
17	Mechanical Eng. Drawing	Tiada Pemenang Pingat			0
18	Plumbing & Heating	Tiada Pemenang Pingat			0
19	Refrigeration & air conditioning	Tiada Pemenang Pingat			0
20	Wall & Floor Tiling	1		1	2
21	Welding	Tiada Pemenang Pingat			0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>11</b>	<b>12</b>	<b>13</b>	<b>36</b>



**Carta 24 :**  
Jumlah pungutan pingat mengikut kementerian/agensi



Cik Nor Suriyani bt Musa dari Inspens International College yang bertanding dalam bidang Fashion Technology telah dinobatkan sebagai Pemenang Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri PKM 2012

**Gambar Sekitar Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) 2012**



#### 4.6.2 Perhimpunan Perdana Warga Kemahiran 2012

Perhimpunan Perdana Warga Kemahiran buat julung kalinya telah diadakan dengan menghimpunkan lebih 5,000 orang yang terdiri daripada pelajar dan tenaga pengajar pusat latihan kemahiran awam dan swasta bertujuan menguar-uarkan kesungguhan kerajaan yang menjadi tunjang kepada pembangunan tenaga kerja mahir. Penganjuran perhimpunan perdana yang berkonsepkan *Blue Ocean Strategy* dengan menggabungkan usaha sembilan (9) kementerian yang berkaitan dengan Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional (TEVT) telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 10 Julai 2012 dan telah dirasmikan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin bin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.



*Perhimpunan Perdana Warga Kemahiran 2012 yang telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 10 Julai 2012 dan dirasmikan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin bin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia*

Melalui perhimpunan ini, Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kerjasama strategik antara pihak kerajaan dan industri perlu ditingkatkan lagi agar perkembangan latihan kemahiran bergerak seiring dengan kemajuan teknologi dan inovasi memandangkan hanya 28% daripada tenaga buruh negara ini merupakan pekerja berkemahiran tinggi, manakala 70% lagi berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau lebih rendah.

Kerajaan menerusi dasar transformasi negara, telah menggariskan program yang memfokuskan kepada langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja dengan tumpuan kepada memenuhi keperluan industri dan memacu produktiviti.

Acara utama semasa perhimpunan ini adalah penyampaian anugerah kepada para pemenang di dalam Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) dan Pertandingan MySkills 2012 dan penyampaian Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri kepada peserta dan tenaga pengajar terbaik keseluruhan iaitu Cik Nor Suriyani bt Musa dari Inspens International College dalam bidang Fashion Technology bagi PKM dan pemenang Pertandingan MySkills terbaik keseluruhan adalah Pn. Normaziah binti Kamarudin dari Institut Kraf Negara dalam bidang Batik. Anugerah ini merupakan pengiktirafan tertinggi kepada pelajar/belia, tenaga pengajar dan agensi di dalam pertandingan kemahiran peringkat nasional.

Turut diadakan adalah acara Penyerahan Jalur Gemilang kepada Kontinjen Malaysia ke ASEAN Skills Competition (ASC) 2012 yang merupakan simbolik kepada penyertaan dan komitmen negara di dalam pertandingan kemahiran peringkat antarabangsa.



Manakala projek Road To Leipzig Gold 2013 merupakan gimik terhadap penyertaan Malaysia di World Skills Competition (WSC) yang akan diadakan di Leipzig, Germany dari 1 hingga 7 Julai 2013.

#### **4.6.3 Siri Jelajah SkillsMalaysia**

Siri Jelajah SkillsMalaysia 2012 meneruskan kesinambungan Siri Jelajah SkillsMalaysia 2011 yang diadakan bagi memberi pendedahan secara terus kepada masyarakat setempat dalam meningkatkan kesedaran mereka agar dapat mengenali bidang kemahiran dalam konteks yang lebih meluas dan positif di mana kemahiran juga boleh menyediakan laluan kerjaya yang menjamin masa depan.

Kumpulan sasar Siri Jelajah SkillsMalaysia adalah pelajar sekolah, lepasan sekolah, pengetua, guru kaunselor, PIBG sekolah, ibu bapa, personal latihan kemahiran, personal pengajian tinggi, golongan majikan dan pekerja daripada Industri SME, GLC dan MNC, pemimpin masyarakat dan orang awam.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah 12 Karnival dan Mini Karnival SkillsMalaysia seperti berikut:

BIL	KARNIVAL	TEMPAT	TARIKH
1.	Karnival SkillsMalaysia Zon Sabah	Sandakan, Sabah	25-26 Feb 2012
2.	Karnival SkillsMalaysia Zon Utara	Sg. Dua, Tasek Gelugor, P. Pinang	31 Mac-1 April 2012
3.	Karnival SkillsMalaysia Zon Timur	Pekan, Pahang	10-13 Mei 2012
4.	Karnival SkillsMalaysia Zon Sarawak	Miri, Sarawak	19-20 Mei 2012
5.	Karnival SkillsMalaysia Zon Tengah	Putrajaya	23-27 Mei 2012
6.	Karnival SkillsMalaysia CIAST	CIAST, Shah Alam, Selangor	2-8 Julai 2012
7.	Mini Karnival SkillsMalaysia Bintulu	Bintulu, Sarawak	5 Sept 2012
8.	Karnival SkillsMalaysia Zon Selatan	MITC Melaka	15-16 Sept 2012
9.	Mini Karnival SkillsMalaysia Tioman	P. Tioman, Pahang	13 Oktober 2012
10.	Karnival SkillsMalaysia Segamat	Segamat, Johor	3-4 November 2012
11.	Karnival Pekerjaan Azam Kerja dan SkillsMalaysia Bersama Masyarakat Orang Asli Negeri Selangor	Bukit Bandaraya, Shah Alam, Selangor	29 September 2012
12.	Mini Karnival Kemahiran Dan Kerjaya Bersama Warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	UTC KL, Kuala Lumpur	26 November 2012

Di antara pengisian program sepanjang karnival berlangsung adalah:

- Pameran oleh agensi kemahiran dan agensi jemputan
- Demonstrasi kemahiran
- Simposium "SKM Gerbang Kerjaya Anda"
- Kursus kemahiran pendek
- Program Penempatan Pekerjaan
- Cabutan bertuah, kuiz dan aktiviti pentas

Dalam melaksanakan Karnival dan Mini Karnival SkillsMalaysia pada tahun 2012, JPK telah mengadakan kerjasama dengan Jabatan dan agensi lain samaada di peringkat persekutuan mahupun negeri. Kerjasama ini memastikan penggunaan sumber yang optimum dan penjimatan kos melalui penggunaan tenaga kerja, prasarana dan kemudahan yang ada secara bersama selaras dengan Strategi Lautan Biru yang diterapkan kerajaan dalam enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Di antara Jabatan dan agensi yang bekerjasama dengan JPK adalah Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Tenaga Manusia, Jabatan Taman Laut, Kerajaan Negeri Sabah, Northen Corridor Implementation Authority (NCIA), Majlis Daerah Segamat, Majlis Daerah Pekan, Kementerian Belia & Sukan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Iskandar Malaysia.

Selain daripada Karnival SkillsMalaysia, Jabatan juga telah menyertai 38 karnival dan pameran jemputan di seluruh negara:

- Karnival Pengajian Tinggi Negara 'Jom Masuk U' (KPTN 'JMU') 2012 Zon 1 di SASICC Kuantan, Pahang 14-15 Jan 2012.
- Pameran anjuran JHEKS di IMPIANA Hotel, Ipoh 19 Jan 2012
- KPTN 'JMU' 2012 Zon 2 di TTC, K.Terengganu 28-29 Jan 2012
- KPTN 'JMU' Zon 3 di Kedah 4-5 Februari 2012
- KPTN 'JMU' Zon 4 di Sabah 11-12 Feb 2012
- Pameran Jemputan CIDB 13 Februari 2012
- KPTN 'JMU' Zon 5 di Pulau Pinang 18-19 Feb 2012
- KPTN 'JMU' Zon 6 di Kelantan 25-26 Feb 2012
- KPTN 'JMU' Zon 7 di N. Sembilan 3-4 Mac 2012
- KPTN 'JMU' Zon 8 di Sarawak 10-11 Mac 2012
- Pameran Mini Karnival Puteri Umno di Putrajaya 11 Mac 2012
- Pameran Perasmian Kompleks Sukan Muadzam Shah di Pahang 16 Mac 2012
- KPTN 'JMU' Zon 9 di Perak 17-18 Mac 2012
- StudyMalaysia Education Fair di K. Kinabalu, Sabah 17-18 Mac 2012
- KPTN 'JMU' Zon 10 di Johor 24-25 Mac 2012
- StudyMalaysia Education Fair di Kuching, Sarawak 24 Mac-25 Mac 2012
- KPTN 'JMU' Zon 11 di Kuala Lumpur 31 Mac-1 April 2012
- StudyMalaysia Education Fair di Sibu, Sarawak 31 Mac-1 April 2012
- Pameran di Karnival Azam Kerja Perak
- Pameran di Karnival Kaunseling Kebangsaan 4-6 April 2012.
- Pameran di Karnival RTC Kelantan 3-5 Mei 2012
- Pameran Karnival Hari Pekerja di MAEPS pd 12 Mei 2012
- Pameran di Karnival Azam Kerja Lukut di GIANT Dataran Bandar Segar, Lukut, Negeri Sembilan pada 21 April 2012.
- Pameran Promosi Latihan Kemahiran Sekolah di Labu. 22 Mei 2012
- Pameran di Karnival Azam Kerja Kuantan di Bandar Indera Mahkota, Pahang pada 19-20 Mei 2012.
- Pameran NAPEI 31st Malaysia Education Fair di Mid Valley, Kuala Lumpur pada 2-3 Jun 2012.
- Hari Kebajikan Rimba Jaya at Rimba Jaya, Shah Alam (3 Jun 2012)
- UTC Melaka Launching Ceremony (23 Jun 2012)
- Pameran Sempena Majlis Penganugerahan Sijil IMPAC Sesi 1/2012 di Hotel Pullman Kuching, Sarawak pada 31 Julai 2012
- ASIA Sign & LED Exhibition 2012 (PWTC) 2-5 Ogos 2012.
- Pameran Sempena Majlis Penganugerahan Sijil IMPAC Sesi 2/2012 di Hotel Le Meridien, K.K, Sabah pada 13 Ogos 2011
- Pameran sempena MyCen THE 1st Anniversary Celebration. 28 Ogos 2012
- Pameran Karnival Jom Masuk U Kudat (7-9 Sept 2012)
- Pameran Pelancaran UTC Kuala Lumpur ( 22 Sept 2012)

- Karnival Pembelajaran Sepanjang Hayat, PWTC (22-23 Sept 2012)
- Karnival Azam Kerja dan SkillsMalaysia Masyarakat Org. Asli, Shah Alam (29 Sept 2012)
- Pameran Konvokesyen JTM di PICC pada 6-8 November 2012
- Jelajah Janji Ditepati, USM Pulau Pinang, 8 Disember 2012

Siri Jelajah yang telah diadakan pada 2012 berjaya menarik seramai 180,000 pengunjung iaitu peningkatan sebanyak 80% daripada tahun 2011. Diharapkan pengunjung yang hadir daripada segenap lapisan masyarakat telah mengenali SkillsMalaysia dan mula sedar akan kepentingan bidang kemahiran sebagai pilihan kerjaya untuk masa hadapan.

### Karnival SkillsMalaysia 2012 (Zon Utara)



Gimik Perasmian semasa Karnival SkillsMalaysia Koridor Utara 2012 Karnival ini telah dirasmikan oleh Y.B Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir adalah Y.Bhg. Dato' Seri Zainal Rahim Bin Seman, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Y.Bhg. Dato' Redza Rafiq, Ketua Eksekutif, NCI dan Y.Bhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran.



Lawatan Y.B Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan VVIP ke booth pameran.



Pertandingan Kemahiran Awam Semasa Karnival SkillsMalaysia Koridor Utara 2012

### Karnival SkillsMalaysia 2012 (Zon Selatan)



Karnival SkillsMalaysia Zon Selatan, Melaka yang diadakan dengan kerjasama diantara Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Melaka. Karnival ini tidak hanya menampilkan sektor Kemahiran (JPK) sahaja malah membawakan lima lagi sektor iaitu Kerjaya (Jobs Malaysia-JTK), Perniagaan (Invest Melaka), Sukan & Rekreasi (Jabatan Belia & Sukan), Teknologi Hijau (UPEN Melaka) dan Pelancongan (Tourism Melaka).

### Karnival SkillsMalaysia 2012 (Zon Tengah)



Karnival SkillsMalaysia Sempena Hari Belia 2012 yang telah diadakan pada 23-27 Mei 2012 di Putrajaya dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. S.Subramaniam, Menteri Sumber Manusia



*Karnival Pekerjaan dan SkillsMalaysia Bersama Masyarakat Orang Asli Negeri Selangor pada 29 September dan telah dirasmikan oleh Senator YB Dato' Maznah Binti Mazlan, Timb. Menteri Sumber Manusia*

### **Karnival SkillsMalaysia 2012 (Zon Timur)**



*Perasmian Mini Karnival SkillsMalaysia oleh Menteri Besar Pahang, YAB Datuk Haji Adnan bin Yaakob dengan diiringi Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Senator Datuk Maznah binti Mazlan dan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Datuk Dr. Pang Chau Leong.*



Pameran Mini Karnival SkillsMalaysia 2012 Sempena Pelancaran Rural Transformation Cente (RTC) Wakaf Che Yeh pada 03 Mei 2012 – 05 Mei 2012



Pameran Mini Karnival SkillsMalaysia 2012 Sempena Karnival Youth of Pekan

**Karnival SkillsMalaysia 2012 (Zon Sarawak)**



*Karnival Skillsmalaysia Zon Sarawak Dan Simposium SKM Gerbang Kerjaya Anda 2012 pada 19-20 Mei 2012 Perkarangan Parkir Boulevard Shopping Mall, Miri.*



*Mini Karnival SkillsMalaysia Bintulu 2012 bersama Program TEGAS Jelajah Sekolah pada 05 September 2012 bertempat di Dewan Suarah Bintulu dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Haji Talib Zulpilip, Menteri Muda Pelancongan Sarawak*

### Karnival SkillsMalaysia 2012 (Zon Sabah)



Karnival SkillsMalaysia Sabah 2012 di perkarangan Giant Superstore Sandakan Sabah pada 25 dan 26 Februari 2012 dan telah dirasmikan oleh ADUN kawasan Gum-Gum merangkap presiden Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (MHEANS) Datuk Hj. Zakaria Mohd Edris.

## 4.7 Persidangan Pusat Bertauliah

Persidangan Ketua Pegawai Eksekutif PB telah diadakan pada 16 Julai 2012 dengan dirasmikan oleh YB Menteri Sumber Manusia. Sebanyak 1030 buah PB telah dijemput untuk menghadiri persidangan tersebut dengan pengesahan kehadiran sebanyak 462 peserta.

Sebagaimana yang dirancang, terdapat 7 pembentangan kertas kerja telah dibentangkan:

- **'Penarafan Bintang kepada Pusat Bertauliah'** oleh En. Kamaludin b. Tomiran selaku Timbalan Pengarah (PMO) Unit Penguatkuasaan JPK
- **'Peluang Melanjutkan Pelajaran bagi Pemegang-pemegang DKM dan DLKM ke Universiti-universiti di bawah MTUN'** oleh Dr. Hakimah Osman selaku Timbalan Dekan Pengurusan Akademik di UniMAP

- **'Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional di Sekolah-sekolah Seluruh Negara'** oleh Dr. Rahman Ayub selaku Ketua Penolong Pengarah Pengurusan Akademik, BPTV
- **'Insentif PTPK dalam Menggalakkan SkillsMalaysia'** oleh En. Mohd. Fathullah b. Mustafa selaku Pengurus Dasar PTPK
- **'Insentif PSMB dalam Menggalakkan SkillsMalaysia'** oleh En. CM Vignaesarana a/I Jeyandran selaku Timbalan Ketua Eksekutif PSMB
- **'Dasar-dasar Kerajaan dalam Menyemarakkan SkillsMalaysia'** oleh Tengku Nurul Azian bt. Tengku Shahriman selaku 'Director Education and Director SRI HCD' dari PEMANDU
- **'Program Pembelajaran Sepanjang Hayat'** oleh Pn. Faridah bt. Jaafar selaku Pengurus Jabatan Multimedia Kreatif di MDeC

Di samping kertas pembentangan, acara anugerah PB cemerlang serta majlis menandatangani MOU turut diadakan di dalam persidangan tersebut.

#### 4.8 National Blue Ocean Strategy (NBOS)

*National Blue Ocean Strategy* (NBOS) adalah satu inisiatif kerajaan bagi meneraju negara ini ke arah sebuah negara membangun, berpendapatan tinggi, harmoni dan sejahtera dalam semua aspek. Intipati NBOS merupakan satu tindakan kerajaan untuk meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat melalui kesepakatan antara pelbagai kementerian, jabatan atau agensi Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak swasta.


JPK terlibat di dalam pelaksanaan NBOS bagi program Pusat Transformasi Luar Bandar (*Rural Transformation Centre* - RTC) dan Pusat Transformasi Bandar (*Urban Transformasi Bandar*). Sehingga Disember 2012, sebanyak 3 RTC telah dirasmikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri iaitu RTC Gopeng, Perak, RTC Wakaf Che Yeh, Kelantan dan RTC Kuala Linggi, Melaka. Menerusi penubuhan RTC ini, JPK telah terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan inisiatif latihan kemahiran kepada penduduk luar bandar.

Di antara kursus-kursus yang dijalankan dengan kerjasama pusat bertauliah JPK di sekitar RTC adalah:

- Kursus Jahitan Manik
- Kursus Pendawaian Elektrik
- Penyediaan Sos Cili dan Jem,
- Pendawaian Telefon di Kediaman dan Bangunan Bertingkat,
- Kursus Penyediaan Makanan

Berikut adalah statistik jumlah pelatih yang dilatih dan jumlah kursus ditawarkan bagi tahun 2012 di ketiga-tiga RTC.

#### Statistik Bilangan Kursus dan Pelatih Bagi Kursus Di Bawah Pelaksanaan RTC Tahun 2012



#### Carta 25 :

Statistik bilangan kursus dan pelatih di bawah pelaksanaan RTC bagi tahun 2012

Sementara itu, sebanyak 2 buah UTC telah ditubuhkan pada tahun 2012 iaitu di Jalan Hang Tuah, Melaka dan Pudu Sentral, Kuala Lumpur. Menerusi pelaksanaan UTC, sebuah pejabat yang menggabungkan JPK, Jabatan Tenaga Manusia dan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran telah diwujudkan. Pejabat yang menempatkan ketiga-tiga agensi di bawah KSM ini beroperasi setiap hari termasuk hujung minggu dari pukul 8.00 pagi hingga ke pukul 10.00 malam. Pegawai yang ditempatkan untuk bertugas di UTC Melaka adalah dari JPK Wilayah Selatan manakala pegawai yang ditempatkan untuk bertugas di UTC KL adalah dari JPK Wilayah Tengah.



*Kursus-kursus kemahiran yang dijalankan dengan kerjasama pusat bertauliah di sekitar RTC*



*Majlis perasmian yang telah dirasmikan oleh Y.A.B Perdana Menteri di UTC di Pudu Sentral, Kuala Lumpur*



Majlis perasmian yang telah dirasmikan oleh Y.A.B Perdana Menteri di UTC di Hang Tuah, Melaka



Majlis perasmian yang telah dirasmikan oleh Y.A.B Perdana Menteri di RTC Gopeng, Perak


#### 4.9 Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran

Pada tahun 2012, 4 kajian berkenaan penggiatan SLDN telah dijalankan seperti berikut:

- Penglibatan GLC dan MNC Dalam Program SLDN: Model Pelaksanaan Berkesan
- Tahap Penerimaan Masyarakat Terhadap Program SLDN
- Persepsi Dari Majikan dan Pekerja Terhadap Kebolehkerjaan Dan Kebolehpasaran Lulusan SLDN
- Keberkesanan Program SLDN Bagi Program Automotif dan Kecantikan

lanya dijalankan secara dalaman dengan melibatkan seramai 45 orang pegawai dari JPK Ibu Pejabat, CIAST, pejabat wilayah dan dibantu oleh 7 orang penolong penyelidik yang dilantik secara kontrak dengan dibantu oleh 10 orang pensyarah dari universiti tempatan. Kajian ini bermula pada September 2011 sehingga Oktober 2012.

Berikut merupakan ringkasan dapatan dari kajian-kajian tersebut. Carta 26 adalah merupakan dapatan dan cadangan dari kajian *Penglibatan GLC dan MNC Dalam Program SLDN: Model Pelaksanaan Berkesan*. Dalam model ini, tiga perkara penting perlu diberi perhatian bagi meningkatkan penglibatan GLC dan MNC iaitu promosi, pengiktirafan persijilan dan juga perundangan (pengukuhan kerjasama) selain dari komponen-komponen sedia ada dalam program SLDN.




**Carta 26 :** Dapatan kajian *Penglibatan GLC dan MNC dalam Program SLDN: Model Pelaksanaan Berkesan*

Carta 27 adalah dapatan dan cadangan dari kajian *Tahap Penerimaan Masyarakat Terhadap Program SLDN*. Dalam kerangka ini, terdapat empat perkara penting yang perlu diberi keutamaan bagi meningkatkan tahap penerimaan masyarakat terhadap program SLDN iaitu insentif, promosi, imej dan keboleherjaan.



**Carta 27 :**  
Dapatan Tahap penerimaan masyarakat terhadap program SLDN

Hasil dapatan dari kajian *Persepsi dari Majikan dan Pekerja Terhadap Kebolehpasaran dan Kebolehpasaran Lulusan SLDN* menunjukkan persepsi dari majikan dan pekerja terhadap kebolehpasaran dan kebolehpasaran lulusan SLDN adalah tinggi dan positif seperti yang ditunjukkan dalam Carta 28.



**Carta 28 :**  
Dapatan hasil kajian Persepsi dari Majikan dan Pekerja Terhadap Kebolehpasaran dan Kebolehpasaran Lulusan SLDN

Hasil dapatan dan cadangan dari kajian *Keberkesanan Program SLDN bagi Program Automotif dan Kecantikan* terdapat 5 perkara utama yang perlu diberi penekanan dalam meningkatkan lagi keberkesanan program SLDN bagi bidang automotif dan kecantikan. Antara 5 perkara tersebut adalah seperti berikut: kualiti, konsep, peruntukan, promosi dan pengiktirafan seperti yang ditunjukkan di dalam Carta 29.

#### KEBERKESANAN PELAKSANAAN SLDN DARI PERSPEKTIF PUSAT LATIHAN BAGI PROGRAM AUTOMOTIF DAN KECANTIKAN



#### Carta 29 :

Dapatan dan cadangan hasil kajian Keberkesanan Program SLDN bagi Program Automotif dan Kecantikan

### 4.10 Penarafan Bintang (Star Rating) Pusat Bertauliah

Penarafan bintang PB adalah proses yang dijalankan bagi mengaudit kualiti penyampaian latihan di semua PB JPK. Melalui aktiviti penarafan ini, program bertauliah yang dijalankan di Pusat Bertauliah akan diberi tahap penarafan berdasarkan kriteria penilaian yang ditetapkan.

Tiga (3) komponen utama penilaian adalah input (40%), proses (50%) dan output (10%). Penarafan diberikan berdasarkan pencapaian peratusan markah penilaian seperti Jadual 14 di bawah dan ditentukan oleh Jawatankuasa Penilaian Penarafan berdasarkan laporan lawatan yang dijalankan oleh pasukan Inspektor yang dilantik di bawah seksyen 37, Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652). Penilaian ini dilaksanakan setiap dua (2) tahun sekali bermula pada tahun 2011.

#### Jadual 14 :

Tahap Penarafan Bintang Pusat Bertauliah

JUMLAH MARKAH	TAHAP PENARAFAN	BINTANG
90-100	CEMERLANG	★ ★ ★ ★ ★
75-89	SANGAT BAIK	★ ★ ★ ★
60-74	BAIK	★ ★ ★
46-59	MEMUASKAN	★ ★
45 dan ke bawah	LEMAH	★

#### 4.10.1 Penarafan Bintang Pusat Bertauliah 2012


Bagi tahun 2012, Jabatan telah melaksanakan pengauditan ke atas 90 PB yang melibatkan 275 program. Pengauditan ini adalah dikhususkan kepada PB baharu di seluruh negara yang diluluskan pada tahun 2011 tetapi tidak tersenarai di dalam lawatan penarafan bintang kali pertama pada tahun 2011. Pengauditan ini melibatkan seramai 24 orang Pemeriksa yang dilantik sebagai inspektor dan dibahagikan kepada 6 kumpulan yang terdiri daripada 4 orang bagi setiap kumpulan.

#### 4.10.2 Majlis Anugerah Pusat Bertauliah (PB) Cemerlang

Majlis Anugerah PB Cemerlang telah julung kali diadakan pada 16 Julai 2012 bertempat di Dewan Sri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Putrajaya bagi menganugerahkan sijil kepada PB yang mendapat program penarafan tahap Cemerlang bagi sekurang-kurang satu (1) program berdasarkan keputusan penarafan bintang PB yang telah dilaksanakan pada tahun 2011.

Majlis ini diadakan bersempena dengan Persidangan CEO Pusat Bertauliah tahun 2012.


Daripada jumlah keseluruhan 2409 program yang diaudit pada tahun 2011, sebanyak 728 program yang telah mendapat penarafan tahap Cemerlang yang dilaksanakan oleh 76 PB. Daripada 76 PB, sebanyak 61 (80%) adalah PB kerajaan dan 15 (20%) adalah PB swasta seperti Carta 30



#### Carta 30 :

Pecahan Pusat Bertauliah Yang Menerima Anugerah Bagi Penarafan Program Tahap Cemerlang Mengikut Jenis

Daripada 728 program, sebanyak 668 (92%) program adalah dijalankan oleh PB kerajaan dan 60 (8%) program dijalankan oleh PB swasta seperti di Carta 31.



**Carta 31 :**  
Pecahan Program Yang Mendapat Tahap Penarafan Cemerlang Mengikut Jenis

## 4.11 Penguatkuasaan

Bahagian VII dan IX di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) memperuntukkan keperluan untuk melaksanakan lawatan pemeriksaan dan penguatkuasaan serta penyiasatan ke atas penyedia latihan kemahiran. Untuk melaksanakan tanggungjawab ini, Inspektor dan pegawai penguatkuasa dilantik di bawah seksyen 37 dan seksyen 40, Akta 652.

### 4.11.1 Lantikan Inspektor dan Pegawai Penguatkuasa

Inspektor bertanggungjawab untuk melaksanakan pemeriksaan ke atas penyedia latihan. Antara tugas pemeriksaan yang dilakukan oleh Inspektor adalah membuat lawatan pemeriksaan bagi penarafan pusat bertauliah, membuat lawatan pengauditan dan lawatan pemantauan daripada semasa ke semasa. Manakala pegawai penguatkuasa pula bertanggungjawab untuk melaksanakan penguatkuasaan dan penyiasatan terhadap kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini.

Inspektor dan Pegawai Penguatkuasa adalah dilantik daripada kakitangan JPK melibatkan pelbagai bahagian termasuklah pegawai di pejabat JPK wilayah dan CIAST. Sehingga Disember 2012, seramai 142 orang inspektor dan 72 orang Pegawai Penguat Kuasa telah dilantik. Untuk tahun 2012, Inspektor dan Pegawai Penguat Kuasa telah dihantar berkursus dan menerima latihan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia dan Pusat Latihan Kor Polis Tentera bagi memberi kefahaman dan pendedahan yang berkaitan semasa melaksanakan tugas.


#### 4.11.2 Kad Kuasa Inspektor dan Pegawai Penguatkuasa

Bagi tahun 2012, kad kuasa bagi inspektor dan pegawai penguatkuasa, JPK yang berkualiti tinggi dengan ciri-ciri keselamatan telah diperkenalkan. Ini selaras dengan keperluan di bawah seksyen 50, Akta 652 yang mana seseorang Pegawai Penguat Kuasa atau Inspektor perlu mengistiharkan jawatannya dan mengemukakan kad kuasa semasa melaksanakan tugas bagi mana-mana kuasanya di bawah Akta 652. Kad kuasa ini terbahagi kepada dua iaitu kad kuasa bagi Inspektor dan kad kuasa bagi Pegawai Penguatkuasa. Kad kuasa ini mengandungi butiran maklumat pegawai seperti nama, no kad pengenalan, jawatan dan gambar pegawai di bahagian hadapannya manakala di bahagian belakang adalah punca kuasa di bawah Akta 652.

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 192 kad kuasa telah dikeluarkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 120 keping adalah kad kuasa untuk Inspektor dan 72 keping adalah kad kuasa bagi pegawai penguatkuasa. Kad kuasa ini perlu dibawa bersama oleh pegawai dan perlu ditunjukkan ketika memperkenalkan diri semasa melaksanakan tugas.

#### 4.11.3 Pengurusan Aduan

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 58 aduan telah diterima oleh Jabatan. Sumber aduan adalah melalui pengadu hadir sendiri membuat aduan, melalui telefon dan surat dan juga lain-lain sumber. Daripada jumlah tersebut, 20% aduan diterima melalui pengadu hadir sendiri ke pejabat JPK, 2% melalui surat, 2% lagi diterima melalui telefon dan 76% adalah melalui lain-lain sumber sebagaimana Carta 32. 100% aduan telah diambil tindakan dan telah diselesaikan oleh pihak jabatan.



**Carta 32 :**  
Statistik bilangan aduan yang diterima oleh Jabatan sepanjang tahun 2012





# BAB 5


## PENGUKUHAN HUBUNGAN STRATEGIK DENGAN INDUSTRI

# Pengukuhan Hubungan Strategik Dengan Industri

## 5.1 Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK)

JPPK merupakan sebuah jawatankuasa kerja yang ditubuhkan oleh JPK yang berperanan sebagai penasihat kepada Jabatan dalam menyemak kurikulum yang dibangunkan di samping memberi khidmat nasihat mengenai pembangunan teknologi terkini, bidang-bidang baru, transformasi proses dan prosedur baru serta keperluan sumber tenaga mahir di industri sama ada dari segi bidang atau tahap kekompetenan.

Ahli JPPK terdiri daripada kalangan pakar industri yang mempunyai pengalaman dan kelayakan dalam bidang berkaitan. JPPK juga dianggotai oleh wakil dari persatuan, badan professional, badan penyelidikan dan teknologi, institusi pendidikan tinggi dan badan pentauliahan. Sehingga 31 Disember 2012, keahlian JPPK adalah seramai 609 orang daripada 20 sektor yang telah ditubuhkan. Ringkasan aktiviti JPPK 2012 adalah seperti Carta 33



**Carta 33:**

Bilangan Aktiviti JPPK Sepanjang Tahun 2012

Di antara aktiviti yang telah dijalankan oleh unit JPPK sepanjang tahun 2012 adalah seperti berikut:

### i. Mesyuarat JPPK

Sebanyak 20 mesyuarat JPPK telah diadakan seperti di Jadual 15. Melalui mesyuarat tersebut, JPK mendapat maklum balas dan pandangan terhadap penambahbaikan pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia.

**Jadual 15 :**

Mesyuarat JPPK yang telah diadakan

BIL.	JPPK	TARIKH	TEMPAT
1	JPPK Cleaning Services	12 Jun 2012	Concorde Inn KLIA
2	JPPK Mechanical & Electrical Services Maintenance	8 Jun 2012	Residence Hotel , Bangi
3	JPPK Souvenir & Small Enterprise	13-Jun	Residence Hotel , Bangi
4	JPPK Interior Decoration & Furnishing	8 Mei 2012	Cyberview Lodge
5	JPPK Child Care	3 Mei 2012	Cyberview Lodge
6	JPPK Maritime	28 Mei 2012	Residence Hotel
7	JPPK Plastic	22 Mei 2012	Residence Hotel , Bangi
8	JPPK Landscaping & Environmental	20-Jun-12	Residence Hotel , Bangi
9	JPPK Aviation	21-Jun-12	Residence Hotel , Bangi
10	JPPK Cosmetology	25 Jun 2012	Cyberview Lodge
11	JPPK Printing	27-Jun-12	Concorde Inn KLIA
12	JPPK Hospitality & Tourism	29-Jun-12	Concorde Inn KLIA
13	JPPK Textile & Appareal	26-Jun-12	Concorde Inn KLIA
14	JPPK Biotechnology	5 Julai 2012	Concorde Inn KLIA
15	JPPK Steel Making & Foundry	5 Okt 2012	Concorde Inn KLIA
16	JPPK Machinery & Equipment	4 Okt 2012	Concorde Inn KLIA
17	JPPK Electrical, Electronics, Telecommunication & Broadcasting	2 Okt 2012	Residence Hotel
18	JPPK Non-Destructive Testing (NDT)	27-Sep-12	PULLMAN
19	JPPK Automotive	3 Nov 2012	Concorde Inn Shah Alam
20	JPPK Cosmetology	6-Nov-12	Cyberview Lodge

**ii. Lawatan**

Sebanyak 10 lawatan industri telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat dan meninjau situasi sebenar industri dan teknologi terkini serta mendapatkan pakar dalam bidang kemahiran tertentu seperti di Jadual 16. Antara lawatan yang telah dilakukan ialah ke Hicom-Honda Manufacturing Sdn Bhd bagi JPPK Automotif dan Prima Metal Sdn Bhd bagi JPPK Machinery & Engineering.

**Jadual 16:**

Lawatan yang telah diadakan

BIL	TARIKH LAWATAN	LOKASI LAWATAN	JPPK
1	16 Februari 2012	Akademi Alfafa	JPPK Islamic Research
2	5 Mac 2012	Department of Civil Aviation (DCA)	JPPK Aviation
3	21 Mac 2012	Samudera Selatan Sdn Bhd	JPPK Engineering & Machinery
4	20 Jun 2012	Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)	JPPK Landscape & Environmental
5	12 Julai 2012	TATiUC	JPPK Plastics
6	16 Oktober 2012	BASF Petronas Chemicals	JPPK Oil & Gas
7	3 Disember 2012	Hicom-Honda Manufacturing Sdn Bhd	JPPK Steel Making & Foundry
8	4 Disember 2012	ILP Bukit Mertajam	
9	5 Disember 2012	Prima Metal Sdn Bhd	JPPK Engineering & Machinery
10	6 Disember 2012	ILP Ipoh	



*Lawatan ke Hicom-Honda Manufacturing Sdn Bhd*



*Lawatan ke Prima Metal Sdn Bhd*

### iii. Mesyuarat Presiden JPPK bersama Ketua Pengarah

Satu (1) mesyuarat telah diadakan bagi menyelaraskan keperluan dan membincangkan halatuju serta peranan JPPK terhadap aktiviti-aktiviti berkaitan pembangunan kemahiran di Malaysia.

#### Jadual 17:

Senarai Kehadiran Presiden JPPK bersama KPPK

Bil.	JPPK	NAMA
1	JPPK Engineering & Machinery	Abdul Jalil Md Noor
2	JPPK Automotif	Vincent t. S. Chong
3	JPPK NDT	Khazali Bin Haji Mohd Zin
4	JPPK Cleaning Services	En. Noruddin Bin Idris En. Nik husin Bin Nik Yusoff
5	JPPK Cosmetology	Pn. Norlisa Lee Abdullah Pn. Teah Mooi Muah
6	JPPK Electrical, Electronics, Telecommunication & Broadcasting	En. Ahmad Razif Bin Ramli
7	JPPK Plastics	En. Rahmad Bin Abd Shukor
8	JPPK Printing	Dato' Hj. Badruddin Bin Hj. Abu bakar
9	JPPK Steel Making & Foundry	En.Mohd Akhir Bin Yeop Kamaruddin



Perjumpaan KP Bersama Presiden JPPK

#### iv. Seminar Industri bagi 3 sektor utama

Sebanyak tiga (3) seminar industri telah dijalankan bagi memperkenalkan teknologi terkini yang melibatkan sektor Plastics, Cleaning Services dan Printing seperti di Jadual 18. Seminar ini juga bertujuan untuk memberi penerangan dan mempromosikan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia serta memberi pendedahan kepada pemain industri mengenai NOSS yang telah dibangunkan bagi sektor tersebut.

**Jadual 18:**

Seminar Industri bagi tiga (3) Sektor Utama

BIL	TARIKH SEMINAR	LOKASI SEMINAR	JPPK	DIRASMIKAN
1	2-5 Ogos 2013	PWTC	<b>IPMEX MALAYSIA &amp; PRINT TECHNOLOGY 2012</b> JPPK PRINTING	YB Datuk Wira Abu Seman Yusop, Timbalan Menteri Kementerian Dalam Negeri
2	2-3 Oktober	De Saujana Hotel Subang	<b>6th MPMA International Plastics Conference (MIPC)</b> "Sustainable Development in the Plastics Industry" JPPK PLASTICS	YB Datuk Dr Maximus Johnity Ongkili, Kementerian Sains, Technology dan Inovasi
3	13 Disember 2012	PWTC	<b>Seminar Industri Pembersihan 2012</b> JPPK CLEANING SERVICES	YB. Dato' Tan Lian Hoe Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan



*Seminar Industri bagi Sektor Cleaning Services 2012*



*Seminar Industri bagi Sektor Printing 2012*



#### v. Program Transformasi Masyarakat Melalui Latihan Kemahiran

Satu Program Transformasi Masyarakat Melalui Latihan Kemahiran telah diadakan pada 13 Oktober 2012 bertempat di Pulau Tioman, Perak dan telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Maznah binti Mazlan. Program ini bertujuan untuk mendedahkan masyarakat tempatan dengan peluang meningkatkan pendapatan menerusi pembabitan secara aktif dalam sektor eko-pelancongan melalui sijil dan pengiktirafan terhadap kemahiran yang dimiliki dan diharap dapat menaikkan imej negara sebagai destinasi pelancongan menerusi peningkatan mutu perkhidmatan yang ditunjukkan oleh pekerja atau penduduk tempatan.

Antara agensi yang terlibat dalam program tersebut adalah GiatMara Malaysia, Kementerian Belia Dan Sukan, Jabatan Tenaga Manusia, Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC), Jabatan Taman Laut Malaysia, ZBS Skills Centre, JobsMalaysia, CIAST, Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Jabatan Perikanan Malaysia.



#### 5.2 Industry Lead Body (ILB)

Bagi memperkasakan latihan kemahiran agar sejajar dengan keperluan industri, JPK telah melantik Industry Lead Body (ILB) sebagai badan peneraju yang mewakili sektor industri tertentu. Oleh itu, fungsi ILB adalah untuk menjalankan fungsi JPK seperti pembangunan NOSS, analisa bidang pekerjaan (OA), kajian dan lain-lain berdasarkan keperluan sebenar sektor yang diwakili bagi memastikan latihan dan pembangunan kemahiran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui pendekatan industry-driven yang menyeluruh.

Tiga (3) ILB yang telah dilantik pada tahun 2011 iaitu MDec, CIDB dan NATC serta tiga belas (13) ILB lain yang telah dilantik pada 2012 telah menjalankan aktiviti yang berkaitan. Aktiviti mengikut ILB adalah seperti berikut:

NO	ILB	AKTIVITI	TAJUK AKTIVITI
1	Multimedia Development Corporation Berhad (MDeC)	Kajian	Supply Demand Study - SUPPLY DEMAND STUDY FOR ICT INDUSTRY 2011/12
		Promosi	MSC Malaysia Human Resource Practitioners Networking Session (HRNS 2012)
			MSC Malaysia Cluster meeting (1. Information Technology dan Hardware Design & Development)
			MSC Malaysia Cluster meeting (2. Shared Services & Outsourcing dan Creative Multimedia)
		Pembangunan NOSS	Web Developer (Tahap 4 & 5)
			Concept Artist (Tahap 4 & 5)
			3D Animator (Tahap 3)
			3D Animator (Tahap 4 & 5)
			Modeller & Rigger (Tahap 4 & 5)
		2	Construction Industry Development Board (CIBD)
Tunnelling (Tahap 1,2 & 3)			
Lighting System (Tahap 1,2 & 3)			
Sign Craft (Tahap 1,2 & 3)			
Grouting (Tahap 1,2 & 3)			
Water Proof (Tahap 1,2 & 3)			
Pembangunan Course of Study (CoS)	Roof Covering ( Rain Water Good) (Tahap 1,2 & 3)		
	Roof Covering ( Tile) (Tahap 1,2 & 3)		
	Pre Stress Work (Tahap 1,2 & 3)		
	Grouting (Tahap 1,2 & 3)		
	Steel Structure (Hot Rolled) (Tahap 1,2 & 3)		
	Drywall Partition (Tahap 1,2 & 3)		
	Steel Structure (Cold Formed) (Tahap 3)		
	3		
Pembangunan NOSS		Agrotourism (Farm Stay) (Tahap 4 & 5)	
		Mekanisasi Jentera Pertanian (Tahap 2 & 3)	
Pembangunan Course of Study (CoS)		Pembantu Ladang Sarang Burung Walit (Tahap 2 & 3)	
		Abattoir Management (Tahap 4 & 5)	
		Akuakultur (Hatceri) (Tahap 2 & 3)	
		Akuakultur (Ikan Hiasan) (Tahap 2 & 3)	
Promosi	Promosi SLDN		

4	Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp)	Pembangunan NOSS	MultiCrops Seed Breeding (Tahap 1,2 & 3) MultiCrops Seed Breeding (Tahap 4&5)
		Pembangunan Course of Study (CoS)	Tissue Culture(Tahap 2 & 3)
			Herbal Extraction (Tahap 1,2 & 3)
			Bio Process (Tahap 1,2 & 3)
5	Malaysian Association of Hotel (MAH)	Pembangunan NOSS	Laundry Service Operation (Tahap 3)
			Laundry Management (Tahap 4 & 5)
			Scuba Dive Operation (Tahap 3)
			Scuba Dive Operation Management (Tahap 4 & 5)
		Car Rental Operation (Tahap 3)	
Promosi	Mempromosi program SLDN		
6	Asian Institute of Finance	akan menjalankan aktiviti pada 2013	
7	The Electrical and Electronics Association of Malaysia (TEEAM)	Pembangunan OA	Sektor Elektrikal dan Elektronik
		Pembangunan NOSS	Lighting & LED (Tahap 3)
			CCTV (Tahap 3)
Promosi	Promosi program PPT dan SLDN		
8	Malaysian Timber Industry Board (MTIB)	Pembangunan OA	Sektor Perakayuan
		Pembangunan NOSS	Timber Operation (Tahap 4 & 5)
			Timber Treatment (Tahap 4 & 5)
			Kild drying (Tahap 3)
Promosi	Aktiviti Promosi PPT		
9	Malaysian Palm Oil Board (MPOB)	Promosi	Promosi program PPT dan SLDN
10	Malaysian Oil & Gas Services Council (MOGSC)	Akan menjalankan aktiviti pada 2013	
11	Tenaga Nasional Berhad (TNB) / ILSAS	Akan menjalankan aktiviti pada 2013	
12	Malaysian Society for Non-Destructive Testing (MSNT)	Kajian	Kajian semakan OA (Occupational Analysis) terhadap ISO 9712 versi 2005 dalam bidang NDT
		Pembangunan NOSS	Industrial Radiography Testing (RT) (Tahap 1,2 & 3)
			Ultrasonic Testing (UT) (Tahap 1,2 & 3)
13	Malaysian Iron and Steel Industry Federation (MISIF)	akan menjalankan aktiviti pada 2013	

14	Malaysian Textile & Manufacturer Association (MTMA)	Akan menjalankan aktiviti pada 2013	
15	Jabatan Kebajikan Masyarakat	Pembangunan NOSS	Penjagaan Warga Emas (Tahap 1,2 & 3)
			Penjagaan Orang Kurang Upaya (Tahap 1,2 & 3)
			Penjagaan Warga Emas (Tahap 4 & 5)
			Penjagaan Orang Kurang Upaya (Tahap 4 & 5)
		Pembangunan OA	Sektor Penjagaan dan Pembangunan Komuniti
		Promosi	Promosi program PPT dan SLDN
16	Malaysian Institute of Human Resources & Management (MIHRM)	Pembangunan NOSS	Human Resource Research Management (Tahap 4 & 5)
			Human Resource Consulting Management (Tahap 4 & 5)
			Human Resource Consulting Project Support Assistant (Tahap 2 & 3)
			Human Resource Consulting Admin Support Assistant (Tahap 2 & 3)
			Human Resource (Tahap 1,2 & 3)
			Human Resource (Staffing) (Tahap 4 & 5)
			Human Resource (Compensation & Benefits) (Tahap 5)

### 5.3 Program SkillsMalaysia Partnership (SMP)

Pada tahun 2012, JPK telah memperkenalkan satu program khas yang dikenali sebagai program SMP bagi memberi perhatian yang khusus kepada aktiviti pembangunan sumber manusia mahir berikut:


- i. Mempromosikan aktiviti Jabatan dalam aktiviti pembangunan sumber mahir melalui latihan kemahiran;
- ii. Mengenalpasti dan mewujudkan program kerjasama dengan industri/majikan/ sektor swasta atau pihak yang berpotensi; dan
- iii. Menyelaras dan melaksanakan projek dan program yang telah dikenalpasti dan dipersetujui hasil daripada kerjasama yang dijalankan.

#### 5.3.1 Lawatan SMP

Lawatan SMP telah diadakan bermula Februari 2012 yang melibatkan seramai 135 orang pegawai JPK yang telah dilantik sebagai pegawai Task Force SMP. Lawatan tersebut dibahagikan kepada dua (2) kategori berikut:


- Lawatan susulan ke syarikat yang telah menyertai Program Luncheon Talk Pembangunan Sumber Manusia Mahir Tahun 2011 dan
- Lawatan susulan ke syarikat yang berdaftar di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bagi tujuan persijilan pekerja mahir secara Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

Sebanyak 253 syarikat (93%) daripada 273 syarikat yang ditugaskan telah dilawati. Sebanyak 20 syarikat (7%) yang tidak dilawati disebabkan syarikat tidak bersedia untuk menerima lawatan. Pecahan lawatan ke syarikat mengikut negeri adalah seperti di Carta 34.



**Carta 34 :**  
Jumlah Lawatan ke Syarikat Mengikut Negeri

Daripada 253 syarikat yang dilawati, 57% (144 syarikat) berminat untuk bekerjasama, 38% (96 syarikat) tidak berminat dan 5% (13 syarikat) sedang mengkaji keperluan untuk bekerjasama dengan merujuk Carta 34 di bawah.




**Syarikat Berpotensi untuk Kerjasama**

**Carta 35 :**  
Syarikat Berpotensi Untuk Kerjasama

Melalui lawatan yang diadakan, Jabatan telah mengenalpasti 240 bentuk kerjasama yang menarik minat 144 syarikat dalam menjalankan program seperti pembangunan NOSS, persijilan pekerja melalui kaedah PPT dan SLDN, perkongsian pakar melalui DPIN, SkillsMalaysia dan lain-lain lagi seperti Carta 36.


**Bentuk Kerjasama dengan Syarikat yang Berminat**



**Carta 36:**  
Bilangan Kerjasama Syarikat Yang Berminat Mengikut Bentuk Kerjasama


Daripada 240 bentuk kerjasama di atas, 151 daripadanya adalah berkaitan dengan 15 sektor industri yang sedang digunakan di dalam NOSS seperti Carta 37. Manakala 10 lagi bentuk kerjasama tidak dapat dipadankan dengan sektor industri NOSS.

**Bentuk Kerjasama dengan Syarikat yang Berminat mengikut Sektor Industri**



**Carta 37:**  
Bilangan Syarikat Yang Berpotensi Mengikut Sektor Industri

Daripada 144 syarikat yang berminat, sebanyak 22 syarikat (15%) telah mula menjalankan kerjasama manakala 122 syarikat (85%) masih dalam peringkat perbincangan lanjut dengan Jabatan seperti di Carta 38.



**Carta 38 :**  
Keberhasilan Kerjasama

## 5.4 Perjanjian Kerjasama Strategik

Beberapa perjanjian kerjasama dan persefahaman strategik telah dimeterai pada tahun 2012 yang melibatkan kerjasama di antara Jabatan dengan pihak industri dan agensi kerajaan lain.

### 5.4.1 Perjanjian Kerjasama Dengan Pihak Industri

#### a. Kerjasama antara Jabatan dengan KRU Bros Sdn Bhd

Perjanjian ini bertujuan bagi untuk menjalinkan kerjasama antara JPK dan KRU dalam perkara berikut:

1. JPK memperakukan KRU Studios Sdn Bhd sebagai Agensi Kerjasama Strategik bagi melaksanakan penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersilan bidang multimedia; dan
2. KRU Studios Sdn Bhd mempromosikan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) kepada bidang multimedia.



*Kerjasama dengan KRU, CCPS Dan QT Hightech Pada 16 Julai 2012*

b. Kerjasama antara Jabatan dengan SilTerra Malaysia Sdn Bhd

MOU antara Silterra Malaysia Sdn. Bhd. Dan MOHR adalah bertujuan untuk berkongsi kepakaran dan kerjasama dalam pembangunan sumber manusia dan latihan kemahiran dalam bidang fabrikasi wafer melalui program latihan serta inisiatif yang membina .



Majlis Menandatangani JPK Bersama Silterra 21 September 2012

c. Kerjasama antara Jabatan dengan Telekom Malaysia Berhad

TM merupakan syarikat telekomunikasi terbesar dan juga pembekal perkhidmatan jalur lebar dan membawa maklumat dan komunikasi bersepadu, menawarkan perkhidmatan dan penyelesaian komunikasi dalam jalur lebar, data dan talian tetap. MOU ini bertujuan bagi untuk menjalinkan kerjasama antara JPK dan TM dalam perkara berikut:

1. Pembangunan National Occupational Skills Standard (NOSS);
2. Pengiktirafan pekerja mahir melalui Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT);
3. Pelaksanaan artikulasi;
4. Pengiktirafkan institut latihan kemahiran di bawah Kumpulan TM sebagai pusat bertauliah;
5. Perundingan dan khidmat nasihat; dan
6. Pendaftaran pekerja mahir TM dalam Direktori Pakar Industri Negara tertakluk syarat dan peraturan semasa.



Majlis Menandatangani JPK Bersama Telekom Malaysia Berhad 12 Disember 2012



Keratan akhbar berkaitan jalinan kerjasama di antara JPK dan RapidKL





**5.4.2 Kerjasama Dengan Jabatan Penjara, Kementerian Dalam Negeri (KDN)**

Kerjasama dengan Jabatan Penjara telah diadakan bagi mempersiapkan pegawai dan kakitangan penjara, banduan dan tahanan. Kerjasama ini telah mencatat sejarah di mana ianya telah mendapat pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records.



Pengiktirafan oleh 'Malaysia Book of Record' kepada JPM bagi Jabatan yang menggunakan untuk SKM melalui program SLDN



Pengiktirafan oleh 'Malaysia Book of Record' JPK bagi Pendaftaran Perantis terbanyak program SLDN

Selain itu, kerjasama ini dapat menampilkan pegawai, kakitangan, PLV, staf sokongan Jabatan Penjara Malaysia sebagai pakar atau mahir yang mempunyai sijil kemahiran dan sekaligus memberi peluang kepada banduan untuk berada bersama masyarakat.

Strategi pelaksanaan program ini adalah dengan menjalankan sesi taklimat dan lawatan verifikasi yang melibatkan 30 buah penjara seluruh Malaysia seperti di Jadual 19. Mesyuarat penyelarasan pelaksanaan SLDN di penjara telah diadakan yang mempertemukan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Penjara dengan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran pada 20hb Mac 2012 di Penjara Pusat Kota Kinabalu. Mesyuarat bersetuju untuk fasa pertama pelaksanaan SLDN, Jabatan Penjara akan menjalankan latihan untuk persijilan SKM tahap 1 dalam pelbagai bidang kemahiran di bengkel-bengkel setiap penjara yang terlibat dan sasaran perantis untuk program rintis ini adalah melebihi 2000 orang banduan.

**Jadual 19:**  
Senarai penjara yang terlibat dalam program SLDN

BIL.	PENJARA YANG TERLIBAT	BIL.	PENJARA YANG TERLIBAT
1.	Penjara Penor	16.	Penjara Seremban
2.	Penjara Sungai Udang	17.	IPD Jelebu
3.	Penjara Tapah	18.	SHG Teluk Mas
4.	Penjara Batu Gajah	19.	Penjara Dusun Dato' Murad
5.	Penjara Taiping	20.	Penjara Sungai Buluh
6.	TPP Kemunting (KEMTA)	21.	Penjara Bentong
7.	Penjara Sungai Petani	22.	PPA Machang
8.	Penjara Seberang Perai (Jawi)	23.	Penjara Pengkalan Chepa
9.	Penjara Alor Setar	24.	Penjara Marang
10.	Penjara Pokok Sena	25.	Penjara Pusat Kota Kinabalu
11.	Penjara Simpang Renggam	26.	Penjara Wanita Kota Kinabalu
12.	Penjara Kluang	27.	SHG Keningau
13.	PPA Muar	28.	Penjara Sandakan
14.	Penjara Kajang dan Silc Kajang	29.	Penjara Tawau
15.	Penjara Wanita Kajang	30.	Penjara Pusat Miri



Majlis Menandatangani JPK Bersama Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri pada 12 Oktober 2012



Lawatan tapak penjara Kota Kinabalu pada 20hb Mac 2012

### Penghuni 30 penjara ikuti latihan pasaran kerja

BERITA HARIAN 13/10/2012 Pg. 24

**KUALA LUMPUR** Seramai 30 penjaras di seluruh negara dititah sebagai Pasai Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), membolehkan penghuninya mengikuti latihan kemahiran mengikut keperluan pasaran pekerjaan.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Maznah Manan, berkata ia sekali gus membantu mereka membuat persiapan mendapatkan pekerjaan selepas dibebaskan.

Katanya, di bawah program SLDN, penghuni penjara boleh mengikuti sebarang kursus sijil kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Satu selama enam bulan, beliau berkata, ada 40 bidang kemahiran yang meliputi Pelawian Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan telah diikuti penghuni penjara, kecuali banduan yang menjalani hukuman mati seumur hidup.

**Usaha tingkat kempyuan**  
"Ini adalah antara usaha ke-

**Maznah (kiri) menyempurnakan siji SLDN** kepada wakil 2000 Sabah di Penjara Puncak, semalam.

mentarian Sumber Manusia dalam meningkatkan kempyuan banduan dengan kemahiran supaya mereka dapat beedikasi dan menjadi seba-

hagian pasaran sumber manusia tempatan," katanya selepas melancarkan SLDN di Penjara Puncak, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Lee Chee Leong, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Kementerian Sumber Manusia, Enc. Pang Chai Leong dan Ketua Pengarah Penjara Malaysia, Datuk Wira Zulkefli Ormaz.

Pada masa sama, Jabatan Penjara Malaysia turut memsewakan siji Malaysia Book of Records (MBR) atas pengiktirafan sebagai agensi pertama di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang melaksanakan sistem SLDN itu.

**17 sesi kursus indokul**  
Mengulas lanjut, Maznah berkata, bagi tujuan penantapan pelaksanaan SLDN di semua penjara, sebanyak 17 sesi kursus indokul diadakan membinasakan juralatih dan tenaga pengajar.

Katanya, pada 2006 hingga tahun lalu, seramai 31,958 penghuni penjara berjaya dilatih menerusi program itu membinasakan pemertanian 1,381 syarikat.

"JPK Kementerian Sumber Manusia menyasarkan 27,500 penghuni penjara lagi akan dilatih 967 syarikat bagi tempoh 2011 hingga 2015," katanya.

Keratan akhbar Berita Harian bertarikh 13hb Oktober 2012 berkaitan dengan program SLDN yang dilaksanakan di Jabatan Penjara Malaysia

### **5.4.3 Kerjasama Dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi pelaksanaan program SLDN di Sekolah Menengah Vokasional dan Kolej Vokasional (KV) KPM**

Selaras dengan Pelan Transformasi Pendidikan Malaysia 2013-2015 di bawah KPM, Jabatan telah mengambil pelbagai inisiatif untuk membantu KPM dalam melaksanakan program latihan kemahiran di peringkat sekolah yang membawa kepada penganugerahan SKM/DKM/DLKM.

Antaranya ialah pelaksanaan SLDN di semua 79 buah KV di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak bermula tahun 2013, dengan projek rintis telah dilaksanakan di Sekolah Menengah Vokasional Kajang dan Sekolah Menengah Vokasional Sungai Buloh bermula sesi kemasukan pelajar pada 2011/2012. Sejumlah 42 perantis telah menamatkan latihan pada Disember 2012 dengan mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 3 dan bagi kemasukan 2012/2013 seramai 87 perantis telah mendaftarkan diri. Di bawah projek rintis ini, sebanyak 3 jenis program latihan kemahiran berdasarkan bidang NOSS telah dilaksanakan iaitu Juruteknik/Mekanik Kenderaan Motor (MKM), Juruteknik/Mekanik Penyjukbekuan dan Penyaman Udara (MPPU) dan Ekuestrian yang melibatkan penyertaan perantis seramai 129 orang.

Pelaksanaan projek rintis secara keseluruhannya akan melibatkan 15 buah Kolej Vokasional (KV) dengan enrolmen seramai 3,500 pelajar dan meningkat kepada 15,000 pelajar pada tahun hadapan. Tempoh pengajian diantara dua hingga empat tahun dengan kelulusan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang diiktiraf oleh JPK menawarkan 53 bidang pengajian termasuk pertanian, pelancongan dan penerbangan.

Bagi tujuan pementapan pelaksanaan SLDN di KV, sebanyak 5 sesi kursus induksi SLDN telah diadakan melibatkan coach dan pengajar di semua 79 buah KV di samping kursus pementapan DSE dan juga taklimat pelaksanaan SLDN.

Selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), pihak JPK dan KPM akan mengadakan perbincangan dan kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di bawah KSM bagi tujuan penempatan pekerjaan untuk perantis-perantis yang telah menamatkan latihan di syarikat-syarikat yang berdaftar dengan JTK. Pelaksanaan SLDN di semua KV seluruh negara merupakan satu usaha yang amat baik dalam menyediakan tenaga kerja kompeten dan berkemahiran tinggi serta memberi impak kepada pembangunan negara menjelang tahun 2020 untuk menjadi negara maju.



*Majlis Pelancaran SLDN di Kolej Vokasional KPM dan Majlis Menandatangani Kenyataan Bersama KPM-KSM SMV Kajang, Selangor pada 2hb Oktober 2012*



*Majlis Menandatangani JPK Bersama Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) - 2 Oktober 2012*



# BAB 6

## PEMBANGUNAN DAN PEMANTAPAN TENAGA PENGAJAR DAN FASILITATOR



# Pembangunan Dan Pemantapan Tenaga Pengajar Dan Fasilitator

Sejajar dengan misi nasional kedua iaitu melahirkan modal insan yang memiliki minda kelas pertama yang berpengetahuan dan berinovasi, pendidikan latihan kemahiran kepada rakyat Malaysia merupakan antara agenda utama dalam pembangunan sesebuah Negara. Memandangkan keperluan Negara terhadap pekerja berkemahiran yang tinggi, pembangunan tenaga pengajar juga menjadi agenda utama pihak Kerajaan khususnya kepada KSM. Pembangunan tenaga pengajar yang baru dan sedia ada menjadi fokus utama JPK. Impak kepada tenaga pengajar yang kompeten adalah lahirnya tenaga kerja mahir yang merupakan aset terpenting bagi melestarikan dan menjayakan misi nasional ini.

## 6.1 Program Pembangunan Modal Insan

Bagi memperkasa latihan kemahiran, JPK di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) 2006-2010 telah diberi sebanyak RM 16.49 juta bagi projek Pembangunan Modal Insan. Program ini memfokuskan kepada peningkatan kelayakan akademik di kalangan tenaga pengajar institut latihan kemahiran awam. Program ini dilaksanakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama University of Bremen, Jerman. Status pengajian tenaga pengajar yang mengikuti program pembangunan modal insan ini sehingga Disember 2012 adalah sebagaimana Jadual 20 di bawah.

**Jadual 20:**

Status Pengajian Tenaga Pengajar yang Mengikuti Pembangunan Modal Insan sehingga 2012

Bil	Program	Kohort	Bil Pelajar	Status Disember 2012			Catatan
				Dalam Pengajian	Tamat	Konvokesyen	
1	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam	1	8		8	8	Konvokesyen Tahun 2011 (8 pelajar)
		2	2		2	2	Konvokesyen Tahun 2012 (2 pelajar)
2	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik	1	23		23	23	Konvokesyen Tahun 2011 (23 pelajar)
		2	12		12	12	Konvokesyen Tahun 2012 (12 pelajar)
3	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal	1	23		23	22	Konvokesyen Tahun 2011 (22 Pelajar) 1 Pelajar telah menjalani sesi pembentangan Projek Sarjana Muda (PSM) pada Disember 2012.
		2	9		9	9	Konvokesyen Tahun 2012 (9 Pelajar)
4	Sarjana	MBI	15		15	15	Konvokesyen Tahun 2009 (13 Pelajar) Konvokesyen Tahun 2009 (2 Pelajar)
		MBG	12		12	12	Konvokesyen Tahun 2009 (8 Pelajar) Konvokesyen Tahun 2010 (4 Pelajar)

5	PhD	1	10	5	5	5	Konvokesyen Tahun 2010 (2 Pelajar)
		2	8	8			Dalam pengajian
		3	2	2			Dalam pengajian
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>124</b>	<b>15</b>	<b>109</b>	<b>108</b>	

## 6.2 Pelaksanaan Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra-Perkhidmatan)


Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (*Centre for Instructor and Advanced Skills Training* – CIAST) melaksanakan program latihan untuk pelajar lepasan sekolah dan pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 yang berminat untuk meningkatkan tahap kemahiran dalam latihan kemahiran dan teknik mengajar. Pada tahun 2012, seramai 577 orang pelajar telah diambil untuk mengikuti program Sijil Pengajar Vokasional (Vocational Training Officer – VTO), SKM T3 + VTO dan Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV) manakala dari segi keluaran pula, seramai 455 orang pelajar telah berjaya menamatkan sesi latihan sebagaimana Jadual 21 di bawah

**Jadual 21:**

Statistik Bilangan Peserta Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra Perkhidmatan) Tahun 2012

Nama Program	Pengambilan		Enrolmen		Keluaran	
	Bil. Kursus	Bil. Peserta	Bil. Kursus	Bil. Peserta	Bil. Kursus	Bil. Peserta
Sijil Pengajar Vokasional (Vocational Training Officer – VTO)	3	523	3	368	3	404
Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 + VTO	2	26	7	65	2	23
Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV)	3	25	14	102	4	19
DLPV – Kerjasama dengan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Alor Gajah	1	3	1	3	1	9
<b>Jumlah</b>	<b>9</b>	<b>577</b>	<b>25</b>	<b>538</b>	<b>10</b>	<b>455</b>

Bilangan Peserta Latihan Kemahiran Pra-Perkhidmatan



**Carta 39:**

Statistik Pelajar Kursus Pra Perkhidmatan yang Menamatkan Latihan Tahun 2012

### 6.3 Pelaksanaan Latihan Kemahiran Dalam Perkhidmatan (In-Service)

CIAST menawarkan 3 jenis program latihan kemahiran dalam perkhidmatan iaitu:

- a) Program Jangka Pendek;
- b) Program Vocational Training Officer (VTO), Vocational Training Executive (VTE) dan Vocational Training Manager (VTM) Secara *Fast Track* dan *Single Tier*; dan
- c) Latihan Sangkutan Industri (LSI)

#### 6.3.1 Program Jangka Pendek

Program jangka pendek ditawarkan secara *modular* dan *customised*. Program *modular* merupakan program yang dijalankan mengikut perancangan CIAST melalui persediaan yang mantap dan bersesuaian dengan piawaian dan kemampuan yang ada. Manakala program *customised* pula ialah program yang dilaksanakan hasil perbincangan di antara pelanggan dengan pihak CIAST di mana program ini telah diubahsuai mengikut kehendak pelanggan sama ada awam atau swasta.

Pada tahun 2012, CIAST telah menjalankan 542 program jangka pendek melibatkan seramai 15,344 peserta berbanding sasaran yang ditetapkan, iaitu seramai 11,621 peserta dan peratus pencapaian ialah 132.04% sebagaimana Jadual 22 di bawah.

#### Jadual 22:

Statistik Bilangan Peserta Latihan Kemahiran Jangka Pendek (Dalam Perkhidmatan) Tahun 2012

Bil.	Nama Program	Bil. Kursus	Bil. Peserta
1.	Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD)	123	4,079
2.	Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK)	58	604
3.	Program Perancangan dan Pembangunan Latihan (PPL)	89	2,098
4.	Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia (PEM)	39	1,168
5.	Program Kelayakan dan Kekompetenan (KK)	233	7,395
<b>Jumlah</b>		<b>542</b>	<b>15,344</b>

#### 6.3.2 Program Vocational Training Officer (VTO), Vocational Training Executive (VTE) dan Vocational Training Manager (VTM) Secara Fast Track dan Single Tier

Program ini bertujuan untuk mengiktiraf dan mempersijilkan individu yang berkeelayakan dan berpengalaman dalam metodologi latihan dengan VTO, VTE dan VTM secara *fast track* dan *single tier* melalui kaedah PPT. Melalui program ini Ibu Pejabat JPK dipertanggungjawabkan melaksanakan proses permohonan dan persijilan calon manakala CIAST melaksanakan proses penilaian calon.


Pelaksanaan program bagi Fasa I ialah dari 14 Februari 2011 hingga 30 Ogos 2012 dan seterusnya program ini telah dilanjutkan ke Fasa II dari 01 Oktober 2012 hingga 30 September 2014.

Pada tahun 2012, seramai 1,961 calon telah menghadiri sesi Penilaian Analisa Jurang Kompetensi, 747 calon menghadiri Penilaian Secara Temuduga dan 891 calon telah menghadiri Penilaian Secara Kursus seperti di Jadual 23 .

**Jadual 23:**

Senarai Calon Hadir Sesi Penilaian Analisa Jurang Kompetensi, Temuduga dan Kursus Tahun 2012

Nama Bidang	Sesi Penilaian		
	Analisa Jurang	Temuduga	Kursus
VTO	1,338	451	773
VTE	317	132	83
VTM	306	164	35
<b>Jumlah</b>	<b>1,961</b>	<b>747</b>	<b>891</b>



**Carta 40:**


Bilangan Calon Sesi Penilaian Analisa Jurang Kompetensi, Temuduga dan Kursus Tahun 2012

Seramai 1,662 calon telah diluluskan bagi memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di dalam bidang VTO/VTE/VTM secara *Fast Track & Single Tier* melalui kaedah PPT. Daripada jumlah tersebut seramai 1,262 calon memperolehi Sijil VTO, 216 calon Sijil VTE dan 184 calon Sijil VTM. Terdapat juga seramai 26 calon gagal memperolehi Sijil VTO/VTE/VTM seperti di Jadual 24.

#### Jadual 24:

Senarai Calon yang Memperolehi Sijil VTO/VTE/VTM Secara Fast Track dan Single Tier Melalui Kaedah PPT Kursus Tahun 2012

SIRI MESYUARAT	VTO		VTE		VTM		JUMLAH	
	LULUS	GAGAL	LULUS	GAGAL	LULUS	GAGAL	LULUS	GAGAL
1/2012	156	0	14	0	3	0	173	0
2/2012	79	3	54	0	49	2	182	5
3/2012	226	6	11	0	6	0	243	6
4/2012	321	4	45	1	61	3	427	8
5/2012	198	0	19	0	20	0	237	0
6/2012	202	1	17	1	25	1	244	3
7/2012	80	3	56	1	20	0	156	4
<b>JUMLAH</b>	<b>1,262</b>	<b>17</b>	<b>216</b>	<b>3</b>	<b>184</b>	<b>6</b>	<b>1,662</b>	<b>26</b>



#### Carta 41:

Bilangan Calon yang Memperolehi Sijil VTO/VTE/VTM Secara Fast Track dan Single Tier Melalui Kaedah PPT Kursus Tahun 2012

Bilangan calon yang telah berjaya memperolehi sijil VTO/VTE/VTM Secara *Fast Track & Single Tier* sehingga tahun 2012 adalah seramai 1,998 orang seperti dalam Jadual 25

**Jadual 25:**

Status Persijilan Calon VTO/VTE/VTM Secara Fast Track dan Single Tier Sehingga Tahun 2012

BIL	TAHUN	VTO		VTE		VTM		JUMLAH	
		LULUS	GAGAL	LULUS	GAGAL	LULUS	GAGAL	LULUS	GAGAL
1	2011	146	54	90	20	100	26	336	100
2	2012	1,262	17	216	3	184	6	1662	26
<b>JUMLAH</b>		<b>1,408</b>	<b>71</b>	<b>306</b>	<b>23</b>	<b>284</b>	<b>32</b>	<b>1,998</b>	<b>126</b>

**6.3.3 Latihan Sangkutan Industri (LSI)**

Di dalam Rancangan Malaysia Ke-10, JPK telah dipertanggungjawabkan untuk menaiktaraf kemahiran tenaga pengajar vokasional Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) melalui program penempatan LSI dengan kerjasama pihak industri.

Penempatan LSI ini adalah bertujuan mendedahkan para tenaga pengajar tentang persekitaran dan teknologi di sektor industri selama 2 hingga 3 bulan berdasarkan bidang pengkhususan pengajar berkenaan. Dengan adanya latihan seperti ini pengajar dapat menghubungkan dan mengamalkan pengetahuan teori dan praktikal serta membina keyakinan dalam bidang-bidang tertentu.

Pada tahun 2012, pelaksanaan penempatan LSI telah diadakan sebanyak lima (5) siri melibatkan 35 orang pengajar ILKA dan 35 buah industri seperti di Jadual 26.

**Jadual 26:**

Statistik Peserta LSI 2012 - Mengikut Agensi

Bil.	Agensi	Siri 1/2012	Siri 2/2012	Siri 3/2012	Siri 4/2012	Siri 5/2012
1	Kementerian Belia dan Sukan	1	0	2	1	0
2	Jabatan Kebajikan Masyarakat	2	0	0	1	0
3	Kolej Komuniti	4	1	0	2	1
4	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional	4	1	0	0	0
5	Kerajaan Negeri Sarawak	0	0	0	0	0
6	Kementerian Pertanian dan Asas Tani	0	0	0	0	0
7	Jabatan Tenaga Manusia	0	0	5	3	2
8	MARA	0	1	0	2	0
9	Jabatan Penjara	0	0	2	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>11</b>	<b>3</b>	<b>9</b>	<b>9</b>	<b>3</b>



*Pegawai Dalam Latihan di Firma*



*Lawatan Pemantauan LSI*

#### 6.4 Pengurusan Personel Lantikan

Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) mula diperkenalkan pada tahun 2005 bertujuan menyediakan tenaga kerja mahir negara (k-Pekerja) melalui satu kaedah latihan komprehensif dan terkini bagi memenuhi kehendak industri semasa. CIAST telah dipertanggungjawab untuk menjalankan beberapa siri latihan dalam memberi kefahaman dan pendedahan kepada personel SLDN dalam pelaksanaan SLDN di Malaysia.

Setiap tahun CIAST menjalankan program pembangunan latihan kepada personel SLDN seperti kursus Induksi, *Coach Training Programme*, *Trainer Training Program* dan banyak lagi. Program-program yang dianjurkan adalah seperti di bawah:

#### 6.4.1 Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliah (PPKSPP)


PPKSPP merupakan Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliah yang diberi oleh JPK kepada personel Pusat Bertauliah (PB), Pusat Latihan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), dan Syarikat SLDN yang memenuhi kriteria dan syarat pelantikan. Secara keseluruhannya, sejak pengiktirafan personel diperkenalkan pada tahun 2008 sehingga tahun 2012, sejumlah 13,195 PPKSPP telah dikeluarkan kepada personel yang layak mengikut jawatan yang dipohon. Jadual 27 merupakan statistik PPKSPP sehingga Disember 2012.

##### Jadual 27:

Bilangan Personel Lantikan JPK

KATEGORI	JAWATAN	2008	2009	2010	2011	2012	JUMLAH
PERSONEL PB.	PPB	88	112	141	179	109	629
	PPD	416	792	757	765	715	3,445
	PP	2,626	1,667	1,392	1,418	1,309	8,412
	PPD – PLV	0	0	18	23	19	60
	PP – PLV	27	53	72	70	56	278
JUMLAH PERSONEL PB (1)		3,157	2,624	2,380	2,455	2,208	12,824
PERSONEL SLDN	COACH	17	127	43	77	25	289
	P SLDN	0	0	26	34	22	82
JUMLAH PERSONEL SLDN (2)		17	127	69	111	47	371
<b>JUMLAH ( 1 ) + ( 2 )</b>		<b>3,174</b>	<b>2,751</b>	<b>2,449</b>	<b>2,566</b>	<b>2,255</b>	<b>13,195</b>

Daripada **13,195** jawatan personel yang mendapat pengiktirafan JPK, sebanyak 97% atau 12,824 jawatan adalah personel Pusat Bertauliah (PB) manakala baki 3% atau 371 jawatan adalah personel SLDN seperti yang tertera dalam Carta 42.



**Carta 42:**

Pecahan Jawatan Personel PB dan Personel SLDN

### 6.4.2 Daftar Pakar Industri Negara (DPIN)

DPIN diwujudkan bagi mengumpul, mendaftar dan memperakukan individu atau personel yang berpengalaman luas dan berkemahiran dalam sektor industri mengikut kriteria yang telah digariskan dalam Panduan Permohonan Pendaftaran DPIN. Pelantikan ini dibuat bagi membolehkan pihak JPK mengenalpasti pakar industri atau pakar pengajar berkelayakan untuk dilantik menjalankan tugas tertentu dalam suatu tempoh yang ditetapkan.

Berikut ialah jawatan DPIN yang didaftarkan ;


- 1) Pakar Industri (PIND) ,
- 2) Pakar Pengajar (PAJAR) ,
- 3) Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) ,
- 4) Panel Hakim Pertandingan Kemahiran (HAKIM) ,
- 5) Perunding Sistem Dual (DSE) ,
- 6) Panel NOSS (PNOSS) ,
- 7) Pegawai Pengesah Luaran (PPL) ,
- 8) Pegawai Penilai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT) ,
- 9) Pegawai Pengesah Luaran Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT),
- 10) Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Dual Nasional (PPL-SLDN) ,
- 11) Pegawai Pengesah Luaran Pegawai Latihan Vokasional (PPL-PLV) dan
- 12) Pemeriksa Ujian Tanpa Musnah (Pemeriksa NDT).

Sejak pengiktirafan DPIN mula diperkenalkan pada tahun 2008 sehingga tahun 2012, sejumlah **9,950** jawatan Pakar JPK telah diiktiraf. Jadual 28 dan Carta 43 menunjukkan statistik dan peratus pengiktirafan Pakar JPK sehingga Disember tahun 2012.

**Jadual 28 :**

Statistik Personel Pakar JPK Mengikut Kategori Jawatan sehingga Tahun 2012

BIL	JAWATAN	PERMOHONAN 2012	LANTIKAN 2012	LANTIKAN TERKUMPUL HINGGA 2012
1.	PIND	732	618	1857
2.	PAJAR	465	365	1776
3.	PPL	705	439	1970
4.	PPL-PLV	149	101	235
5.	PPL-SLDN	317	204	556
6.	PP-PPT	639	395	1674
7.	PPL-PPT	217	112	304
8.	JPPK	129	88	421
9.	HAKIM	108	50	182
10.	PNOSS	319	286	597
11.	DSE	154	66	359
12.	PEMERIKSA NDT	5	1	19
<b>JUMLAH</b>		<b>3,939</b>	<b>2,725</b>	<b>9,950</b>



**Carta 43 :**  
Peratus Personel Pakar JPK Mengikut Jawatan untuk Tahun 2012

**6.4.3 Pembangunan Dan Pemantapan PPL/PP-PPT dan PPL**

Program Pembangunan dan Pemantapan PPL/PP-PPT dan PPL dibuat bagi tujuan meningkatkan profesionalisme dan kekompetenan PPL/PP-PPT dan PPL dalam melaksanakan verifikasi penilaian Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Mekanisme pelaksanaan program ini adalah melalui dua (2) kaedah berikut ;

- i. Kursus Pemantapan PPL/PP-PPT ;dan
- ii. Penilaian Pembaharuan PPL

**i. Kursus Pemantapan PPL/PP-PPT**

Kursus ini dijalankan bagi menyalurkan maklumat terkini JPK berkaitan Dasar, Peraturan dan Prosedur Verifikasi serta Sistem Jaminan Mutu Persijilan Kemahiran Malaysia kerana PPL/PP-PPT merupakan antara personel lantikan JPK yang paling hampir dengan sistem dan bertanggungjawab memastikan kualiti latihan kemahiran yang dijalankan oleh Pusat Bertauliah (PB) memenuhi kriteria kemahiran yang ditetapkan.



*Kursus Pemantapan PPL*

Kursus ini dilaksanakan dengan memberi penerangan secara lisan, perbincangan, kajian kes, kerja berkumpulan dan edaran nota bertulis kepada peserta. Sebanyak 9 siri kursus telah dijalankan termasuk 3 siri kursus tambahan seperti dalam Jadual 29.

### Jadual 29 :

Statistik penganjuran Kursus Pemantapan PPL/ PP-PPT tahun 2012

BIL	PROGRAM	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1	Kursus Pemantapan PPL Siri 1/2012	27-28 Mar 2012	71
2	Kursus Pemantapan PPL Siri 2/2012	16-17 Apr 2012	70
3	Kursus Pemantapan PPL Siri 3/2012	14-15 Mei 2012	69
4	Kursus Pemantapan PPL Siri 4/2012	16-17 Jul 2012	102
5	Kursus Pemantapan PPL Siri 5/2012	10-11 Sept 2012	33
6	Kursus Pemantapan PPL Siri 6/2012	15-16 Okt 2012	23
7	Kursus Pemantapan PPL Siri 7/2012	19-20 Nov 2012	93
8	Kursus Pemantapan Khas PP-PPT	22-24 Okt 2012	35
9	Kursus Pemantapan Pemantapan Khas PPL-Federation of Holistic Therapists (FHT) United Kingdom (UK)	06-08 Nov 2012	48
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>544</b>

### ii. Penilaian Pembaharuan PPL

Penilaian ini merupakan sebahagian daripada syarat pembaharuan lantikan PPL bertujuan memastikan personel yang dilantik mempunyai pengetahuan dan maklumat terkini mengenai JPK serta kefahaman yang seragam.


Sebanyak 12 siri Penilaian Pembaharuan Lantikan telah dijalankan bagi jawatan PPL seperti di Jadual 30 dan Carta 44. Tujuh (7) penilaian telah dijalankan mengikut zon dan lima (5) lagi adalah siri tambahan yang dijalankan di CIAST. Keputusan ujian penilaian adalah sah untuk dua (2) tahun dari tarikh keputusan penilaian bagi tujuan pembaharuan tempoh lantikan. Personel yang gagal penilaian perlu menduduki semula penilaian atau Klinik SPKM.

### Jadual 30 :

Statistik Penilaian Pembaharuan Lantikan PPL tahun 2012

Bil	Tarikh	Siri	Calon	Lulus	Gagal
1	29/3/2012	Penilaian Siri 1/2012	38	30	8
2	18/4/2012	Penilaian Siri 2/2012	34	28	6
3	16/5/2012	Penilaian Siri 3/2012	35	33	2
4	12/6/2012	Penilaian Siri A/2012	5	5	0
5	18/7/2012	Penilaian Siri 4/2012	54	45	9

6	14/8/2012	Penilaian Siri B/2012	3	3	0
7	12/9/2012	Penilaian Siri 5/2012	9	9	0
8	17/10/2012	Penilaian Siri 6/2012	9	9	0
9	19/10/2012	Penilaian Siri C/2012	1	1	0
10	19/11/2012	Penilaian Siri 7/2012	33	29	4
11	23/11/2012	Penilaian Siri D/2012	1	1	0
12	14/12/2012	Penilaian Siri E/2012	2	2	0
<b>Jumlah</b>			<b>224</b>	<b>195</b>	<b>29</b>



**Carta 44 :**  
Keputusan Penilaian Pada Setiap Siri Penilaian



Penilaian Pembaharuan Lantikan PPL

### 6.5 Pembangunan Fasilitator

Pembangunan fasilitator melibatkan tiga (3) kursus seperti berikut:

- i. Kursus Asas *Curriculum Development Based on Vocational Ability Structure* (CUDBAS);

- ii. Kursus Pembangunan *Written Instructional Material* (WIM); dan
- iii. Kursus Pembangunan NOSS (DACUM) serta Kursus Pembangunan dan Fasilitator NOSS (DESCUM)

### 6.5.1 Kursus Asas CUDBAS

CUDBAS telah dibangunkan oleh Prof. Dr. Kazuo Mori pada tahun 1990 bagi memberi perspektif yang lebih jelas berkenaan pengetahuan, kecekapan dan sikap pekerja dalam melakukan tugas. CUDBAS juga membantu organisasi mengenalpasti dan memperkemas proses kerja, mengurangkan kos latihan, dan meningkatkan kualiti kepakaran pekerja serta mengurangkan pembaziran pengeluaran yang disebabkan oleh kesilapan manusia.

Objektif Kursus Asas CUDBAS:

- a. Memperkenalkan dan mempromosikan *Community Employment Support Service* (CESS) dan CUDBAS;
- b. Mempraktik kaedah CUDBAS untuk menghasilkan produk CUDBAS menggunakan manual; dan
- c. Memberi pendedahan tentang *Company Support*.

Pada tahun 2012, CIAST telah melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan CUDBAS secara modular seperti di dalam Jadual 31.

**Jadual 31:**  
Aktiviti CUDBAS Tahun 2012

BIL	NAMA PROGRAM / KURSUS / SIRI	TARIKH	TEMPAT	PESERTA / ORGANISASI	JUMLAH PESERTA
1	Bengkel Penyediaan Nota & Slaid CUDBAS	15 - 17/2	Hotel Carlton & Suites	ILKA	19
2	Kursus Pembangunan Fasilitator Asas CUDBAS siri 1	11-16/3	Hotel Putra Brasmana Kuala Perlis	ILKA	11
3	Kursus Pembangunan Fasilitator Asas CUDBAS siri 2	11-16/3	Hotel Putra Brasmana Kuala Perlis	ILKA/ILKS	16
4	Kursus Pembangunan Fasilitator Asas CUDBAS siri 3	1-6/4	Seri Malaysia JB	ILKA/ILKS	18
5	Kursus Pembangunan Fasilitator Asas CUDBAS siri 4	23 - 27/4	Harbour View Hotel, Sarawak	ILKA/ILKS	18
6	Kursus Pembangunan Fasilitator Asas CUDBAS siri 5	6 - 11/5	Quality Hotel S.Alam	ILKA/ILKS	19
7	Kursus Pembangunan Fasilitator Asas CUDBAS siri 6	6 - 11/5	Sabah Oriental Hotel KK	ILKA/ILKS	18
8	Kursus Pembangunan Fasilitator Asas CUDBAS Siri 7	27/5 - 1/6	Quality Hotel S.Alam	ILKA/ILKS	17

9	Kursus Pembangunan Fasilitator Asas CUDBAS Siri 8	27/5 - 1/6	Batu Buruk Beach Resort KT	ILKA/ILKS	19
10	Kursus Pembangunan Fasilitator Asas CUDBAS Siri 9	24-29/6	Hotel Residence, Bangi	ILKA/ILKS	16
11	Kursus Pembangunan Fasilitator Asas CUDBAS Siri 10	8-13/7	Hotel Carlton & Suites	ILKA/ILKS	18
12	Kursus Pembangunan Fasilitator Lanjutan CUDBAS	9-14/9	Hotel De Palma, Shah Alam	ILKA	15
13	Seminar CESS	27/9	CIAST	ILKA/ILKS	55
14	Kursus Pembangunan Fasilitator Asas CUDBAS Siri 11	1-5/10	Sabah Oriental Hotel KK	ILKA/ILKS	20
<b>JUMLAH</b>					<b>279</b>

### 6.5.2 Kursus Pembangunan WIM

Kursus Pembangunan WIM 2012 telah diadakan secara modular dan customised bertujuan memberi pendedahan kepada tenaga pengajar dari pusat bertauliah awam dan swasta berkenaan kaedah membangun dan mendokumenkan Manual Latihan merangkumi *Course of Study* (CoS), *Learning Guide* (LG), WIM (Kertas Penerangan, Kertas Tugas dan Kertas Kerja), Penilaian (Penilaian Pengetahuan dan Penilaian Prestasi) dan Latihan Sangkutan Industri (LSI).

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan secara modular dan *customised* ini adalah seperti ditunjukkan di dalam Jadual 32.

**Jadual 32:**

Aktiviti Pembangunan WIM Tahun 2012

BIL	NAMA PROGRAM / KURSUS / SIRI	TARIKH	TEMPAT	PESERTA / ORGANISASI	JUMLAH PESERTA
1	Bengkel Penyediaan Nota & Slaid WIM	13-15/2	Hotel Carlton & Suites	ILKA	15
2	Bengkel Pembangunan CoS/LG/WIM 1	21-24/2	Hotel Seri M'sia Bagan Lalang	PERHEBAT	18
3	Kursus Pembangunan Manual Latihan (Refreshment)	15-17/3	Hotel Carlton & Suites	PERHEBAT	28
4	Kursus Pembangunan WIM 1	25-30/3	Hotel Residence, Bangi	ILKA/ILKS	13
5	Kursus Pembangunan WIM 2	1-6/4	Seri Malaysia JB	ILKA/ILKS	18
6	Kursus Pembangunan WIM 3	23 - 27/4	Harbour View Hotel, Sarawak	ILKA/ILKS	24
7	Kursus Pembangunan WIM 4	6 - 11/5	Sabah Oriental Hotel KK	ILKA/ILKS	14
8	Kursus Pembangunan CoS/LG/WIM 2	6-11/5	ARENAWATAN, TLDM LUMUT	ILKA	26
9	Kursus Pembangunan WIM 5	27/5 - 1/6	Batu Buruk Beach Resort KT	ILKA/ILKS	19
10	Kursus Pembangunan WIM 6	3-8/6	Crystal Lodge Hotel, KB	ILKA/ILKS	17
11	Kursus Pembangunan WIM 7	18-22/6	Seri Malaysia Kuala Selangor	ILKA/ILKS	17

12	Kursus Pembangunan WIM (DACUM & DESCUM)	24-29/6	Hotel Residence, Bangi	ILKA/ILKS	14
13	Kursus Pembangunan WIM 8	3-6/7	Carlton & Suites Hotel	PERHEBAT	38
14	Kursus Pembangunan WIM 9	8-13/7	Hotel Seri Costa, Melaka	ILKA/ILKS	18
15	Kursus Pembangunan WIM 10	15-20/7	Hotel Seri M'sia Taiping	ILKA/ILKS	18
16	Kursus Pembangunan WIM 11	15-20/7	Hotel Seri M'sia Taiping	ILKA/ILKS	16
17	Kursus Pembangunan CoS/LG/WIM 3	30/7 – 3/8	ARENA WATAN, TLDM LUMUT	ILKA	31
18	Kursus Pembangunan CoS/LG/WIM 4	3 - 7/9	ARENA WATAN, TLDM LUMUT	ILKA	29
19	Kursus Pembangunan WIM 12	1-5/10	Sabah Oriental Hotel KK	ILKA/ILKS	20
20	Kursus Pembangunan CoS/LG/WIM 5	1-5/10	TLDM, KK	ILKA	15
21	Kursus Pembangunan CoS/LG/WIM 6	14-18/10	KPM	ILKA	44
22	Kursus Pembangunan CoS/LG/WIM 7	8 - 12/10	Puteri Resort, Melaka	ILKA	29
23	Kursus Pembangunan CoS/LG/WIM 8	29/10-2/11	Hotel Regency Alor Setar	ILKA	33
24	Kursus Pembangunan CoS/LG/WIM 9	5 - 8/11	Mardi, Serdang	NATC	30
25	Kursus Pembangunan CoS/LG/WIM 10	5 - 8/11	Glory Beach Resot, Negeri Sembilan	ILKA	45
26	Kursus Pembangunan WIM 13	18-23/11	Merdeka Palace, Kuching	ILKA/ILKS	18
<b>JUMLAH</b>					<b>597</b>

### 6.5.3 Kursus Pembangunan NOSS (DACUM) dan Kursus Pembangunan dan Fasilitator NOSS (DESCUM)

Mulai tahun 2012, Kursus Pembangunan dan Fasilitator NOSS (DESCUM) telah dijalankan secara sepenuhnya. Ianya melibatkan 542 orang peserta awam dan swasta. Sebanyak 27 sesi telah diadakan melibatkan seramai 283 peserta dibawah DESCUM secara *customised*.

Walaupun bagaimanapun, memandangkan pembangunan NOSS (DACUM) masih lagi digunakan di Markas Pendidikan dan Latihan Angkatan Tentera Laut, maka atas permintaan kursus pembangunan NOSS (DACUM) diadakan secara kerjasama antara CIAST dan TLDM sebanyak empat (4) sesi yang telah dihadiri seramai 99 orang peserta.

#### 6.5.3.1 Latihan Sangkutan Industri (LSI) bagi Kursus Pembangunan Fasilitator NOSS (DESCUM)

Peserta kursus yang telah berjaya menghadiri kursus pembangunan NOSS (DESCUM) layak memohon untuk mengikuti LSI. LSI bagi Kursus Pembangunan Fasilitator DESCUM merupakan salah satu keperluan tambahan bagi memastikan peserta mampu mempraktikkan kemahiran yang diajar dalam sesi pembangunan NOSS yang sebenar.

Tujuan sesi LSI ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan awal kepada peserta mengenai pengendalian bengkel pembangunan NOSS (DESCUM) yang sebenar serta teknik-teknik fasilitator. Peserta perlu menghadiri LSI sebanyak tiga (3) sesi sebagai syarat lulus untuk dipersijilkan sebagai seorang fasilitator. Selain daripada itu, peserta juga dinilai oleh pegawai firma dan pegawai CIAST/JPK yang dilantik. Penggredan fasilitator dibuat berdasarkan markah penilaian daripada kedua-dua pegawai penilai tersebut seperti dalam Jadual 33.

**Jadual 33 :**

Pemarkahan dan Penggredan Fasilitator

MARKAH	GREDD	STATUS FASILITATOR
90-100	5	Amat Cemerlang
80-89	4	Cemerlang
70-79	3	Sangat Baik
60-69	2	Baik
50-59	1	Memuaskan
≥ 49	-	Biasa

Secara keseluruhan CIAST telah mengeluarkan 97 fasilitator bermula dari tahun 2011 hingga 2012. Seramai 77 peserta telah berjaya dipersijilkan sebagai fasilitator DESCUM bagi tahun 2012 dan 20 orang bagi tahun 2011. Jadual 34 merupakan pecahan bilangan fasilitator mengikut gred yang telah layak dipersijilkan.

**Jadual 34 :**

Pecahan Bilangan Fasilitator Mengikut Gred

KEPUTUSAN	GREDD	BILANGAN FASILITATOR	
		2011	2012
Amat Cemerlang	5	13	23
Cemerlang	4	5	34
Sangat Baik	3	1	7
Baik	2	0	9
Memuaskan	1	0	4
Biasa	0	1	0
<b>JUMLAH</b>		<b>20</b>	<b>77</b>

Aktiviti Kursus Pembangunan dan Fasilitator NOSS DESCUM Tahun 2012



**6.6 Pemantapan Personel Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)**

SLDN mula diperkenalkan pada tahun 2005 bertujuan menyediakan tenaga kerja mahir negara (k-Pekerja) melalui satu kaedah latihan komprehensif dan terkini bagi memenuhi kehendak industri semasa. CIAST telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan beberapa siri latihan bagi memantapkan kemahiran personel SLDN dalam pelaksanaan SLDN di Malaysia. Latihan tersebut merangkumi kursus Induksi, *Coach Training Programme*, *Trainer Training Program* dan banyak lagi. Program-program yang dianjurkan adalah seperti Jadual 35.

**Jadual 35 :**  
 Statistik Kursus Pemantapan Personel SLDN bagi Tahun 2012

Bil	Nama Program	Bil. Kursus	Bil. Peserta
1	NDTS Trainer Training Programme	6	223
2	NDTS Coach Training Programme	14	474

3	NDTS Master Trainer	1	19
4	Social Skills & Social Values	4	144
5	Penganjuran Kursus Induksi PPL-SLDN	1	45
6	Pemantapan DSE	1	20
7	Penganjuran Seminar SLDN	1	246
8	Penganjuran Kursus Induksi SLDN	18	606
9	Penganjuran Kursus Induksi DSE	2	63
<b>Jumlah</b>		<b>48</b>	<b>1840</b>

## 6.7 Program Antarabangsa

Kesan globalisasi telah membawa kesedaran yang memuncak kepada keperluan pendidikan teknikal vokasional dan sistem latihan yang lebih mampan. Ini menyebabkan semua negara dan masyarakat semakin saling bergantung di antara satu sama lain dalam menyediakan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berdaya saing. Justeru itu, JPK melalui CIAST menawarkan program antarabangsa kepada negara luar.

Pada tahun 2012, CIAST telah melaksanakan 9 kursus di bawah 4 program antarabangsa yang melibatkan penyertaan seramai 122 peserta seperti di Jadual 36.

### Jadual 36 :

Statistik Latihan Antarabangsa Tahun 2012 (\*MTCP-TCTP: Program tajaan bersama Kementerian Luar Negeri- KLN dan Japan International Cooperation Agency - JICA)

Nama Program	Kursus / Bidang	Tarikh / Tempoh	Negara Peserta	Bil Peserta
SkillsMalaysia INVITE Programme for Vietnam Trainers	Automotive	27 Dis – 26 Apr	Vietem	24
	Electrical			24
	Electronics			23
	Welding			24
Attachment Programme for Sudan Trainers (Series 1)	Automotive	16 Jan – 7 Mac	Suddan	2
Capacity Development for Technical Vocational Education and Training (TVET) for Cambodia under - Third Country Training Programme (MTCP-TCTP)	<b>-Automotive</b> (Auto Electrical, Petrol Engine & Transmission) -Pedagogi -Internship	<b>Kemahiran:</b> 3 – 23 Sept (3 minggu) <b>Pedagogi:</b> 24 Sept – 12 Okt (3 minggu) <b>Internship:</b> 15 Okt – 23 Nov (6 minggu) <b>Penilaian:</b> 3 – 14 Dis (2 minggu)	Cambodia	10
	<b>Electrical</b> (Industrial Electrical Wiring & Motor control) -Pedagogi -internship		Cambodia	10
Attachment Programme for Sudan Trainers (Series 2)	<b>Metalwork</b>	30 Okt – 26 Dis	Sudan	3
	<b>Electrical Application</b>			1
<b>Jumlah</b>				<b>122</b>



YB Timbalan Sumber Manusia, bergambar kenangan peserta dan hadirin ketika Majlis Penutup TCTP 2012

Statistik permohonan dan penyertaan bagi program Antarabangsa sepanjang tahun 2012 adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 37.

**Jadual 37 :**

Statistik Permohonan dan Penyertaan Antarabangsa Tahun 2012

Nama Program	Statistik Permohonan			Statistik Terpilih	Bil Hadir
Skills Malaysia INVITE Programme For Vietnam Trainers	Bil Peserta			96	95
	Bil Penterjemah			4	
	Bil Negara			1	
Attachment Programme for Sudan Trainers (Series 1)	Bil Peserta			2	10
	Bil Penterjemah			1	
	Bil Negara			1	
MTCP-TCTP (AUTOMOTIVE)	Bil Permohonan	15	Bil Terpilih	10	10
	Bil Negara	1	Bil Negara	1	
	Layak	10	Kapasiti	10	
MTCP-TCTP (ELECTRICAL)	Bil Permohonan	15	Bil Terpilih	10	10
	Bil Negara	1	Bil Negara	1	
	Layak	10	Kapasiti	10	
Attachment Programme for Sudan Trainers (Series 2)	Bil Peserta			4	4
	Bil Penterjemah			2	
	Bil Negara			1	



*Peserta SkillsMalaysia INVITE for Vietnam Trainers sedang menjalani latihan praktikal*

Semenjak tahun 1988, CIAST telah melaksanakan 65 kursus antarabangsa dengan melibatkan seramai 732 peserta dari pelbagai negara seperti di Jadual 38.

#### **Jadual 38 :**

Statistik Keseluruhan Latihan Antarabangsa 1988 – 2012

Nama Program		Kursus	Peserta
ART	(ASEAN Regional Training)	18	158
TCTP	(Third Country Training Program)	19	193
TTCP	(Trilateral Technical Cooperation Program)	1	20
MTCP	(Malaysian Technical Cooperation Program)	9	98
MTCP-TCTP	(Malaysian Technical Cooperation Program -Third Country Training Program)	9	96
SMI	SkillsMalaysia INVITE	4	95
Lain-lain		5	72
<b>Jumlah</b>		<b>65</b>	<b>732</b>

## **6.8 Majlis Konvokesyen**

Majlis Konvokesyen CIAST Tahun 2012 telah diadakan pada 11 November 2012 di Auditorium D8, Blok D8, Kompleks D, Putrajaya untuk meraikan graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian di CIAST pada tahun 2011 dan 2012. Majlis ini telah disempurnakan oleh Y.B Senator Dato' Maznah Binti Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia untuk sidang pertama manakala sidang kedua pula dirasmikan oleh Datuk Dr. Pang Chau Leong, Ketua Pengarah JPK.

Seramai 659 orang pelajar telah berjaya menamatkan pengajian dalam kursus-kursus yang ditawarkan iaitu Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV), Diploma Pengajar Vokasional (DPV), Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dengan Sijil Pengajar Vokasional (SKM3+VTO) dan Sijil Pengajar Vokasional (VTO). Majlis konvokesyen tahun 2012 ini juga melibatkan graduan dari kursus SKM3+VTO buat julung kalinya.

Statistik graduan mengikut kursus digambarkan seperti di Jadual 39.

**Jadual 39 :**  
Statistik Graduan CIAST Tahun 2012

Kursus	Sesi Kemasukan	Jumlah Graduan
DLPV	2/2008,1/2009, 2/2010 & 4/2012	37
DPV	1/2007 & 2/2007	6
SKM3 + VTO	4/2009, 2/2010 & 4/2010	45
VTO	4/2010, 1/2011, 2/2011, 3/2011 & 4/2011	571
<b>Jumlah</b>		<b>659</b>

Anugerah Graduan Terbaik telah dianugerahkan kepada graduan yang cemerlang seperti di Jadual 40. Kriteria kecemerlangan adalah berdasarkan pencapaian semasa latihan dan sumbangan bagi kegiatan luar.

**Jadual 40 :**  
Penerima Anugerah Graduan Terbaik CIAST Tahun 2012

Kursus	Bidang/Sesi	Penerima Anugerah Graduan Terbaik
<b>DLPV</b>	Teknologi Jaminan Mutu bagi sesi 2/2010	Mohd Khairul Asmawi Bin Mohd Suhaimi
	Teknologi Automotif sesi 4/2010	Abdullah Asraf Bin Ab Majid
<b>SKM3+VTO</b>	Teknologi Pengeluaran sesi 4/2009	Mohamad Firdzaus Bin Mohd Sani
	Teknologi Elektronik sesi 2/2010	Nurul Aini Binti Imanah
	Teknologi Automotif sesi 4/2010	Azuan Bin Harun
<b>VTO</b>	Sesi 4/2010	Daniel Ding
	Sesi 2/2011	Mohd Razif Bin Abdul Razak
	Sesi 3/2011	Mohd Azman Bin Tamsir
	Sesi 4/2011	Siti Marzilah binti Mat Arid

## 6.9 Kampus Satelit

Projek Kampus Satelit CIAST telah ditubuhkan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru bagi menggantikan Projek CIAST Tanjung Malim. Objektif utama penubuhan Kampus Satelit CIAST adalah bagi mencapai sasaran unjuran tenaga pengajar kemahiran yang diperlukan sehingga tahun 2020 termasuk di Sabah dan Sarawak.

Projek Kampus Satelit CIAST melibatkan 11 buah Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di seluruh Malaysia, pihak swasta dan beberapa agensi kerajaan lain. CIAST Shah Alam akan bertindak sebagai kampus induk. Kampus satelit ini akan menggunakan kemudahan sedia ada di institusi tersebut seperti ruang kerja kakitangan, bilik kuliah, bengkel latihan, asrama, perpustakaan, dewan makan, makmal komputer serta kemudahan-kemudahan kampus lain tanpa mengganggu kursus-kursus latihan sedia ada di institusi berkenaan.

Kampus Satelit CIAST akan memfokuskan kepada latihan tenaga pengajar baharu melalui program *Vocational Training Officer* (VTO). Selain daripada itu, program *Vocational Training Executive* (VTE), *Vocational Training Manager* (VTM) dan kursus-kursus modular akan turut ditawarkan. Kapasiti latihan bagi setiap kampus satelit dijangka mampu menampung sehingga 75 orang pelajar pada satu-satu masa.

Sepanjang tahun 2012, lima (5) buah ILJTM telah dipilih iaitu;

- i. Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping,
- ii. Institut Latihan Perindustrian (ILP) Marang,
- iii. Institut Latihan Perindustrian (ILP) Selandar,
- iv. Institut Latihan Perindustrian (ILP) Sandakan dan
- v. Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Bintulu

Kesemua ILJTM ini telah mula dinaiktaraf dan diubahsuai bagi memenuhi keperluan Kampus Satelit CIAST. Dua daripadanya iaitu di ADTEC Taiping dan ILP Marang telah siap dinaiktaraf dan dijangka boleh memulakan operasi pengambilan pelajar pada tahun 2013. Kerja-kerja naik taraf di ILP Selandar, ILP Sandakan dan ADTEC Bintulu dijangka akan siap sepenuhnya pada akhir Februari 2013 manakala proses pembekalan peralatan bagi ketiga-tiga kampus satelit tersebut akan dimulakan pada Januari 2013.

*Penubuhan kampus satelit di ILP Marang*



*Bilik Kuliah*



*Bilik Simulasi*



*Bilik Ketua Penyelaras*

*Penubuhan kampus satelit di ADTEC Taiping*



*Makmal Pengajaran*



*Bilik Seminar*



*Makmal Pengajaran*



# BAB 7

## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN KEWANGAN

# PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN KEWANGAN

## 7.1 Pengurusan Sumber Manusia

### 7.1.1 Penjawatan Semasa

Bagi merealisasikan visi dan misi JPK sebagai peneraju dalam membangunkan tenaga kerja mahir negara, JPK telah diperuntukkan sebanyak 679 perjawatan yang merangkumi Ibu Pejabat JPK (Putrajaya dan Cyberjaya), CIAST (Shah Alam) dan enam (6) Pejabat Wilayah. Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 622 (91.61%) jawatan dari pelbagai kategori telah diisi. Jadual 41 menunjukkan pengisian jawatan mengikut lokasi.

**Jadual 41 :**

Pengisian Jawatan Mengikut Lokasi

Lokasi & Kategori Jawatan	Pengurusan dan Profesional			Sokongan		
	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
JPK Putrajaya & Cyberjaya	171	167	4	132	118	14
CIAST, Shah Alam	153	145	8	132	107	25
Pejabat Wilayah	36	36	0	55	49	6
<b>JUMLAH</b>	<b>360</b>	<b>348</b>	<b>12</b>	<b>319</b>	<b>274</b>	<b>45</b>

### 7.1.2 Kenaikan Pangkat

Pada tahun 2012 seramai 65 pegawai telah ditawarkan kenaikan pangkat yang merangkumi pegawai dari pelbagai gred dan skim. Begitu juga dengan urusan pemangkuan, di mana seramai 14 pegawai telah menerima tawaran daripada pihak JPA manakala seramai 66 pegawai yang layak telah dikemukakan ke JPA untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat pada tahun 2013. Jadual 42 menunjukkan statistik kenaikan pangkat dan pemangkuan kerja tahun 2012.

**Jadual 42 :**  
Statistik Bilangan Pegawai Mengikuti Latihan

Bil.	Jawatan	Gred	Urusan Naik Pangkat	Urusan Pemangkuan	Pertimbangan Naik Pangkat
1	Pegawai Latihan Vokasional	JUSA B	tiada	tiada	tiada
2		JUSA C	tiada	tiada	1
3		J54	tiada	2	tiada
4		J52	tiada	tiada	tiada
5		J48	5	tiada	5
6		J44	28	tiada	28
7		J42	24	tiada	25
8		J38	3	4	3
9		J36	3	4	3
10		J30	1	tiada	1
11	Pelukis Pelan	J22	1	tiada	1
12	Pegawai Penolong Tadbir	N36	tiada	tiada	tiada
13		N32	tiada	1	tiada
14		N22	tiada	4	tiada
<b>JUMLAH</b>			<b>65</b>	<b>15</b>	<b>67</b>

### 7.1.3 Pengisian Jawatan


Sepanjang tahun 2012, jabatan telah menerima pengisian jawatan bagi pelbagai gred yang melibatkan seramai 41 pegawai bertukar dari jabatan lain dan pegawai lantikan baru. Pertukaran pegawai di Jabatan ini melibatkan 38 pegawai iaitu seramai 19 pegawai bagi pertukaran ke lain-lain jabatan dan 19 pegawai bagi pertukaran secara dalaman. Jadual 43 merumuskan pengisian jawatan Jabatan.

**Jadual 43 :**  
Statistik Pengisian Jawatan Jabatan

Pengisian Pertukaran	Kategori Jawatan		Jumlah
	Pengurusan dan Profesional	Sokongan	
Pengisian Jawatan	23	18	41
Ke lain-lain Jabatan	12	7	19
Secara Dalaman	12	7	19

#### 7.1.4 Human Resources Management Information System (HRMIS)

Pencapaian HRMIS Jabatan pada tahun 2012 adalah pada tahap yang baik, iaitu 99.97% untuk Modul Pengisian Rekod Peribadi, 99.97% bagi Modul Rekod Perkhidmatan, 98.71% bagi Modul Rekod Sasaran Kerja Tahunan (SKT), dan 99.19% bagi Modul Rekod Pengisytiharan Harta. Carta 45 menunjukkan prestasi HRMIS Jabatan.



**Carta 45 :**  
Prestasi HRMIS 2012.

#### 7.1.5 Persaraan

Bagi tahun 2012, terdapat dua (2) pegawai Jabatan telah bersara iaitu Pn. Habibah binti Hassan dan Encik Mohd Salleh bin Ismail Effendi masing-masing berkhidmat di CIAST.

Pn. Habibah binti Hassan secara rasminya bersara pada 26 Januari 2012 dan telah banyak menyumbang jasa kepada Jabatan terutamanya dalam mengurus pentadbiran Asrama CIAST selama 30 tahun berkhidmat. Jawatan terakhir yang disandang beliau adalah sebagai Pembantu Tadbir (Penyelia Asrama) Gred N22 (KUP).

Encik Mohd Salleh bin Ismail Effendi telah bersara secara rasminya bersara pada 1 September 2012 dan telah banyak menyumbang jasa kepada Jabatan selama 30 tahun berkhidmat terutamanya dalam mengurus Pentadbiran dan Aset di CIAST. Jawatan terakhir yang disandang beliau adalah sebagai Penolong Pegawai Tadbir Gred N27.

Jabatan menghargai sumbangan kedua-dua pegawai dan mengucapkan selamat maju jaya menempuh dunia baru.

**Jadual 44 :**  
Pegawai Yang Bersara Tahun 2012

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan	Tempat Bertugas	Tarikh Bersara
1.	Puan Habibah binti Hassan	Pembantu Tadbir (Penyelia Asrama) Gred N22 (KUP)	CIAST	26 Januari 2012
2.	Encik Mohd Salleh bin Ismail Effendi	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	CIAST	1 September 2012

## 7.2 Pengurniaan Pingat Kebesaran dan Anugerah Kepada Kakitangan JPK



Pada tahun 2012, enam (6) pegawai Jabatan telah dikurniakan Pingat Kebesaran dan Anugerah daripada Kerajaan Persekutuan, Selangor, Melaka dan Pulau Pinang. Pengurniaan pingat ini merupakan penghargaan kepada sumbangan pegawai dalam menyumbangkan khidmat dan jasa kepada Negara. Jadual 45 menunjukkan pegawai senarai nama penerima pingat kebesaran dan anugerah

### 7.2.1. Pengurniaan Darjah Kebesaran Pingat Jasa Kebaktian (PJK)

Pn. Khadijah Bt Mohd. Noor, Penolong Pegarah Gred J42 dari Bahagian NOSS telah dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) pada 14 Julai 2012 bertempat di Dewan Seri Pinang, Pulau Pinang.

### 7.2.2. Pengurniaan Darjah Pangkuan Seri Melaka ( D.P.S.M)

YBrs. Dr. Pang Chau Leong, Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran telah dikurniakan Darjah Pangkuan Seri Melaka ( D.P.S.M) yang membawa gelaran Datuk pada 14 Oktober 2012 bersempena Hari Ulangtahun Ke-74 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob bertempat di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh Melaka.

### 7.2.3. Pengurniaan Darjah Kebesaran Johan Mangku Negara (J.M.N)

YBrs. Dr. Pang Chau Leong, Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran telah dikurniakan darjah kebesaran Johan Mangku Negara (J.M.N) pada 10 Oktober 2012 bertempat di Balairong Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur.

### 7.2.4. Pengurniaan Darjah Kebesaran Ahli Mangku Negara (A.M.N)

En. Zulkifli bin Mohamad Sidi dari CIAST telah dikurniakan darjah kebesaran Ahli Mangku Negara (A.M.N) pada 11 Disember 2012 bersempena Ulangtahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Al-Mutassimu Billahi Muhibbudin Sultan Abdul Halim Al-Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah bertempat di Balairong Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur.

### 7.2.5. Pengurniaan Darjah Kebesaran Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)

Hj. Tukimin bin Solehan dari CIAST telah dikurniakan darjah kebesaran Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) pada 21 Mei 2012 bertempat di Dewan Jubli Perak, Sultan Abdul Aziz, Shah Alam.

### 7.2.6. Pengurniaan Darjah Kebesaran Pingat Pangkuan Negara (PPN)

Tiga (3) pegawai Jabatan iaitu Pn. Khadijah Bt Mohd. Noor (NOSS), En. Mohamed bin Majid (KPSM) dan Pn. Asiah bt. Sulaiman (CIAST) telah dikurniakan darjah kebesaran Pingat Pangkuan Negara (PPN) pada 11 Disember 2012 bersempena Ulangtahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Al-Mutassimu Billahi Muhibbudin Sultan Abdul Halim Al-Muadzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah bertempat di Balairong Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur.



*Asiah bt. Sulaiman*



*Mohamed bin Majid*



*Khadijah Bt Mohd. Noor*

*Penerima Darjah Kebesaran Pingat Pangkuan Negara (PPN)*

**Jadual 45:**

Senarai Nama Penerima Pingat Kebesaran dan Anugerah

BIL	NAMA	NAMA PINGAT	TARIKH	TEMPAT
1	Dr. Pang Chau Leong	1) Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M)	14/10/2012	Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh Melaka
		2) Johan Mangku Negara (J.M.N)	09/10/2012	Balairong Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur
2	Khadijah binti Mohd Nor	1) Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)	14/7/2012	Dewan Seri Pinang, Pulau Pinang
		2) Pingat Pangkuan Negara (P.P.N)	11/12/2012	Balairong Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur
3	Mohamed bin Majid	Pingat Pangkuan Negara (P.P.N)	11/12/2012	Balairong Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur
4	Asiah binti Sulaiman	Pingat Pangkuan Negara (P.P.N)	11/12/2012	Balairong Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur
5	Zulkifli bin Mohamad Sidi	Ahli Mangku Negara (AMN)	11/12/2012	Balairong Seri, Istana Negara, Kuala Lumpur
6	Hj. Tukimin bin Solehan	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)	21/5/2012	Dewan Jubli Perak, Sultan Abdul Aziz, Shah Alam

### 7.2.7 Anugerah Khidmat Cemerlang

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2011 telah diadakan pada 19 April 2012 bertempat di Dewan Perdana, Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya. Seramai 48 pegawai daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran dari pelbagai Bahagian dan Gred telah menerima anugerah tersebut atas prestasi yang cemerlang pada tahun 2011. Senarai penerima APC 2011 adalah seperti di Jadual 46.

**Jadual 46 :**

Senarai Nama Penerima APC 2011

BIL.	NAMA	JAWATAN	GRED	TEMPAT BERTUGAS
1	Mohamad bin Yaacob	PLV	J54	JPK (SLDN)
2	Dr. Ir. Azmi bin Ahmad	PLV	J52	CIAST
3	Junita binti Mohamed Ali	PLV	J48	JPK (PP & P)
4	Yuslan bin Yasok	PLV	J48	JPK (PKS)
5	Sariyah binti Adam	PLV	J48	JPK (NOSS)
6	Norhayati binti Yahaya	PLV	J48	CIAST

BIL.	NAMA	JAWATAN	GRED	TEMPAT BERTUGAS
7	Yaakub bin Saad	PLV	J48	CIAST
8	Saiful Amir bin Omar	PLV	J48	CIAST
9	Iskandar bin Kamarudin	PLV	J48	CIAST
10	Norhayati binti Ishak	PLV	J48	CIAST
11	Mohd Sarfudin bin Awang	PLV	J44	JPK ( PKS)
12	Roslinda binti Mohd Khalid	PLV	J44	JPK (SLDN)
13	Nadzron bin Abd Hamid @ Majid	PLV	J44	JPK (MOSQ)
14	Ganesan a/l Murugesu	PLV	J44	CIAST
15	Farehan binti Ismail	PLV	J44	CIAST
16	Mad Zufri bin Ismail	PLV	J44	CIAST
17	Ahmad Rosdan bin Muhammad Ishak	PLV	J44	CIAST
18	Shiadri binti Saleh @ Aman	PLV	J42	JPK (PMO)
19	Yusni Amir bin Dahlan	PLV	J42	JPK (NOSS)
20	Suriyany binti Samsudin	PLV	J41	JPK (Utara)
21	Nurul Azani binti Ibrahim	PLV	J41	JPK (Selatan)
22	Muhammad Aizat bin Tumiran	PLV	J41	JPK (PMO)
23	Raghu A/L Thiyagarajan	PLV	J41	JPK ( NOSS)
24	Ahmad Nadzreen bin Mohamad Ali	PTD	M41	JPK (KPSM)
25	Mohd Syazwan bin Zahari	PLV	J41	JPK (MOSQ)
26	Faizatun Izzah binti Zohedi	PLV	J41	JPK (MOSQ)
27	Ahmad Supawi bin Osman	PLV	J41	JPK (SLDN)
28	Shadni Wardiah binti Shaharir	PTM	F41	CIAST
29	Mohamad Lutfi bin Mohd Darjak	PPLV	J38	JPK (MOSQ)
30	Saluwa binti Masdar	PPLV	J38	CIAST
31	Mohd Zulaffandi bin Abdullah	PPLV	J38	CIAST
32	Zahrin bin Abd. Latiff	PPLV	J36	CIAST
33	Norazuri binti Yusof	PPLV	J38	CIAST
34	Suhaimi bin Mohamed	PPLV	J36	JPK (Timur)
35	Hisham bin Taja Ariffin	PPLV	J36	JPK (MOSQ)

BIL.	NAMA	JAWATAN	GRED	TEMPAT BERTUGAS
36	Norsiah binti Muhammad	PPLV	J29	JPK (Tengah)
37	Khairul Nizam bin Abdul Haris	PPLV	J29	JPK (Sarawak)
38	Lucy Samuel	SP	N27	JPK (Sabah)
39	Radazuan bin Shamsudin	KPT	N22	CIAST
40	Nurul Adila binti Nahar	PT (P/O)	N17	JPK (KPSM)
41	Nor Hanani binti Mohd Yusoff	PT (KEW)	W17	JPK (KPSM)
42	Hartini binti Mat Yasin	PT (P/O)	N17	JPK (KPSM)
43	Safia Noraiqha binti Samat	PT (P/O)	N17	JPK (KPSM)
44	Ahmad Khariri Al-Hadi bin Md Yusop	PA	N17	CIAST
45	Mohd Azril Zuandi bin Azme	Pem. Am	N1	JPK (SLDN)
46	Zainuddin bin Zubir	PJE	R17	CIAST
47	Azizul bin Ismail	Pemandu	R6	JPK (KPSM)
48	A. Rahim bin Sori	Pemandu	R3	CIAST



*Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan tahun 2011*

### 7.3 Latihan

Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) mulai 1 November 2002 yang berteraskan kompetensi dan pembelajaran berterusan adalah bertujuan untuk menggalakkan pembangunan diri, penguasaan pengetahuan, kemahiran, kreativiti dan inovasi. Sejalan dengan itu, Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam telah menetapkan agar setiap anggota perkhidmatan awam melengkapkan diri dengan sikap (attitude), kemahiran (skill) dan pengetahuan (knowledge) yang bersesuaian melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang.

Selaras dengan keperluan tersebut, 98.54% pegawai JPK telah mengikuti latihan sekurang-kurangnya sehari bagi menghadiri kursus, sesi percambahan ilmu, wacana minda, lain-lain ilmu dan latihan untuk memantapkan kompetensi diri serta mencapai matlamat dasar Kerajaan. Jadual 47 menunjukkan statistik pegawai yang telah mengikuti latihan dan sesi ilmu tahun 2012 yang diadakan oleh jabatan, kementerian dan juga agensi luar. Beberapa gambar aktiviti latihan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2012 adalah seperti di bawah.

**Jadual 47:**  
Statistik Bilangan Pegawai Mengikuti Latihan

Gred / Kumpulan	Bil. Pegawai	Lebih 7 Hari Setahun	Kurang 7 Hari Setahun	Tidak Berkursus
JUSA	3	2	-	1
Pengurusan dan Profesional	340	313	21	6
Sokongan 1	202	174	26	2
Sokongan 2	73	68	5	-
<b>JUMLAH</b>	<b>618</b>	<b>557</b>	<b>52</b>	<b>9</b>



*Kursus Team Building  
(Seri Malaysia, Sepang : 20-22 April 2012)*



*Kursus Perancangan & Pengurusan Kewangan  
(Hotel Empress, Sepang : 27-29 April 2012)*



*Kursus Penulisan Surat Rasmi & Memo Berkualiti  
(Hotel Empress, Sepang : 18-20 Mei 2012)*



*Kursus Fotografi  
(PICC, Putrajaya : 22-24 Mei 2012)*



*Kursus Pengurusan Majlis dan Protokol  
(Hotel De Palma, Ampang : 11-13 September 2012)*



*Kursus Memperkasakan ISO9001:2008 Jabatan  
(PICC, Putrajaya : 17-20 September 2012)*



*Kursus Kepuasan Pelanggan dan Penambahbaikan Berterusan (PICC, Putrajaya : 24-25 September 2012)*



*Kursus Kesedaran ISO 9001:2008  
(PICC, Putrajaya : 26-27 September 2012)*

## 7.4 Pengurusan Kewangan

Pada 2012, Jabatan telah menerima peruntukan perbelanjaan mengurus sejumlah RM63,694,331.00 untuk Dasar Sedia Ada, Dasar Baru Pertandingan Kemahiran Malaysia, Dasar "one-off" Emolumen Kakitangan Kontrak dan Dasar "one-off" Harta Modal. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak RM 65.8 juta (104.34%) daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan bagi semua aktiviti operasi Jabatan. Rumusan prestasi perbelanjaan mengurus Jabatan adalah seperti di Jadual 48.

**Jadual 48:**  
Statistik Perbelanjaan Mengurus Jabatan

Jenis Peruntukan	Peruntukan Sebenar (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
Dasar Sedia Ada	62,484,631.85	65,230,264.85	104.39
Pekerja Sambilan Harian	609,700.00	599,748.30	98.37
Pertandingan Kemahiran Malaysia	465,600.00	465,422.59	99.96
Harta Modal	134,400.00	134,125.75	99.80
<b>Jumlah B46</b>	<b>63,694,331.85</b>	<b>66,429,561.49</b>	<b>104.29</b>

Bagi tahun 2012, Jabatan telah menerima Peruntukan Pembangunan sebanyak RM58,221,590.00 dan sebanyak RM57,856,191.65 (99.60%) telah dibelanjakan bagi melaksanakan aktiviti pembangunan latihan kemahiran. Rumusan prestasi perbelanjaan mengurus Jabatan adalah seperti di Jadual 49.

**Jadual 49:**  
Statistik Perbelanjaan Pembangunan Jabatan

Jenis Peruntukan	Peruntukan Sebenar (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
Pembangunan (P46)	58,221,221.00	57,856,191.65	99.60

Selain peruntukan belanja mengurus dan pembangunan, Jabatan juga telah menerima empat (4) peruntukan masing-masing daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (RM8.4 juta), Kementerian Kerja Raya (RM455,456.00), **Performance Management Delivery Unit** (PEMANDU) (RM966,919.00) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) (RM396,258.00).

Di bawah hadiah latihan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan telah membelanjakan RM8,399,790.00 bagi tujuan pelaksanaan Program Pembangunan Kemahiran (PPK) tenaga pengajar institut latihan kemahiran awam yang diselenggarakan

oleh CIAST. Bagi aktiviti Pertandingan Kemahiran dari Kementerian Kerja Raya sebanyak RM431,932.21 (95%) telah dibelanjakan. Jabatan telah menggunakan peruntukan daripada PEMANDU untuk aktiviti Penarafan Bintang Pusat Bertauliah sebanyak RM936,426.10. Akhir sekali, di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak RM396,200.00 digunakan untuk pembangunan prasarana Urban Transformation Centre (UTC) dan Rural Transformation Centre (RTC). Jadual 50 menunjukkan statistik perbelanjaan daripada Agensi-Agensi Lain.

**Jadual 50 :**

Statistik Perbelanjaan Daripada Sumber Lain Jabatan

Agensi	Peruntukan Sebenar (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)
JPA	8,400,000.00	8,399,790.00	99.99
KKR	455,456.00	431,932.21	94.84
PEMANDU	966,919.00	936,426.10	96.85
KKLW	396,258.00	396,200.00	99.98

## 7.5 Pengurusan Pentadbiran (Pengurusan Aset Alih Harta Modal & Inventori)

### 7.5.1 Pembelian Harta Modal dan Inventori Menggunakan Peruntukan Mengurus

Pada tahun 2012, Jabatan telah diberikan peruntukan Mengurus bagi pembelian Harta Modal dan Inventori sebanyak RM134,000.00 bagi Ibu Pejabat, Pejabat Wilayah dan CIAST. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM133,725.75 (99.80%) telah digunakan bagi pembelian harta modal dan inventori, dengan baki peruntukan sebanyak RM274.25. Perincian pembelian tersebut adalah seperti di Jadual 51.

**Jadual 51:**

Pembahagian Peruntukan Harta Modal Dan Inventori

JABATAN	JUMLAH (RM)
Ibu Pejabat & Cyberjaya	104,385.00
JPK Wilayah Utara	840.00
JPK Wilayah Timur	-
JPK Wilayah Selatan	-
JPK Wilayah Tengah	5,619.00
JPK Sabah	8,190.00
JPK Sarawak	6,441.75
CIAST	8,250.00
<b>Jumlah</b>	<b>133,725.75</b>

Selain peruntukan di atas, Jabatan juga telah diberikan peruntukan one off kenderaan yang digunakan untuk pembelian sebuah (1) Toyota Hiace Window Van 2.7 (P). Dengan adanya van ini, Jabatan lebih mudah untuk mengurus promosi Skills Malaysia di seluruh Semenanjung Malaysia. Van ini telah didaftarkan pada 26 Disember 2012 dan mendapat Sijil Pemeriksaan dan Pengujian Kenderaan oleh Jabatan Kerja Raya pada 28 Disember 2012.



*Van SkillsMalaysia*

### **7.5.2 Pemeriksaan Harta Modal dan Inventori**

Bagi memastikan harta modal dan inventori berada dalam keadaan yang baik dan dikemaskini, pemeriksaan harta modal dan inventori telah dilaksanakan sebanyak sekali (1) pada tahun 2012 di Ibu Pejabat, CIAST dan keenam-enam Pejabat Wilayah. Laporan pemeriksaan tersebut telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawtankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) bilangan 4 tahun 2013.

### **7.5.3 Inventori dan Stok**

Berdasarkan Laporan kedudukan Nilai Semasa Stok pada suku tahun keempat 2012, jumlah keseluruhan stok simpanan adalah RM788,485.94. Manakala bagi kadar pusingan stok tahunan, Ibu Pejabat dan JPK Wilayah Selatan telah mencatatkan prestasi yang baik. Laporan pemeriksaan tersebut telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawtankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) bilangan 4 tahun 2013.

### **7.5.4 Pelupusan Harta Modal dan Inventori**

Untuk tahun 2012, terdapat dua kali aktiviti Pelupusan Aset telah dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat, berjumlah RM824,720.00 (melibatkan Peralatan ICT dan Peralatan MySkills). Bagi CIAST, jumlah pelupusan adalah RM3,704,094.70. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan pelupusan adalah RM4,528,814.76. Tiada pelupusan dibuat bagi pejabat-pejabat JPK Wilayah.

Bagi Peralatan ICT, kaedah pelupusan yang digunakan adalah kaedah Buang dan Musnah. Manakala bagi peralatan MYSkills, kaedah Pindahan dan Hadiah digunakan ( Institusi yang menerima peralatan tersebut adalah seperti ILP Kota Bharu, Pusat Latihan Industri Perakayuan Terengganu, ADTEC Shah Alam, CIAST



## Kreativiti dan Inovasi

Berikut adalah aktiviti berbentuk kreativiti dan inovasi yang disertai oleh Jabatan sepanjang tahun 2012:

### 8.1 Perkongsian Maklumat ITEX 2012

CIAST telah menyertai **ITEX 2012 Malaysia - 23rd. International Invention, Innovation & Technology Exhibition** yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 17-19 Mei 2012 dan telah berjaya memperolehi dua (2) pingat perak. Nama projek dan peserta yang menyertainya adalah seperti dalam Jadual 52:

**Jadual 52 :**

Maklumat penyertaan ITEX 2 012

Nama Projek	Nama Peserta	Pingat Dimenangi
<b>Platinum Smart Alert System</b>	1. Yaakob bin Saad 2. Azmanaruzee bin Abdullah 3. Mohd Zulaffandi bin Abdullah 4. Ahmad Mashudi bin Alpiah 5. Nik Fadley Osman bin Nik Ahmad	Perak
<b>Back Up and Saving Energy Using Solar System</b>	1. Mohd Zulaffandi bin Abdullah 2. Mohd Ozahir bin Mat Palal 3. Mohamed Lotfi bin Arifin 4. Nazrim bin Tan 5. Noor Azita bt Bakar 6. Mohd Zaini bin Mat Wazir 7. Ariffin bin Mohamad 8. Suzaini bin Supingat 9. Noor Adlina bt Ibrahim	Perak



*Pingat perak yang dimenangi dalam ITEX 2012 Malaysia - 23rd. International Invention, Innovation & Technology Exhibition bagi projek Platinum Smart Alert System dan Back Up and Saving Energy Using Solar System*

## 8.2 Persijilan 5S

Mendepani cabaran yang semakin hebat dalam mengurusperdana latihan kemahiran Malaysia dan memperkasa pengajar kemahiran Malaysia, CIAST mengambil langkah menghidupkan budaya kerja cemerlang melalui pelaksanaan amalan persekitaran berkualiti (5S).

Bermula secara berperingkat mulai 2010 dan hasrat Pengarah CIAST, Tuan Haji Ghazlan Bin Ghazali yang pada peringkat awalnya ingin melihat amalan 5S menjadi budaya kerja di CIAST akhirnya telah menjurus kepada usaha ke arah persijilan pada penghujung 2011. CIAST secara berterusan berusaha membudayakan amalan 5S di kalangan anggotanya sehinggalah layak dipersijilkan oleh Malaysia Productivity Corporation (MPC) pada 5 Disember 2012.

Pada 11 Januari 2013, secara rasminya CIAST menerima Sijil Pengiktirafan Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) yang telah disampaikan oleh MPC kepada Ketua Pengarah JPK, Datuk Dr. Pang Chau Leong.

Kejayaan persijilan ini merupakan satu lagi permulaan baru bagi CIAST ke arah meningkatkan budaya kerja cemerlang dan hari ini CIAST telahpun berjaya menempatkan dirinya sebaris dengan organisasi lain yang telah dipersijilkan oleh MPC.





### 8.3 Sijil Naziran Bersih Tahun 2012

Majlis Pelancaran Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) di JPK Wilayah Utara telah diadakan pada 21 Disember 2012 bertempat di JPK Wilayah Utara. Majlis ini telah dilancarkan oleh Pn Meena a/p Ramalingam, Pengarah JPK Wilayah Utara bersama-sama pegawai dan kakitangan JPK Wilayah Utara. Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) merupakan satu kaedah bagi melaksanakan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang kemas, bersih dan tersusun. Selain itu, ianya akan meningkatkan tahap pengurusan dan penyelenggaraan pejabat ke arah yang lebih baik di samping dapat mengurangkan pembaziran. Warga Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Utara komited untuk melaksanakan Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) dalam usaha mewujudkan persekitaran tempat kerja yang kondusif, selesa dan selamat.



#### 8.4 Majlis Pelancaran Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Di JPK Wilayah Utara Pada 21 Disember 2012

Pada tahun 2012, Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Utara telah dianugerahkan Sijil Naziran Bersih Tahun 2012 oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang. Ianya lanjutan dari lawatan Naziran oleh pegawai Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang pada 17 Mei 2012. Secara keseluruhan, tahap pengurusan kewangan di Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Utara pada tahun 2012 adalah cemerlang dan pihak Jabatan komited untuk memastikan tatacara dan prosedur kewangan yang betul dan sedang berkuatkuasa terus diaplikasikan secara berterusan.





# BAB 9

## AKTIVITI PERINGKAT WILAYAH



# Aktiviti Peringkat Wilayah

Berikut adalah aktiviti 2012 yang telah dijalankan oleh pejabat JPK Wilayah.

## 9.1 JPK Wilayah Utara

Jadual 53 di bawah menunjukkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh JPK Wilayah Utara sepanjang tahun 2012.

**Jadual 53 :**  
Aktiviti JPK Wilayah Utara

BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1	13 - 16 Februari	Bengkel Akreditasi Pusat Latihan QT Kulim, Kedah	JPK Wilayah Utara
2	17 Februari 2012	Mesyuarat Akreditasi JPK bersama Federation Of Malaysian Manufactures (FMM) Pulau Pinang	Bilik Mesyuarat Federation Of Malaysian Manufactures (FMM) Pulau Pinang.
3	18 Februari 2012	Hari Sukan Antara Jabatan Dan Agensi Bangunan KWSP Seberang Jaya, Pulau Pinang	KWSP Seberang Jaya, Pulau Pinang
4	21 Mac 2012	Simposium SKM Sebagai Gerbang Kerjaya 2012	Hotel Seri Malaysia Kepala Batas pada
5	31 Mac sehingga 1 April 2012	Karnival Skills Malaysia Koridor Utara 2012	Dewan Besar Sungai Dua, Tasek Gelugor, Pulau Pinang
6	29 hingga 31 Mei 2012	Taklimat dan Mesyuarat Penyelarasan Pusat Bertauliah Wilayah Utara	JPK Wilayah Utara
7	26 Jun 2012	Seminar Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia bagi Pusat Bertauliah Wilayah Utara 2012	Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas
8	6 Oktober 2012	Hari keluarga JPK Wilayah Utara	Batu Feringghi, Pulau Pinang
9	8 Oktober 2012	Kursus Pegawai Kaunter Jabatan-Jabatan Di Kementerian Sumber Manusia Wilayah Utara	JPK Wilayah Utara
10	24 Oktober 2012	Bengkel SkillsMalaysia - Kesedaran Kerjaya Kemahiran (Perlis) 2012	Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis



Y.B Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri menandatangani buku pelawat dan buku Realiti Kemahiran Edisi 1 JPK Wilayah Utara



Pelancaran Buku Realiti Kemahiran Edisi 1 oleh Y.B Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Bengkel Akreditasi Pusat Latihan QT Kulim, Kedah ini telah diadakan pada 13 hingga 16 Februari 2012 bertempat di JPK Wilayah Utara. Bengkel telah dihadiri oleh wakil dari JPK, Koridor Utara Malaysia, Pusat Latihan QT, Dream Catcher Consulting Sdn Bhd bagi membincangkan akreditasi program Pusat Latihan QT yang merangkumi pembangunan NOSS, kriteria personel, pentauliahan program dan persijilan.



Mesyuarat Akreditasi JPK bersama Federation Of Malaysian Manufactures (FMM) Pulau Pinang yang bertujuan mesyuarat diadakan adalah bagi membincangkan pentauliahan atau akreditasi kepada program-program sedia ada di FMM oleh pihak JPK.





Simposium SKM Sebagai Gerbang Kerjaya 2012 telah diadakan di Hotel Seri Malaysia Kepala Batas pada 21 Mac 2012 bertujuan memberikan maklumat berkaitan Persijilan Kemahiran Malaysia dan peluang-peluang kerjaya lepasan SKM/DKM/DLKM kepada guru-guru kaunselor sekolah dan agensi latihan kemahiran sekitar Wilayah Utara.



*Taklimat dan Mesyuarat Penyelarasan Pusat Bertauliah Wilayah Utara yang telah diadakan pada 29 hingga 31 Mei 2012 melibatkan kehadiran pengurus atau wakil Pusat Bertauliah bagi negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.*



*Seminar Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia bagi Pusat Bertauliah Wilayah Utara 2012 telah diadakan di ILP Kepala Batas pada 26 Jun 2012 bertujuan memberikan maklumat berkaitan Sistem Pentauliah Persijilan Kemahiran Malaysia yang terkini, pembangunan NOSS format baru dan berkaitan panduan direktori mengenai pendidikan teknikal dan latihan vokasional kepada personel pusat bertauliah Wilayah Utara.*



*Kursus Pegawai Kaunter Jabatan-Jabatan Di Kementerian Sumber Manusia Wilayah Utara telah diadakan pada 8 Oktober 2012 bertempat di JPK Wilayah Utara bertujuan bagi memberi maklumat dan tanggungjawab jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia kepada pegawai dan kakitangan kaunter jabatan dan agensi di Wilayah Utara.*



Bengkel ini telah diadakan pada 24 Oktober 2012 bertempat di Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis bertujuan menyampaikan maklumat berkaitan panduan direktori mengenai pendidikan teknikal dan latihan vokasional kepada guru-guru kaunselor sekitar negeri Perlis dan Kedah dan telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Pang Chau Leong, Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran. Turut hadir adalah Tn Hj Ahmad Tajudin Bin Jab, Pengarah BPTV, Kementerian Pelajaran Malaysia.

## 9.2 JPK Wilayah Selatan

Jadual 54 di bawah menunjukkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh JPK Wilayah Selatan sepanjang tahun 2012.

**Jadual 54 :**

Aktiviti JPK Wilayah Selatan

BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1	25 Februari 2012	6 siri Pameran dan ceramah sempena Program penempatan Pekerjaan (3P) Azam Kerja	Pusat Penerangan Pelancongan Mersing (METIC)
2	10-11 Mac 2012		MITC, Ayer Keroh, Melaka
3	17 Mac 2012		Dewan Penghulu Abdullah, Sekolah Kebangsaan Abdullah, Muar
4	7 April 2012		Dewan Sek. Men. Dato' Penggawa Barat, Pontian
5	14 April 2012		Bangunan Gunasama Persekutuan, Batu Pahat
6	19 Mei 2012		Dewan Serbaguna Taman Kota Jaya, Kota Tinggi
7	22 - 23 September 2012	Karnival Nusajaya	Dataran Mahkota, Kota Iskandar
8	29 Mac - 1 April 2012	4 siri Karnival dan 2 siri <i>Pre-engagement</i> Karnival Kerjaya, Perniagaan dan Kemahiran (KEPAK)	PERSADA International Convention Centre Johor Bahru
9	27-29 April 2012		Kluang Walk, Persiaran Dato' Haji Ismail Hassan
10	5 Jun 2012		Dewan Jubli Intan, Segamat
11	6 Jun 2012		Dewan Jubli Intan Ledang
12	13-15 Julai 2012	Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Muar	
13	5 -7 Oktober 2012	Stadium Tertutup Pasir Gudang	
14	19 Julai 2012	Program Hi-Tea Talk Di Urban Transformation Centre (UTC) Melaka	UTC Melaka
15	13 September 2012	Simposium "SKM Gerbang Kerjaya Anda"	Dewan Kuliah Utama Institut Latihan Perindustrian Bukit Katil, Melaka.
16	15 - 16 September 2012	Karnival SkillsMalaysia Zon Selatan	Malacca International Trade Centre (MITC)



Karnival Nusajaya yang berlangsung pada 22 hingga 23 September 2012 bertempat di Dataran Mahkota, Kota Iskandar adalah bertujuan untuk berkongsi dengan Rakyat di Iskandar Malaysia khususnya mengenai kejayaan yang dicapai oleh wilayah ini dalam tempoh lima tahun ini.



Karnival Kerjaya, Pniagaan dan kemahiran (KEPAK) 2012 yang bertujuan untuk memberi peluang-peluang kerjaya setempat dan di Iskandar Malaysia, peluang-peluang penjanaaan pendapatan melalui pniagaan kecil dan sederhana dan perkongsian maklumat dalam usaha membentuk sebuah masyarat maju dan berpendapatan tinggi di Negeri Johor.



"Simposium SKM Gerbang Kerjaya Anda" yang mensasarkan kehadiran Guru Kaunseling dan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) dari 76 buah sekolah Menengah di seluruh negeri Melaka. Majlis telah dirasmikan oleh En. Ahmad Kamal Ramtan, Ketua Sektor Pengurusan Akademik, selaku wakil Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Melaka.

### 9.3 JPK Tengah

Jadual 55 di bawah menunjukkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh JPK Wilayah Tengah sepanjang tahun 2012

#### Jadual 55 :

Aktiviti JPK Wilayah Selatan

BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1	16-20 Januari 2012	Kajian Keberkesanan Promosi SkillsMalaysia	Selangor, Kuala Lumpur dan Perak
2	19 Jan 2012	Pameran Sempena Seminar Peranan Kesatuan Sekerja dalam Menjadikan Malaysia Negara Berpendapatan Tinggi	Hotel Impiana, Ipoh
3	8-9 Feb 2012	Kursus Induksi PP-PPT di Pusat Latihan Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) No 53A Blok E, Zenith Corporate Park, Kelana Jaya	Kelana Jaya

BIL	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
4	20-25 Feb 2012	Bengkel Penyelarasan SLDN	Impress Hotel, Sepang
5	11-12 Feb 2012	Kursus Induksi PP-PPT di Azmida Training Centre, 10-2 Jln GP 2A Taman Gombak Permai, Batu Caves	Batu Caves
6	13-14 Feb 2012	Mesyuarat Penyelarasan Program SLDN Khas bersama Penyedia Latihan Wilayah Tengah	JPK Wilayah Tengah
7	13 Februari 2012	Pameran Construction Industry Career Fair (CICF) Sempena Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW 2012)	Pusat Konvensyen CIDB Jln Cheras, KL
8	17-19 Februari 2012	Pameran Sempena Pelancaran RTC Gopeng oleh Y.A.B PM Malaysia	Gopeng, Perak
9	4-10 Mac 2012	Kursus Coach SLDN	Hotel Heritage, Perak
10	17-18 Mac 2012	Karnival Jom Masuk U – Perak	Kuala Kangsar, KL
11	28 Mac 2012	Seminar Promosi Khas Mengenai Persijilan Kemahiran Malaysia Kepada Pengetua Sek Menengah Perak – JTK Ipoh	JTK Ipoh
12	31 Mac – 1 April 2012	Karnival Jom Masuk U – KL	PWTC, KL
13	5 April 2012	Seminar Promosi Khas Mengenai Persijilan Kemahiran Malaysia Kepada Pengetua Sek Menengah Perak – Adtec Taiping	Adtec Taiping
14	12 April 2012	Pameran Kerjaya	SMK Sultan Abdul Aziz Shah, Kajang
15	22-27 April 2012	Kursus Train The Trainer	Hotel Impress, Sepang
